

**Jilid I
Bil. 44**



**Hari Isnin
17hb Jun, 1991**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenalkan Akta-akta [Ruangan 6521]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 6522]

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Dato' Mohdmed bin Jamrah (Bagan Datok)

Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

**Y.B. Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha
(Kuala Rajang) [Ruangan 6524]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6525]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6597]**

ATURAN URUSAN MESYUARAT:

**Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak—
Menarik Balik [Ruangan 6600]**

KANDUNGAN—(samb.)

USUL-USUL:

**Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 dan Dasar
Pembangunan Baru—Y.A.B. Perdana Menteri [Ruangan 6601]**

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 6687]

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Kelas Peralihan—Pengecualian,
Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) [Ruangan 6687]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jejebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 17hb Jun, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

**PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN
AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memper-setujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1990;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No.2) 1990;
3. Akta Perbekalan 1991;
4. Akta Duti Hiburan (Pindaan) 1991;
5. Akta Kewangan 1991;
6. Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1991;
7. Akta Pencen (Pindaan) 1991;
8. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1991;
9. Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1991;

10. Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan) 1991;
11. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1991;
12. Akta Audit (Pindaan) 1991;
13. Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991;
14. Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1991;
15. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991;
16. Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991;
17. Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1991;
18. Akta Syarikat (Pindaan) 1991;
19. Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1991; dan
20. Akta Insurans (Pindaan) 1991.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dua Perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“21hb Disember, 1990.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun); dan
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No.2).

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA.”**

“1hb Mac, 1991.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1991;
2. Rang Undang-undang Duti Hiburan (Pindaan);
3. Rang Undang-undang Kewangan;
4. Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan);
8. Rang Undang-undang (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan);

9. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 1991;

10. Rang Undang-undang Audit (Pindaan);

11. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Pencen;

12. Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan);

13. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;

14. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat);

15. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti;

16. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan);

17. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan); dan

18. Rang Undang-undang Insurans (Pindaan).

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA.”**

**CUTI KEPADA
AHLI-AHLI—KEBENARAN**

**Y.B. Dato Mohamed bin Jamrah
(Bagan Datok)**

**Y.B. Tuan Haji Mohd. Jamil bin
Wan Mahmood (Tumpat)**

**Y.B. Dato' Abang Abu Bakar bin
Datu Bandar Abang Haji Mustapha
(Kuala Rajang)**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah

membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (1) Yang Berhormat Dato Mohamed bin Jamrah, Ahli bagi kawasan Bagan Datok dari 17hb Jun hingga 23hb Julai, 1991;
- (2) Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood, Ahli bagi kawasan Tumpat dari 17hb Jun hingga 28hb Jun, 1991; dan
- (3) Yang Berhormat Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Ahli bagi kawasan Kuala Rajang dari 17hb Jun hingga 27hb Jun, 1991.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PROJEK PEMBANGUNAN
PERTANIAN DI DAERAH
SELAMA**

1. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah projek-projek pertanian bagi Daerah Selama, Larut akan dilaksanakan dan berapakah peruntukan yang diberi dan sudahkah peruntukan itu diperolehi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak \$5.5 juta telah dipohon dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam bagi melaksanakan projek Pembangunan Pertanian di Daerah Kecil Selama. Walau bagaimanapun, bagi bulan Julai hingga Disember 1991, sejumlah \$300,000 akan dibelanjakan untuk melaksanakan program-program oleh beberapa agensi di bawah Kementerian Pertanian.

Jabatan Pengairan dan Saliran umpamanya akan membelanjakan sejumlah \$140,000 bagi pembinaan taliair konkrit di Bendang Banggol Jas/Sungei Nor dan mengubahsuai palung di Kampung Tapah ke tempat yang lebih sesuai. Jabatan Pertanian pula akan membelanjakan sejumlah \$90,000 bagi projek-projek pembangunan tanaman seperti mempelbagaikan tanaman makanan, tanaman dusun buah-buahan dan projek-projek perintis buah-buahan tidak bermusim yang dapat memberikan hasil yang tinggi seperti betik, belimbing dan kopi, sementara Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan membelanjakan sejumlah \$70,000 bagi Rancangan-rancangan Pembiakan Bebiri, Lembu dan Pembangunan Padang Ragut.

Bagi tahun 1992, sebanyak \$1.24 juta telah dipohon bagi projek-projek ini. Agensi-agensi yang terbabit dalam pembangunan pertanian di daerah ini adalah Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA dan Pejabat Daerah Selama yang masing-masing telah menjadualkan program-program pembangunan untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Memandangkan projek pembangunan pertanian ini akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan bagi melaksanakan projek ini akan diperolehi setelah program-program Rancangan Malaysia Keenam dibentangkan dan diluluskan dalam sesi Parlimen ini.

**GURU TERLATIH
DI SRJK(C)—KEKURANGAN**

2. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah kekurangan guru terlatih di sekolah rendah Cina di seluruh Malaysia dan di Sarawak khasnya; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteri Pendidikan untuk memperbaiki kekurangan ini dan masa yang ditaksirkan untuk mengatasi kekurangan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kekurangan guru terlatih di seluruh Malaysia pada tahun 1990 di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) ialah seramai 4,433 orang manakala di Sarawak ialah seramai 581 orang.
- (b) Kementerian Pendidikan masih meneruskan dan memperluaskan program Kursus Perguruan Asas Dalam Pengajian Cina bagi melatih guru-guru untuk sekolah rendah dan menengah. Selain daripada itu, Kursus Dalam Masa Cuti untuk melatih Guru Sandaran di bidang Pengajian Cina masih diteruskan di Sabah dan Sarawak. Mulai tahun 1991, Kementerian Pendidikan memulakan Kursus Perguruan Lepas Ijazah dalam Pengajian Cina. Dengan adanya program yang berterusan, masalah kekurangan guru dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, juga dimaklumkan bahawa calon-calon yang memiliki kepujian dalam Bahasa Cina di peringkat SPM/MCE/SPVM adalah mencukupi untuk dipertimbangkan. Oleh itu, masalah kekurangan calon yang layak tidak timbul. Kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah akan dapat diatasi secara beransur-ansur tahun demi tahun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian bercadang mengambil guru sandaran

sebagai menjadi guru terlatih dan, kalau tidak, mengapa?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah cadangan Kementerian Pendidikan bahawa guru sandaran itu diberi bukan sahaja kelayakan tetapi diberi keutamaan dalam pengambilan untuk dimasuki ke maktab perguruan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, pada tahun ini kita telah memberi kelonggaran kepada guru sandaran iaitu kita juga mempertimbangkan calon-calon yang melebihi daripada umur 27 tahun. Kalau mereka belum melebihi umur 30 tahun dan telah berkhidmat sebagai guru sandaran selama 3 tahun, kita juga memberi mereka pertimbangan. Ini dibandingkan dengan had umur untuk kemasukan calon-calon yang lain iaitu yang berumur 27 tahun sahaja.

WAWASAN TAHUN 2020—MATLAMAT NEGARA

3. **Tuan Ahmad bin Nor** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Wawasan Tahun 2020 matlamat negara atau strategi politik Barisan Nasional untuk terus mengekalkan kuasa;
- (b) mengapakah Wawasan Tahun 2020 diketengahkan oleh Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang membangun dalam jangka 30 tahun lagi;
- (c) tidakkah Perdana Menteri sedar bahawa Malaysia telah melangkah ke bidang pembangunan perindustrian sejak tahun 1970 di mana sudah berlalu selama 20 tahun dan sekarang kita menaruh harapan kepada 30 tahun akan datang untuk Malaysia yang kaya dengan sumber alam semula jadi

untuk mencapai matlamat Wawasan Tahun 2020; dan

- (d) adakah Perdana Menteri mengakui bahawa terdapat banyak kelemahan dalam strategi pembangunan ekonomi selama ini akibat dari dasar dan konsep politik yang telah memperlahankan pembangunan ekonomi negara.

34. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sejauhmana jaminan dapat diberikan bahawa Wawasan 2020 tidak boleh menghalang usaha menjadikan Malaysia sebuah negara Islam yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menjamin bahawa peradaban Islam tidak akan tenggelam dalam kejayaan wawasan itu nanti.

38. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebenarnya konsep visi beliau terhadap Wawasan 2020;
- (b) bagaimanakah usaha-usaha penerapan idea ini kepada keseluruhan rakyat dan pegawai-pegawai Kerajaan yang akan melaksanakan dasar tersebut; dan
- (c) adakah pemimpin-pemimpin politik dan Kerajaan telah benar-benar memahami konsep dan cara pelaksanaan wawasan ini untuk memastikan perlaksanaannya yang kemas dan berjaya.

27.6.91

42. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan apakah program-program yang telah dijalankan dan yang di dalam perancangan Kerajaan untuk membantu bagi mempertingkatkan dan memastikan wujudnya satu masyarakat perdagangan dan industri Bumiputera yang berdaya

maju dan tahan lasak di dalam matlamat dan perspektif baru yang selaras dengan Wawasan 2020.

10.7.91

65. Tuan Haji Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan apakah Wawasan 2020 dan apakah kepentingannya kepada rakyat dan negara.

16.7.91

55. Tuan Ong Tin Kim minta Perdana Menteri menyatakan apakah strategi dan projek konkrit atau rancangan telah disusun oleh Kerajaan untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu memaju negara kita menjadi sebuah negara yang maju sepenuh ertinya pada tahun 2020.

7.7.91

55. Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Perdana Menteri menyatakan apakah pengenalan Malaysia yang tersendiri di dalam konteks menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya pada tahun 2020 dan apakah yang dimengertikan dengan Malaysia tidak perlu meniru mana-mana 19 negara maju seperti Amerika Syarikat atau Britain. Apakah rancangan Kerajaan secara menyeluruh dan kesinambungan di dalam pembangunan sumber manusia sesuai dengan Wawasan 30 tahun Perdana Menteri. Golongan dan kumpulan manakah yang akan jadi sasaran. Adakah akan diwujudkan suatu sistem yang mementing dan menumpukan kepada disiplin, kawalan dan peraturan yang ketat ala regimented akan diperkenalkan bagi memastikan kejayaan bagi 9 ciri cabaran yang telah digariskan.

Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli

Yang Berhormat bagi kawasan-kawasan berikut:

Yang Berhormat bagi kawasan Pengkalan Cema pada hari ini.

Yang Berhormat bagi kawasan Lembah Pantai—26.6.91

Yang Berhormat bagi kawasan Sungei Benut—27.6.91

Yang Berhormat bagi kawasan Tanah Merah—10.7.91

Yang Berhormat bagi kawasan Teluk Intan—16.7.91

Yang Berhormat bagi kawasan Sepang—17.7.91

sekaligus memandangkan soalan-soalan ini adalah berkaitan dengan perkara yang sama iaitu berkenaan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak hairan dengan sangkaan Ahli-ahli parti lawan bahawa Wawasan 2020 adalah strategi politik Barisan Nasional kerana segala-gala yang dibuat oleh Ahli-ahli parti lawan dan teguran-teguran mereka adalah strategi politik mereka. (*Tepuk*) Tidak ada suatu apa pun yang dibuat oleh parti lawan yang tidak bertujuan untuk mendapat keuntungan politik bagi mereka. (*Tepuk*) Justeru itu, mereka tidak dapat memahami apabila Kerajaan membuat sesuatu semata-mata kerana Kerajaan merasa bertanggungjawab dan ingin memajukan negara untuk kesejahteraan rakyat.

Kerajaan Barisan Nasional telah membawa banyak pembangunan kepada negara ini melalui Rancangan-rancangan Pembangunan. Jika rakyat menghargai usaha-usaha ini dan dengan itu terus memilih Barisan Nasional, ini bukanlah salah Kerajaan. Banyak kali Kerajaan telah menolong rakyat tetapi ada rakyat berkat usaha parti lawan, bukan sahaja tidak menyokong Kerajaan tetapi sebaliknya mengecam Kerajaan.

Hampir semua daripada pemimpin parti lawan terdiri daripada mereka yang mendapat nikmat daripada pembangunan negara hasil usaha Barisan Nasional. Ramai penyokong parti lawan mendapat pelajaran kerana biasiswa daripada Kerajaan Barisan Nasional dan peluang bekerja kerana dasar-dasar Barisan Nasional.

Di Bayu, penuntut-penuntut daripada Universiti Sains Malaysia yang mendapat bantuan Kerajaan Barisan Nasional mudah diperalatkan oleh parti lawan untuk membuat fitnah terhadap Barisan Nasional. Ajaran supaya rakyat jangan berterima kasih atau bersyukur kerana nikmat yang mereka terima dikembangkan oleh parti lawan kerana mereka takut Kerajaan akan dapat sokongan rakyat. Sebaliknya apabila mereka menjadi Kerajaan, segala-galanya termasuk khutbah dibuat untuk mendapat sokongan rakyat.

Walaupun Kerajaan Barisan Nasional keciwa dengan reaksi negatif sesetengah rakyat terhadap usaha Barisan Nasional untuk kebaikan mereka, Barisan Nasional akan terus berusaha untuk membangunkan negara, bahawa mungkin dakyah parti lawan akan berjaya mengalahkan Barisan Nasional di masa-masa akan datang tidak akan menghentikan Kerajaan Barisan Nasional daripada berusaha membangunkan negara. Sebab itu, Kerajaan Barisan Nasional mencipta Wawasan 2020. Ianya bukan untuk Barisan Nasional tetapi untuk negara Malaysia dan rakyat negara ini.

Amatlah tamak mereka yang tidak akan berusaha ke arah kebaikan hanya kerana mereka tidak akan mengecap nikmat daripada usaha itu. Tujuan untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020 adalah semata-mata kerana ia akan menjadi kehidupan rakyat Malaysia lebih bahagia, mempertahankan maruah bangsa dan menghindar diri daripada ditindas oleh bangsa-bangsa lain.

Negara maju yang dimaksudkan bukan semata-mata diasaskan pada pendapatan per kapita yang sama dengan negara-negara lain yang ditakrif sebagai maju. Sebenarnya negara-negara yang dikatakan maju sekarang mempunyai banyak unsur-unsur kemunduran. Demikian juga negara-negara tersebut menghadapi berbagai-bagai masalah seperti kejatuhan nilai moral, angkuh, sering menindas, struktur keluarga telah hancur dan berbagai-bagai masalah sosial yang lain. Kita ingin menjadi sebuah negara maju tanpa nilai-nilai negatif yang merosakkan seperti yang dialami oleh negara-negara maju di barat.

Di sini ingin saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru bahawa yang ditujukan bukan ke arah negara membangun seperti dalam soalan Ahli Yang Berhormat. Nampaknya Ahli Yang Berhormat tidak tahu membeza di antara membangun dengan maju. Kurang pengetahuan Ahli Yang Berhormat ini perlulah dibetulkan oleh partinya. (*Ketawa*)

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Wawasan 2020 tidak bertentangan dengan agama Islam. Sebaliknya Wawasan ini akan dilaksanakan selaras dengan kehendak dan ajaran agama Islam. Yang penting ialah amalan nilai-nilai Islam dan bukan dakwaan tentang keIslaman Wawasan ini. Ada pihak yang sering bercakap berkenaan dengan Islam dan menonjolkan nama Islam tetapi sanggup melakukan apa yang dilarang oleh Islam termasuk mengenyepikan imam semasa sembahyang Jumaat untuk merebut tempatnya kerana kepentingan politik.

Kerajaan Barisan Nasional mengutamakan amalan ajaran Islam dan bukan perkataan Islam dalam rancangannya. Walaupun Malaysia telah menggerak langkah dalam bidang perindustrian sebelum ini tetapi banyak lagi yang perlu dicapai dalam bidang ini. Apa yang Kerajaan telah lakukan sebelum ini

dalam bidang perindustrian ialah meletakkan asas-asas bagi kita untuk terus maju dalam bidang tersebut. Memandangkan asas-asas ini telahpun wujud sekarang ini kita berusaha untuk mencapai kemajuan yang lebih tinggi. Kerajaan yakin dengan usaha gigih, disiplin dan kerjasama semua pihak termasuk Ahli Yang Berhormat serta rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, matlamat Wawasan 2020 akan tercapai, insya Allah.

Memang ada kelemahan dalam rancangan manusia. Rancangan Barisan Nasional adalah rancangan manusia. Kita tidak dakwa bahawa malaikat yang merancang rancangan ini atau melaksanakannya seperti yang didakwa oleh setengah-setengah pihak dengan kejayaan mereka. Tetapi kita sedar bahawa tanpa izin Allah s.w.t. kita tidak mungkin berjaya. Hakikatnya ialah kita lebih berjaya dari orang-orang lain yang juga membuat rancangan sosio ekonomi, syukur Alhamdulillah. Mereka yang tidak mahu mengakui kejayaan ini yang juga membawa banyak manfaat kepada mereka sendiri adalah orang yang tidak tahu bersyukur dengan nikmat yang mereka terima. Tidaklah perlu mengucapkan terima kasih kepada Barisan Nasional, sudah tentu tidak perlu menyokong Barisan Nasional. Tetapi sebagai tanpa kesyukuran akuilah kejayaan rancangan-rancangan Barisan Nasional.

Allah berfirman yang bermaksud: Mereka yang bersyukur dengan pemberiannya akan menerima nikmat lagi. Tetapi mereka yang tidak bersyukur, azab mereka amat pedih. Kerajaan Barisan Nasional tidak merancang kerana kepentingan diri. Kita merancang dan kita melaksanakan rancangan ini kerana ini adalah tugas kita sebagai Kerajaan. Insya Allah, Wawasan 2020 akan berjaya dan rakyat termasuk Ahli-Ahli parti lawan akan memperolehi banyak nikmat sebagai rakyat negara maju yang bermoral dan bermaruah.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan kedudukan Islam dalam Wawasan 2020, adakah diprogramkan ke arah Malaysia menjadi sebuah negara Islam dengan memperkenalkan pelaksanaan hukum-hukum Islam bukan sahaja nilai-nilainya sahaja, di antaranya ialah memperkenalkan keadilan hukum itu kepada semua kaum?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya apakah yang dimaksudkan dengan negara Islam yang didakwa oleh setengah-setengah pihak. Terdapat di dalam dunia ini banyak negara-negara Islam dan banyak juga daripada mereka kerana keadaan siasah, keadaan tertentu, tidak melaksanakan banyak daripada hukum-hukum Islam dan ini tidak menjadikan negara mereka tidak Islam. Dengan itu maka yang diutamakan ialah kemajuan yang tidak bertentangan dengan agama Islam dan kalau hukum Hudud umpamanya tidak dijalankan di dalam negara kita ini dan dengan ini kita tidak menjadi negara Islam maka di dalam dunia ini tidak ada negara Islam sebenarnya.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa Yang Amat Berhormat banyak memainkan dengan kata-kata. (*Ketawa*) sedangkan bahawa kita semua sedar dan rakyat sedar dasar ekonomi negara sebelum inipun telah banyak mendatangkan keburukan dan masalah kepada rakyat. Banyak kepincangan, banyak penyalahgunaan kuasa dan banyak rasuah telah berlaku..... (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya?

Tuan Ahmad bin Nor: Soalnya, apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi jaminan bahawa Wawasan 2020 itu tidak akan berlakunya perkara-perkara yang saya maksudkan tadi?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat adalah di antara orang-orang yang dapat menerima manfaat daripada dasar Barisan Nasional (*Tepuk*) sebab itu Ahli Yang Berhormat itu ada di dalam Dewan ini. Kalau benarlah kita menggunakan kekerasan, maka dengan mudahnya kita boleh menentukan Ahli Yang Berhormat tidak akan menjadi Ahli Yang Berhormat. Kita tidak dapat memberi jaminan tentang apa yang akan berlaku 30 tahun daripada sekarang tetapi hanya dengan kita tidak boleh memberi jaminan tidak bermakna kita tidak boleh merancang ke arah kebaikan. Kalau manusia cuma boleh membuat sesuatu setelah mendapat jaminan, maka kita tidak dapat membuat apa-apa pun kerana jaminan untuk masa depan bukan ditentukan oleh manusia sahaja. Jika diizinkan Allah s.w.t. maka ia akan berlaku tetapi ini tidak bermakna bahawa oleh kerana kita adalah sebuah negara membangun, maka sampai bila-bila pun kita akan menjadi negara membangun. Untuk menjadi negara yang maju maka perlu kita rancang ke arah itu dan kita berusaha ke arah itu. Saya yakin kita mungkin capai tetapi jaminan tidak dapat diberi oleh sesiapa pun yang ada di dalam Dewan ini baik di sebelah sini ataupun di sebelah sana.

PEMBINAAN JALAN RAYA DI SARAWAK—PERUNTUKAN

4. Tuan James Jimbun Anak Pungga minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) jumlah peruntukan perbelanjaan daripada Kerajaan Pusat bagi membina jalan raya di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kelima dan Keenam;
- (b) daripada jumlah kos perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia Kelima berapa banyakkah jumlah peruntukan bagi pembinaan jalan raya yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat tidak dapat dilaksanakan; dan

- (c) apakah sebab-sebab kelambatan dan tidak mengikut jadual peraksanaan bagi pembinaan jalan raya dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi kelambatan ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan Pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak \$341.7 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat dan sebanyak \$573 juta dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi membina jalan raya di Sarawak. Untuk Rancangan Malaysia Keenam peruntukannya akan diketahui secara rasmi dan muktamad selepas peruntukan Rancangan Malaysia Keenam keseluruhannya diluluskan oleh persidangan Dewan ini yang bersidang sekarang.

Bagi jawapan soalan yang kedua, peruntukan yang tidak dapat dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah lebih kurang \$46 juta iaitu 8%.

Sebab-sebab kelambatan adalah banyak dan di antaranya ialah kerana terdapat sebahagian kontraktor-kontraktor yang tidak dapat menunjukkan prestasi kerja yang baik.

Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengadakan pra kelayakan kontraktor-kontraktor yang mampu untuk melaksanakan projek-projek jalanraya di Sarawak. Selain dari itu masalah pengambilan balik tanah juga adalah salah satu sebab yang melambatkan pelaksanaan projek-projek jalanraya di Sarawak. Oleh sebab itu, Kementerian ini mengambil tindakan untuk mendapatkan kerjasama Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sarawak serta sokongan dan kerjasama penduduk di kawasan-kawasan di mana projek-projek jalanraya dilaksanakan dan

dengan itu kemajuan pelaksanaan projek dapat ditingkatkan di masa-masa akan datang.

KEBAKARAN GERAI PENJAJA DI PEKAN KOTA BELUD

5. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) punca kebakaran yang telah membinasakan 24 buah kedai dan ratusan Gerai Penjaja di Pekan Kota Belud pada 16.3.1991;
- (b) berdasar kepada gambar yang dikeluarkan dalam salah satu akhbar tempatan yang jelas menunjukkan bahawa walaupun sebahagian daripada salah satu barisan kedai itu telah habis hangus tapi belum pun ada kelihatan anggota bomba di kawasan itu, adakah itu menunjukkan bahawa dalam tempoh 15 minit barulah anggota bomba datang, pada hal stesyen bomba adalah terletak hanya beberapa meter saja dari tempat kebakaran, mengapa demikian;
- (c) adakah benar bahawa bila pasukan bomba tiba di tempat kebakaran "water pump"nya pun tidak berfungsi kerana bila diperiksa ternyata tidak mempunyai minyak (fuel). Adakah ini menunjukkan bahawa pasukan bomba tidak cekap dan bukan dalam keadaan yang siap sedia; dan
- (d) adakah benar bahawa "hose"nya juga bocor di sana sini menyebabkan tekanan air tidak kuat. Kalau ya, kenapa tidak diganti dengan yang baru.

Pada keseluruhannya apakah tindakan pihak bomba untuk menambahkan kecekapannya bukan sahaja di Kota Belud tetapi di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) punca kebakaran sebenarnya tidak dapat dipastikan oleh kerana tempat yang dipercayai bermulanya kebakaran tersebut telah musnah sama sekali dan semua barang-barang atau kesan-kesan kebakaran telah habis terbakar. Walau bagaimanapun hasil daripada temubual dengan orang ramai dan penduduk-penduduk setempat didapati punca kebakaran tersebut dipercayai kemungkinan adalah daripada dapur gas salah sebuah deretan gerai-gerai yang menjual makanan.
- (b) pada 16.3.1991 jam 11.20 pagi bilik kawalan Balai Bomba, Kota Belud telah menerima panggilan kebakaran dan seminit kemudian iaitu 11.21 Pasukan Bomba telah berlepas daripada Balai Bomba ke tempat kebakaran dan sampai ke tempat kebakaran dalam masa dua minit.
- Berpandukan kepada rekod-rekod panggilan kebakaran didapati Jabatan Bomba tidak lewat bertindak ke atas panggilan kebakaran tersebut.
- (c) semua jentera Bomba dan pam-pam angkut atau jentera diuji setiap pagi di mana minyak-minyak akan diisi penuh siap dengan rekod-rekod oleh pemandu-pemandu kereta Bomba di Balai-balai Bomba dan adalah tidak benar pam-pam angkut atau pam-pam jentera tidak berfungsi oleh kerana tiada minyak.
- (d) Hose-hose yang digunakan semasa melawan kebakaran ini kebanyakannya adalah hose-hose baru. Apabila menghadapi kebakaran terutama sekali kebakaran-kebakaran besar,

kemungkinan satu atau dua hose bocor disebabkan terkena benda-benda yang tajam seperti zink, paku, kaca dan percikan barabara api semasa anggota-anggota Bomba membentangkan hose-hose untuk melawan kebakaran. Ini adalah lumrah disatu-satu operasi melawan kebakaran.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah betul ataupun benar dakwaan oleh setengah pihak bahawa jika terjadi kebakaran di mana-manapun, Pasukan Bomba yang sampai ke tempat kebakaran dahulu ialah Pasukan Bomba Sukarela dan bukan Pasukan Bomba Kerajaan.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju kalau saya kata kerugian dari punca kebakaran tidak akan menjadi begitu ketara jika Pasukan Bomba Kerajaan mempunyai prestasi kecekapan yang lebih tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan itu tidak bersangkut, dan jawapan tadi pun menafikan bahawa Pasukan Bomba yang pergi ke Kota Belud itu lambat. Ya, Kota Belud.

Tuan Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas kebakaran dan semasa dalam kebakaran saya sendiri ada di tempat itu dan saya telah ditemui oleh beberapa orang yang menyatakan bahawa sesudah membuat panggilan telefon ternyata anggota-anggota Bomba belum juga datang dan salah seorang jurugambar sempat mengambil gambar kedai itu lebih kurang satu baris sudah habis dijilat api tetapi tidak pun kelihatan anggota-anggota Bomba di situ. Jadi saya tidak tahu mana satu benar, kalau benar mereka dapat datang dalam masa satu minit tentu sekali tiak menunggu sehingga satu deret kedai itu habis terbakar, dan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya?

Tuan Maidom P. Pansai: Soalnya sekarang sama ada benar bahawa anggota Bomba selalu dalam keadaan siap sedia kerana kelmarin saya ada di Kota Belud singgah minum di sana, salah seorang telah menemui saya menunjukkan fire hydrant itu sudah patah, tidak boleh digunakan. Kalau ada kebakaran terjadi pada hari ini maka fire hydrant itu tidak dapat digunakan, jadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya?

Tuan Maidom P. Pansai: Soalan saya ada di sini, yang terakhir sekali tidak dijawab, apakah tindakan pihak Bomba untuk menambahkan kecukupannya, bukan sahaja di Kota Belud, tetapi di seluruh negara sedangkan fire hydrant kebanyakannya tidak dibaiki.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah YangBerhormat.

Tuan Maidom P. Pansai: Sudah berakhirlah. (*Ketawa*)

Tuan Osu bin Haji Sukan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang didakwa oleh Wakil Rakyat dari Kota Belud itu adalah tidak benar kerana mengikut rekod yang saya nyatakan, saya telahpun menyatakan di Dewan yang mulia ini, rekod yang sebenarnya, maklumat apabila Jabatan Bomba menerima panggilan iaitu jam 11.20 pagi dan seminit kemudian kita telahpun keluar dan sampai ke tempat kebakaran dua minit kemudian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pejabat Bomba juga telah menghubungi Lembaga Elektrik Sabah pada jam 11.25 pagi iaitu 3 minit kemudian. Ini bererti Jabatan Bomba telahpun mengambil tindakan yang perlu untuk memastikan bahawa kebakaran yang berlaku di Kota Belud itu dapat dikawal dengan kerjasama semua pihak yang terlibat, khususnya Lembaga

Elektrik Sabah yang boleh memadamkan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan yang terlibat.

PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

6. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Penerangan menyatakan selain penayangan filem pendek tentang penderitaan kanak-kanak teraniaya yang dapat dilihat dalam T.V., apakah sumbangan lain dari RTM untuk mendidik masyarakat Malaysia agar mencintai kanak-kanak hingga tidak tergamak menganiaya mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan khususnya RTM menyedari bahawasanya memang wujud insiden-insiden penganiayaan kanak-kanak oleh ibu, bapa atau orang-orang yang rosak akal serta budi di negara ini. Namun, ianya dilakukan oleh sebilangan yang sangat kecil yang tidak langsung mencerminkan sifat sebenar masyarakat negara Malaysia yang penyayang, bertanggungjawab lagi berperikemanusiaan.

Treler tentang penderitaan kanak-kanak teraniaya yang disiarkan oleh RTM—hasil dari kerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat—adalah bertujuan sekadar menyedarkan masyarakat umum di atas wujudnya perbuatan terkutuk itu dan menginsafkan para pengamalnya.

Selain daripada itu, RTM juga menerbit dan menyiarkan berita-berita melalui Berita Perdana, Berita Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil yang ditonton oleh jumlah penonton yang amat besar.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga rancangan-rancangan agama serta drama-drama siaran RTM yang menyelit unsur-unsur dan pemupukan perasaan

kasih sayang kepada anak-anak serta penghayatan keluarga bahagia.

Di segi iklan pula, selain daripada iklan-iklan bertujuan untuk mempromosikan barangan dagang atau perkhidmatan, sering terdapat dalam iklan di mana kemurnian keluarga bahagia melalui penjagaan kanak-kanak yang sempurna turut ditonjolkan. Melalui siaran-siaran radio dalam semua bahasa, sama ada melalui berita atau lain-lain rancangan, mesej-mesej yang mengandungi pemupukan unsur-unsur kasih sayang juga ditonjolkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian merasakan bahawasanya usaha-usaha RTM ini adalah berkesan dan memadai bagi mencapai matlamat yang dihasratkan.

NAMA BANGUNAN DAN TEMPAT

7. Puan Hajah Rakibah binti Abdul Manap minta Perdana Menteri menyatakan walaupun Datuk Bandar Kuala Lumpur telah memberi jaminan untuk memastikan semua kondominium dan bangunan awam yang didirikan di ibu negara pada masa hadapan mempunyai nama yang beridentiti tempatan melalui syarat yang akan dimasukkan di dalam Perintah Pembangunan (Development Order) adakah Datuk Bandar akan meminta pemaju-pemaju yang sudah mendapat kelulusan untuk mengguna nama-nama ala barat ini serta-merta menukar kepada nama-nama ala Malaysia seperti yang beliau telah lakukan kepada jalan-jalan di Kuala Lumpur yang beberapa tahun dahulu mempunyai nama barat.

18.6.91

28. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap nama-nama

bangunan dan tempat yang tidak langsung melambangkan identiti nasional.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi kawasan Kota Setar pada 18hb Jun, 1991 sekaligus memandangkan soalan-soalan tersebut adalah berkaitan, iaitu mengenai nama-nama bangunan dan kawasan yang tidak melambangkan identiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang sedar masih ada nama-nama kondominium dan bangunan awam yang bercorak bukan tempatan yang digunakan sekarang. Bagi mengatasi masalah ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang menjalankan kajian semula ke atas semua nama-nama taman perumahan dan bangunan di Kuala Lumpur bagi menentukan jenis nama digunakan, tarikh digunakan dan sebab ia digunakan.

Dari kajian ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan menentukan pertukaran nama-nama bangunan ini secara berperingkat-peringkat supaya tidak mengelirukan semua pihak sepertimana yang telah dilakukan semasa menukar 76 batang jalan di Kuala Lumpur sejak tahun 1970an lagi.

Bagi permohonan baru, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan satu prosedur baru di mana cadangan nama bagi semua taman atau bangunan semasa permohonan perancangan hendaklah mendapat kelulusan Perintah Bangunan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Bagi nama-nama yang tidak beridentiti tempatan yang telah diluluskan, pemaju atau pemilih akan dipanggil untuk berunding dan ada beberapa pemaju telahpun bersetuju menukarkan nama kepada nama yang beridentitikan tempatan.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, terlebih dahulu daripada publisiti oleh akhbar-akhbar baru-baru ini mengenai nama-nama Barat digunakan oleh kondominium di ibu kota, kenapa Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak memastikan semua kondominium di ibu kota mempunyai nama-nama yang beridentiti tempatan melalui syarat dimasukkan di dalam Perintah Bangunan. Terima kasih.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 ataupun Akta 171, Datuk Bandar hanya mempunyai kuasa untuk menamakan nama-nama jalan dan taman-taman perumahan. Di bawah Akta ini, tidak terdapat kuasa kepada beliau untuk menamakan bangunan-bangunan awam. Sekarang ini Dewan Bandaraya sedang mengkaji untuk menggubal undang-undang kecil dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 supaya adanya kuasa untuk menamakan termasuk bangunan-bangunan awam.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa nama-nama Barat yang digunakan oleh pemaju-pemaju kondominium ini ialah sebagai salah satu strategi pemasaran, sehingga bukan sahaja nama Barat digunakan, malah ada nama begitu seksi sekali bagi menarik pembeli-pembeli.

Tuan Yang di-Pertua: Contohnya?

Tuan Hai Ibrahim bin Ali: Contohnya seperti Tivoli Apartment—itu seksi, Tuan Yang di-Pertua. Itu sebagai contoh. Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat

apakah pihak Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab mengenai dengan Wilayah Persekutuan bercadang mewujudkan satu jawatankuasa di mana disenaraikan nama-nama dengan banduan daripada Dewan Bahasa dan sebagainya, nama-nama tempatan yang ada marketing value, dengan izin, dan unsur-unsur seksi pun ada juga supaya mereka ini tidak kecewa bila kita tukar kepada nama tempatan. Terima kasih.

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan nilai komersial itu. Berkaitan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, tindakan sedang diambil.

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU—CARUMAN TAHUNAN

18. Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah caruman tahunan (khususnya bagi tahun 1988, 1989 dan 1990) yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti United Nation, Pertubuhan Negara Commonwealth dan lain-lain pertubuhan antarabangsa; dan
- (b) adakah negara-negara anggota seperti Malaysia berhak menentukan bagaimana wang caruman itu patut dibelanjakan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Malaysia telah menyumbangkan sebanyak M\$6,150,953.00 pada tahun 1988, M\$7,854,399.44 pada tahun 1989 dan M\$20,517,186.00 pada tahun 1990 kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

- (b) Negara-negara anggota termasuk Malaysia adalah berhak menentukan bagaimana wang caruman itu patut dibelanjakan. Di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), beberapa badan khas di bawah Jawatankuasa Kelima telah dibentuk untuk mengendalikan soal pengagihan wang caruman negara-negara ahli. Badan-badan yang berkaitan iaitu Jawatankuasa Penasihat Mengenai Soal Pentadbiran dan Belanjawan dan Jawatankuasa Mengenai Program dan Penyelarasan bertanggungjawab bukan sahaja untuk meneliti dan melaporkan tentang belanjawan dan akaun PBB, malah membuat kajian semula aktiviti-aktiviti dan program-program di bawah sistem PBB serta menentukan bagaimana wang caruman tersebut dibelanjakan berdasarkan kepada ulangkajian terhadap aktiviti-aktiviti dan program-program yang dijalankan melalui agensi-agensi di bawah sistem PBB.

Bagi pertubuhan negara Komanwel pula, penggunaan wang caruman negara-negara ahli dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa kewangan yang akan bertanggungjawab memastikan agar wang tersebut diagihkan dan dibelanjakan berdasarkan program-program yang dikenalpasti di bawah badan-badan ekonomi dan teknikal Komanwel.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tahun 1988 \$6 juta lebih kurang, tahun 1989 lebih kurang \$7 juta, tetapi pada tahun 1990 telah meningkat kepada lebih kurang \$20 juta lebih. Persoalannya, mengapa pertambahan yang begitu banyak berlaku dalam jangka masa

hanya satu tahun? Keduanya, oleh kerana negara-negara anggota berhak menentukan bagaimana wang tersebut harus diagih, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sebagai contohnya, ke manakah wang-wang tersebut telah dibelanjakan setakat ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, wang yang dibelanjakan untuk pertubuhan antarabangsa pada tahun 1990 seperti yang saya kata tadi telah jelas dan nyata bahawasanya pada tahun yang berkenaan negara kita telah memainkan peranan yang begitu ketara sekali di peringkat arena antarabangsa. Contohnya, untuk sumbangan kita bagi kegiatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sahaja jumlahnya melebihi \$4 juta. Terlampau banyak untuk saya hendak bacakan di sini, kalau perlu beri saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Panjang, tetapi jelas dan nyata bahawa pada tahun yang berkenaan kita memainkan peranan yang banyak.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta hantar jawapan itu dengan bersurat.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan untuk saya menyenaraikan satu persatu pun mengambil masa yang panjang seperti apa yang diminta oleh Yang Berhormat. Kalau perlu, saya boleh hantarkan senarai.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hanya mahu tahu mengapa pertambahan begitu banyak terutamanya dalam tahun 1989 hingga

1990 itu. Itu yang saya hendak tahu. Saya rasa tidak perlu jawapan yang panjang.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi awal-awal lagi untuk PBB sahaja lebih \$4 juta, tidak termasuk lagi kita pada ketika itu menjadi Pengerusi kepada banyak pertubuhan antara-bangsa seperti G-15, kita jadi Pengerusi kepada Kumpulan High Appraisal Commonwealth Group, kita jadi Naib Presiden kepada berbagai-bagai pertubuhan antarabangsa yang semuanya memerlukan kita bukan sahaja menyertai, tetapi mengeluarkan sumbangan yang sepatutnya seperti juga lain-lain negara.

MATAPELAJARAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH- SEKOLAH

9. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan taraf prestasi mata pelajaran bahasa Inggeris di kalangan murid-murid sekolah pada semua peringkat.

26.6.91

7. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebabnya dan apakah tindakan yang diambil terhadap kemerosotan bahasa Inggeris baik dari segi lisan atau tulisan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan. Mengikut rancangan-rancangan yang disusun oleh pakar-pakar dengan begitu rapi sejak daripada Dasar Pelajaran Razak dan dibantu dengan alat-alat dan kemudahan-kemudahan yang moden sepatutnya pelajaran bahasa Inggeris terutama sekali di kalangan bumiputera sebagai bahasa antarabangsa yang berada ditahap yang tinggi menjadi salah satu punca untuk mendapatkan pengetahuan di dunia ini.

48. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pendidikan menyatakan berkenaan pasukan petugas untuk atasi kelemahan bahasa Inggeris, siapakah mereka yang akan menganggotai pasukan ini. Apakah bidang tugas pasukan dan tempoh masa yang diberi untuk menjalankan kajian pemeriksaan. Buat sementara waktu, apakah pula tindakan lain Kementerian untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa ini, terutama sekali di segi pelaksanaan dasar dan di peringkat sekolah-sekolah, termasuk arahan kepada Jabatan Pendidikan Negeri. Sekolah negeri-negeri manakah yang sudah melancar program sedemikian. Apakah standard penguasaan bahasa Inggeris yang disasarkan oleh Kementerian selama ini. Berikutan kemerosotan penguasaan bahasa ini, apakah pula standard dikaji semula yang disasarkan.

28.6.91

4. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah berkesan yang telah diambil untuk mengatasi masalah kemerosotan untuk penguasaan dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah terutama di luar bandar serta nyatakan juga tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru bahasa Inggeris.

10.7.91

9. Tuan Yim Chee Cheong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa taraf penguasaan dan pencapaian bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan menengah telah menurun;
- (b) sama ada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar atau tidak, bahawa hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 akan terjejas oleh kerana penguasaan bahasa

Inggeris adalah satu faktor penting dalam urusan antarabangsa dan pembangunan ekonomi negara ini;

- (c) apakah sebab Kerajaan Malaysia masih menawarkan pekerjaan kepada guru-guru bahasa Inggeris dari luar negeri sedangkan terdapat ramai guru-guru bahasa Inggeris yang berpengalaman di Malaysia; dan
- (d) sanggupkah Kerajaan Malaysia menawarkan pekerjaan kepada guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara dan berpengalaman untuk meningkatkan taraf penguasaan bahasa Inggeris yang amat memalukan pada masa ini.

19.7.91

16. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang untuk menaikkan taraf penggunaan bahasa Inggeris di sekolah di seluruh negara.

33. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebab-sebab berlakunya kemerosotan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar dan apakah usaha-usaha Kementerian memperbaiki keadaan tersebut.

23.7.91

10. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan melaksanakan syarat untuk mewajibkan kelulusan bahasa Inggeris di dalam peperiksaan SPM; dan
- (b) bagaimanakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Inggeris khususnya di sekolah-sekolah luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana terdapat 8 orang Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan isu mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris, oleh itu saya memohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak.

Ahli-ahli Yang Berhormat serta tarikh soalan tersebut dikemukakan di Dewan Rakyat adalah seperti berikut:

1. Y.B. dari Bandar Kuching (17/8/91)
2. Y.B. dari Kota Setar (26/6/91)
3. Y.B. dari Kepong (26/6/91)
4. Y.B. dari Sungai Petani (28/6/91)
5. Y.B. dari Seremban (10/7/91)
6. Y.B. dari Lubok Antu (19/7/91)
6. Y.B. dari Lembah Pantai (19/7/91)
7. Y.B. dari Kuala Kedah (23/7/91)

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari dan peka terhadap keperluan untuk meningkatkan taraf prestasi mata pelajaran bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Oleh kerana itu dalam program KBSR dan KBSM kita, langkah-langkah telah diambil untuk menggubal kurikulum yang sesuai dan bermutu.

Untuk memperkukuhkan taraf prestasi bahasa Inggeris di peringkat rendah, sukatan pelajaran telah disemak semula dan diperincikan lagi dengan lebih jelas. Program bacaan tambahan diperkenalkan untuk murid Tahap I dan Tahap II, di samping Kementerian Pendidikan mengendalikan bimbingan khas kepada sekolah-sekolah yang berprestasi rendah.

Di peringkat menengah pula, sukatan pelajaran KBSM yang baru dilaksanakan hingga ke Tingkatan III. Sukatan pelajaran ini telah digubal berasaskan kepada kemahiran-kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pendekatannya dilakukan secara bersepadu berasaskan kepada tajuk-tajuk yang berkaitan dengan diri pelajar itu. Di samping itu, satu daripada lima waktu dalam seminggu diperuntukkan pula untuk membaca buku-buku sastera dalam bahasa Inggeris.

Untuk menjayakan sukatan pelajaran baru ini guru-guru diberi kursus tentang sukatan pelajaran dan teknik pengajaran dan dibekalkan dengan bahan-bahan pengajaran seperti modul dan pual latihan serta dua buah buku panduan khas.

Satu langkah yang penting yang telah diambil ialah penubuhan Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Program-Program Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I. Tugas utamanya ialah untuk kita meninjau keperluan negara, guru dan pelajar-pelajar dalam pengajaran pembelajaran bahasa Inggeris.

Kementerian Pendidikan juga berusaha untuk menambahkan bilangan guru yang terlatih dalam Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dengan menambahkan bilangan pengambilan penuntut dibidang Latihan Perguruan Asas Pengajaran Bahasa Inggeris dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah di maktab-maktab perguruan dan juga menghantar pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang Teaching English as a Second Language (TESL) ke luar negara. Di samping itu guru-guru terlatih juga digalakkan melanjutkan pelajaran dalam bidang TESL yang dijalankan di Institut Teknologi MARA, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti

Pertanian Malaysia, Universiti Malaya dan di maktab-maktab perguruan.

Faktor utama yang menyebabkan taraf pencapaian bahasa Inggeris tidak mencapai suatu tahap yang memuaskan seperti taraf pencapaian Bahasa Malaysia ialah pertukaran bahasa pengantar dari bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. Ini diikuti dengan suasana sekitar yang tidak memberi penekanan kepada bahasa Inggeris. Suasana ini tidak memberi peluang kepada pelajar-pelajar, khususnya di luar bandar, untuk mempraktikkan apa yang mereka pelajari di sekolah dalam kemahiran-kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis. Oleh kerana itu mereka tidak mencapai kemahiran dan kefasihan dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di peringkat sekolah rendah kita, prestasi bahasa Inggeris dalam UPSR 1990 bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) telah meningkat dan menghampiri prestasi bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Kerajaan yang mencapai tahap penguasaan 76.3% manakala Sekolah Kebangsaan pula telah dapat mengurangkan peratus Gred E daripada 22.3% ke 15.9%.

Di peringkat SRP, peratus lulus bahasa Inggeris sejak tiga tahun kebelakangan ini berada dalam lingkungan 54%-58% dan bagi SPM pula ialah 57%-60%. Turun naik prestasi dalam lingkungan 4% bagi peperiksaan kebangsaan ini adalah dalam lingkungan yang normal dan stabil.

Kementerian Pendidikan belum dapat menetapkan masa bagi melaksanakan syarat mewajibkan kelulusan bahasa Inggeris dalam peperiksaan SPM. Ini akan hanya boleh dilaksanakan apabila semua sekolah telah dipastikan mendapat segala kemudahan pengajaran dan pembelajaran bahasa itu dengan saksama.

Sehingga kini matlamat pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah adalah untuk menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa kedua yang berkesan di mana bahasa tersebut dapat dijadikan sebagai alat komunikasi antarabangsa bagi tujuan urusan antarabangsa dan pekerjaan yang memerlukan penguasaan bahasa Inggeris yang tinggi di samping penggunaannya sebagai bahasa ilmu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, apakah pihak Kementerian mempunyai guru-guru bahasa Inggeris yang cukup dan bermutu bagi seluruh negara terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar kerana kelemahan pengajaran bahasa Inggeris ada juga disebabkan kerana kelemahan guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris sehingga bercakap 'broken English', dengan izin, di kalangan guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri contoh, pernah saya diberitahu di mana seorang kanak-kanak bercakap bahasa Inggeris dalam sekolah. Contohnya, dengan izin, "Teacher, teacher, I want to go to toilet." Jawab guru ini pula, "You want to go, you go." Jadi, ada guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris seperti ini, sudah barang tentu peningkatan bahasa Inggeris tidak akan bermutu, terutamanya di sekolah luar bandar. Jadi, saya hendak tanya secara spesifik, dari segi mutu guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris ini, adakah cukup terutamanya di luar bandar?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan tadi bahawa kita sedar masalah-masalah yang telah mempengaruhi prestasi-prestasi pendidikan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kita dan termasuklah kita meninjau keperluan guru-guru, peningkatan mutu, pengajaran dan

pembelajaran dan mutu-mutu kemudahan-kemudahan asas dalam pengajaran bahasa ini, kita telah sedar dalam perkara ini dan itulah tadi saya sebutkan, kita mengadakan Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan program-program khusus untuk bahasa Inggeris.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memahami penerangan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi. Tetapi apa yang mendukacitakan, di luar bandar rata-rata masalah prestasi dalam bahasa Inggeris ini adalah ditahap yang sama juga. Dan saya difahamkan kebanyakan daripada guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris di luar bandar adalah terdiri daripada yang tidak terlatih. Peratusnya begitu tinggi dan saya pohon penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Soalan saya yang kedua, adakah benar guru-guru bahasa Inggeris yang terlatih tidak mengajar bahasa Inggeris dan mereka ini kebanyakannya di bandar-bandar. Ada yang dilatih untuk mengajar bahasa Inggeris tetapi mengajar bahasa lain, mata pelajaran lain. Saya pohon peratus jumlah guru yang sedemikian rupa.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, kita telah menyatakan bahawa keperluan-keperluan guru kita masih tinggi di dalam banyak mata-pelajaran kita termasuk juga Bahasa Malaysia.

Dalam menempatkan guru-guru, kita juga berdasarkan keperluan-keperluan di kawasan-kawasan atau sekolah-sekolah yang memerlukan, di mana keperluannya amat mendesak. Adalah tidak benar di mana kita menggunakan guru bahasa secara langsung untuk mengajar mata-matapelajaran yang lain.

**PEMBINAAN PAGAR
MALAYSIA-THAI—HASIL
KEJAYAAN**

10. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejak dibina pagar sempadan Malaysia-Thai:

- (a) sejauhmanakah penyeludupan yang berlaku di antara kedua buah negara telah dapat dibendung;
- (b) punca-punca kerosakan pagar dan kos yang telah dibelanjakan untuk memperbaikinya; dan
- (c) kesan dari segi kerjasama keselamatan kedua buah negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, sejak pembinaan pagar keselamatan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand sejauh 76 kilometer mulai tahun 1976, masalah penyeludupan telah banyak dibendung. Misalnya dalam tahun 1990 sebanyak \$1,086,871.50 nilai tangkapan telah dibuat, manakala dalam tahun 1991 sehingga Mei sebanyak \$610,674.28 nilai tangkapan dibuat di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand.

Di antara punca-punca kerosakan pagar adalah seperti berikut:

- (a) Dipotong/ditebuk.
- (b) Ditimpa pokok kayu.

Perbelanjaan bagi memperbaiki dan menyelenggara pagar dalam tahun 1990 adalah sebanyak \$321,948.79 sen.

Pembinaan pagar di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand tidaklah menjejaskan kerjasama keselamatan di kedua-dua buah negara. Dari segi keselamatan, pembinaan pagar ini adalah bertujuan untuk mencegah kegiatan penyeludupan dan penyusupan untuk kebaikan kedua-dua buah negara dan pembinaan pagar ini juga dapat mengurangkan kegiatan peras ugut dan

pencerobohan oleh rakyat Thailand di kawasan sempadan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah penahanan pegawai-pegawai dari Jabatan Hutan baru-baru ini di kawasan yang berpagar menjejaskan keselamatan? Adakah alasan yang dikemukakan oleh pihak Thailand bahawa berlakunya pencerobohan itu benar? Dan apakah Kerajaan mengkaji semula kerjasama keselamatan selepas berlakunya peristiwa ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang berlaku itu bukan di kawasan yang berpagar.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina pagar di sebelah Kelantan dan Thailand? Kalau membina, kita harap dapat dibina pagar yang lebih kukuh supaya orang Kelantan tidak mudah melompat ke seberang pagar.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Perkara ini akan dikaji dan dipertimbangkan apabila perlu.

PEKERJA ASING

11. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilangan agensi yang membawa masuk pekerja asing dan jumlah pekerja asing yang dibawa masuk sehingga kini mengikut negara dan kelayakan mereka; dan
- (b) nyatakan sektor pekerjaan yang menjadi tumpuan pekerja asing dan apakah langkah yang ditetapkan oleh Kerajaan supaya pihak majikan menjaga kebajikan pekerja asing tersebut.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa ini terdapat sebanyak 22 agensi pekerjaan berlesen yang telah diberi kebenaran untuk membawa masuk pekerja asing ke negara ini. Jumlah pekerja asing yang dibawa masuk melalui agensi-agensi ini bagi tempoh 1986 hingga bulan April 1991 adalah seramai 12,218 pembantu rumah dari Filipina dan 2,236 buruh ladang dari Bangladesh.
- (b) Pekerjaan yang menjadi tumpuan pekerja-pekerja asing ialah bagi pekerjaan-pekerjaan di sektor perladangan, pembinaan dan juga bagi pekerjaan sebagai pembantu rumah. Pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara ini secara sah adalah layak untuk menikmati faedah-faedah yang diperuntukkan di bawah undang-undang buruh sebagaimana yang dinikmati oleh pekerja-pekerja tempatan.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa kita juga menghadapi masalah pekerja-pekerja asing yang bekerja di restoran-restoran terutamanya di Kuala Lumpur. Apakah Kementerian sedar dan agensi manakah yang membawa mereka masuk dan apakah tindakan telah diambil untuk membenteraskan kegiatan yang mungkin tidak mengikut undang-undang?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat yang berkenaan ialah soalan yang spesifik. Saya minta notis dari Yang Berhormat itu.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah pihak Kerajaan meletakkan jenis ataupun latarbelakang pekerja-

pekerja asing yang boleh dibawa masuk oleh agensi-agensi ini termasuk menentukan mereka tidak mempunyai rekod-rekod jenayah.

Yang keduanya, adakah agensi-agensi ini dikenakan apa-apa tanggungjawab sepanjang masa pekerja tersebut berada di dalam negara ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan itu, Kerajaan boleh membincang perkara ini dengan teliti dan kalau sesuai tindakan boleh diambil sepertimana disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 41 adalah diberi di bawah ini).

MAJLIS DAERAH KUALA MUDA—MENAIKAN TARAF

12. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menaikkan taraf Majlis Daerah Kuala Muda/Sg. Petani menjadi Majlis Perbandaran; dan
- (b) adakah pihak Kementerian sedar bahawa salah satu masalah yang sangat mendesak di bandar Sg. Petani ialah masalah perparitan dan banjir kilat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Berhubung dengan soalan (a), adalah difahamkan bahawa cadangan peningkatan taraf Majlis Daerah Kuala Muda kepada Majlis Perbandaran Kuala Muda

sedang dikaji di peringkat Kerajaan Negeri Kedah. Tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil apabila ianya dikemukakan nanti kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berhubung dengan soalan (b) pula, pihak Kementerian sedar bahawa banyak bandar-bandar, terutama yang berhampiran dengan sungai seperti bandar Sg. Petani menghadapi masalah banjir kilat dan perparitan.

Ingin dimaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bertanggungjawab berkaitan dengan perparitan bandar. Manakala Jabatan Pengairan dan Saliran bertanggungjawab ke atas kerja-kerja tebatan banjir.

Di bawah geran projek-projek kecil di Pihakberkuasa Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 1989 telah memperuntukkan sebanyak \$40,000 kepada Majlis Daerah Kuala Muda untuk kerja-kerja pamaritan bandar, manakala pada tahun yang sama sebanyak \$450,000.00 telah diperuntukkan kepada negeri Kedah keseluruhannya untuk kerja-kerja pamaritan.

STRUKTUR PERKHIDMATAN TEKNIKAL—PENYUSUNAN SEMULA

13. Tuan Wahab bin Suhaili minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa Arkitek, Jurukur Bahan, Pelukis Pelan tidak termasuk di dalam 'Pelaksanaan Struktur Baru Perkhidmatan Teknikal—Jabatan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun di Sarawak yang mana telah berkuatkuasa pada 1 Oktober 1990. Ianya hanya melibatkan jawatan Jurutera (Awam), (Mekanikal), (Elektrikal), Pembantu Teknik, Juruteknik dan Tukang yang mana skel gaji A18 bagi Jurutera kini diletak di bawah skel bergabung (banded scale)

A18/A11 dan B3/A24 bagi Pembantu Teknik Tingkatan Kanan B3/B1 C3, C1 bagi jawatan Juruteknik Awam Tingkatan Kanan dan D15/D7 dan D19/D8 bagi jawatan Tukang K2, K3 Tingkatan Biasa. Di samping itu, jawatan Pembantu Teknik Tingkatan Biasa B8, Juruteknik Tingkatan Biasa C10 dan Tukang K2 Tingkatan Kanan D5 juga diselaraskan ke skel B7, C7 dan D3/C5/C2 dengan tarikh berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Perubahan kepada struktur perkhidmatan Jurutera, Pembantu Teknik, Juruteknik dan Tukang yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989, adalah berikutan dari urusan penyusunan semula struktur perkhidmatan teknikal. Tindakan ini sejajar dengan langkah Kerajaan untuk memberi perhatian yang lebih berat kepada perkhidmatan kejuruteraan dan kolar biru untuk menjadikannya lebih menarik dari segi tanggagaji dan peluang-peluang kenaikan pangkat. Penyusunan semula skim perkhidmatan ini juga melibatkan penyusunan semula peranan dan tugas pegawai/kakitangan dalam perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan.

PEGAWAI KANAN YANG ANTI KERAJAAN

14. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Perdana Menteri menyatakan adakah JPA sedar bahawa banyak pegawai-pegawai Kerajaan yang memegang jawatan-jawatan yang tinggi dan di tempat-tempat yang penting sama ada di peringkat negeri ataupun pusat bersikap anti Kerajaan dan menggunakan kesempatan mereka dengan cara yang 'halus' untuk menggagalkan rancangan dan projek-projek Kerajaan yang dirancang untuk kepentingan rakyat.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Setakat ini JPA tidak ada menerima laporan berkenaan pegawai-pegawai kanan Kerajaan sama ada di peringkat pusat atau negeri yang bersikap anti Kerajaan dan berusaha menggagalkan rancangan/projek-projek Kerajaan yang dirancang untuk kepentingan rakyat.

Sekiranya terdapat laporan sedemikian dan didapati benar, pegawai berkenaan boleh diambil tindakan tatatertib kerana melanggar tatakelakuan pegawai-pegawai awam yang terkandung di dalam Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab 'D') 1980.

Jika Yang Berhormat mempunyai maklumat adanya pegawai bersikap demikian, diharap Yang Berhormat dapat melaporkan kepada JPA.

PELARIAN KURDIS DI IRAQ—SUMBANGAN MALAYSIA

15. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada, sewaktu tercetusnya perang Teluk pada bulan Januari 1991, pihak Kerajaan hanya membantu pelarian-pelarian sahaja ataupun termasuk juga mangsa-mangsa yang terlibat;
- (b) secara terperinci, bantuan-bantuan yang telah disumbangkan oleh pihak Kerajaan kepada pelarian-pelarian tersebut mengikut negara-negara yang terbabit dan bentuk bantuan-bantuan sama ada wang, pakaian, ubat-ubatan dan lain-lain.
- (c) saluran bantuan-bantuan tersebut diberi, sama ada melalui PBB atau negara-negara yang berjiran dengan negara-negara yang terbabit dalam perang tersebut.

- (d) kepastian bahawa segala rupa bentuk bantuan tersebut sampai kepada sasarannya dan tidak berlaku sebarang penyelewengan sebagaimana yang pernah berlaku di dalam beberapa kes sebelum ini yang melibatkan bantuan dari beberapa negara kepada mangsa-mangsa dalam sesuatu malapetaka yang sama ada tidak sampai kepada sasarannya ataupun sampai dalam kadar atau jumlah yang tidak sepenuhnya.
- (e) sekiranya pihak Kerajaan ada memberi juga bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat di samping pelarian-pelarian yang disebutkan di atas, sila beri penjelasan yang lebih lanjut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: (a) (b) (c) (e) sejak tercetusnya Perang Teluk pada 17 Januari, 1991, pihak Kerajaan telah memberi sumbangan sebanyak tiga kali kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam perang Teluk yang juga termasuk orang-orang pelarian. Sumbangan tersebut dibuat dalam bentuk kewangan sahaja seperti berikut:

- (i) Kerajaan pada 30 Januari 1991 telah bersetuju menyumbangkan kepada Persatuan Bulan Sabit Malaysia (PBSM) sebanyak \$100,000 untuk tabung membantu mangsa-mangsa peperangan di Teluk yang dianjurkan oleh "International Committee of Red Cross (ICRC)". Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada PBSM pada 8 Februari, 1991.
- (ii) Kerajaan pada 13 Mac, 1991 telah bersetuju menyumbangkan sebanyak US\$100,000 melalui Tabung Kanak-kanak Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) bagi membantu kanak-kanak dan ibu-ibu

yang mengandungi yang terlibat dalam Perang Teluk. Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada UNICEF pada 2 Mei, 1991.

(iii) Kerajaan pada 10 April, 1991 pula telah bersetuju supaya bantuan sebanyak US\$100,000 diberi kepada pelarian Kaum Kurdis di Iraq melalui Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM). Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada PBSM pada 15 April, 1991.

(d) Mengenai pengawasan bagi memastikan bantuan yang diberi sampai kepada sasarannya, Malaysia menaruh kepercayaan penuh kepada pihak-pihak penganjur antarabangsa untuk menyampaikannya kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

LABUAN SEBAGAI PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA (IOFC)

16. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan strategi Kerajaan bagi memasarkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC).

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Hasil dan kesan daripada beberapa seminar di dalam negeri sebelum dan selepas Labuan diisytiharkan sebagai IOFC, Kerajaan mengambil keputusan untuk memasarkan dan memperkenalkan Labuan kepada pelabur-pelabur asing pula. Untuk tujuan ini Kerajaan telah dan akan mengadakan beberapa seminar promosi/galakan pemasaran Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa di luar negeri. Pasaran dan kumpulan sasaran telah dikenal pasti untuk tujuan ini.

Seminar promosi/galakan pemasaran Labuan sebagai IOFC yang diadakan di Hong Kong pada 24 hari bulan Mei yang lalu telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelabur-pelabur asing khususnya pelabur-pelabur dari Hong Kong. Seminar yang serupa akan terus diadakan di luar negeri. Antara tempat atau pasaran sasaran yang dikenal pasti ialah Tokyo, Taipei, United Kingdom, New York dan Zurich. Di samping galakan melalui seminar di atas, beberapa aktiviti atau rancangan perhubungan awam telah dan akan dibuat seperti iklan-iklan mengenai Labuan dalam majalah-majalah antarabangsa tertentu, menjemput penulis-penulis luar negeri untuk menulis rencana mengenai Labuan dalam akhbar-akhbar kewangan terkenal di luar negeri, tayangan video mengenai Labuan, dan juga pameran-pameran diperingkat antarabangsa. Langkah-langkah melalui maklumat sokongan ini dijangka dapat memberi maklumat dan pengetahuan kepada pelabur-pelabur asing mengenai Labuan-IOFC.

(Soalan No.17. Sila lihat jawapan No.19)

HOSPITAL UMUM TAWAU

18. Tuan Geoffrey Yee Lung Fook minta Menteri Kesihatan menyatakan, memandangkan Hospital Umum Tawau telah dibina kira-kira 20 tahun yang lalu dan sejak itu, purata penduduk di Tawau telah bertambah dua kali ganda iaitu kira-kira 200,000 orang tetapi saiz dan kemudahan-kemudahan masih lagi dalam keadaan yang sama. Doktor-doktor di hospital ini juga kurang dan kerap kali pesakit-pesakit terpaksa dihantar ke Kota Kinabalu, Kuching dan Kuala Lumpur untuk mendapatkan rawatan selanjutnya; adakah Kementerian bercadang untuk memperbesarkan atau membina sebuah hospital baru untuk Tawau.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Kementerian Kesihatan Malaysia sedar dan peka kepada keperluan hospital-hospital di negara ini dari segi beban kerja, pertambahan penduduk, pembangunan, keperluan kakitangan dan lain-lain.

Buat masa ini Kementerian Kesihatan tiada merancang untuk membina sebuah hospital baru untuk Tawau. Walau bagaimanapun, perancangan telah dibuat untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan yang sedia ada. Pada penghujung 1991 pembinaan Jabatan Pesakit Luar Baru Hospital Daerah Tawau yang dianggarkan berharga \$10.5 juta akan dimulakan dan dijangka siap penghujung 1993. Perancangan pembangunan dan pembaikan yang lain akan dijalankan secara berperingkat-peringkat.

KONSEP EAEG—FORUM PERUNDINGAN

19. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim meminta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada:

- (a) negara bercadang membenarkan Amerika Syarikat terlibat secara langsung dalam penubuhan EAEG;
- (b) jika tidak bagaimanakah langkah yang akan diambil untuk menolak penglibatan Amerika Syarikat tanpa menjejaskan hubungan politik dan ekonomi di antara negara-negara peserta dengan Amerika Syarikat; dan
- (c) adakah kajian teliti telah dibuat bahawa ekonomi negara-negara peserta tidak terjejas hanya melalui hubungan perdagangan di kalangan negara EAEG sekiranya hubungan perdagangan antara negara-negara Eropah dan Amerika terjejas akibat penubuhan EAEG.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Saya minta izin untuk menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini mengenai sikap Amerika Syarikat terhadap EAEG bersama dengan soalan oleh Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim pada 19 Jun 1991, Y.B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan pada 29 Jun 1991, Y.B. Dr Tan Seng Giaw pada 27 Jun 1991 dan Y.B. Tuan Lau Hoi Chew pada 12 Julai 1991. Saya juga meminta izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Y.B. Tuan Fong Kui Lun pada 17 Jun 1991, Y.B. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan pada 19 Jun 1991 dan Y.B. Tuan Yim Chee Cheong pada 22 Julai 1991.

Saya ingin menjelaskan bahawa konsep EAEG yang dimajukan sekarang ini adalah sebagai satu forum perundingan tidak rasmi dan longgar bagi negara-negara Asia Timur untuk bertukar pendapat dan berunding mengenai cara-cara bagi mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan serantau. Juga ia dijangka membincangkan cara-cara bagaimana Asia Timur dapat menyumbang ke arah mengukuhkan lagi sistem perdagangan pelbagai hala seperti yang termaktub dalam Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan atau GATT. Ianya tidak mempunyai tujuan politik atau untuk menjadi blok perdagangan (trading bloc) di peringkat serantau mahupun di peringkat antarabangsa.

Dengan peningkatan kerjasama ekonomi dan perdagangan di kalangan negara-negara Asia Timur yang berpotensi tinggi, Malaysia yakin perdagangan dan pelaburan asing dapat dipertingkatkan ke tahap di mana rantau ini boleh membantu dalam pertumbuhan ekonomi sedunia. Dengan kekuatan yang kian terjalin, rantau ini boleh menjadi pengeksport utama dan juga membuka peluang kepada negara-negara ketiga sebagai pengimport yang dinamik.

Saya ingin memaklumkan juga bahawa selain daripada negara-negara ASEAN, Malaysia telahpun memberi penerangan kepada Ketua-ketua Kerajaan dan Menteri-menteri yang berkenaan di Jepun dan Korea mengenai EAEG. Negara-negara tersebut tidak menolak cadangan EAEG dan akan meneliti perkembangan mengenainya di kalangan negara-negara ASEAN sebelum membuat pendirian yang tetap mengenainya.

Setakat ini negara-negara ASEAN telah bersetuju menubuhkan sebuah Kumpulan Kerja di peringkat pegawai untuk membincang dan menghuraikan dengan lebih lanjut konsep EAEG. Kumpulan Kerja ASEAN ini akan juga menghuraikan strategi untuk mendapatkan sokongan negara-negara di Asia Timur terhadap cadangan menubuhkan EAEG serta mencadangkan keahliannya. Kumpulan Kerja ini akan mengadakan mesyuarat pertamanya pada awal Julai 1991 ini dan akan melaporkan kemajuannya serentak kepada Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Menteri-menteri Luar ASEAN. Dengan itu, cadangan menubuhkan EAEG adalah lebih merupakan cadangan dari ASEAN.

Konsep EAEG ini bukan dicadang untuk mengeneipkan kepentingan negara-negara ketiga. Malaysia yakin peningkatan perdagangan di antara negara-negara di rantau ini akan juga membawa faedah perdagangan dengan negara-negara ketiga. Perkara seperti ini akan menguntungkan negara-negara yang ingin menyertai EAEG termasuk negara Jepun. Maka soal terjejasnya hubungan perdagangan dengan negara-negara ketiga tidak timbul.

Mengenai reaksi Kesatuan Ekonomi Eropah pula, saya ingin memaklumkan bahawa ia masih belum menetapkan pendiriannya terhadap konsep EAEG tetapi ada di antara ahli-ahli Kesatuan tersebut seperti negara Perancis yang telah menyuarakan sokongan mereka.

Amerika Syarikat pula telah menyatakan kebimbangannya terhadap konsep ini, kerana khuatir ia akan mengenakan APEC atau dengan izin Asia Pasific Economic Cooperation. Amerika Syarikat sendiri tidak terletak dalam rantau Asia Timur dan dengan itu tidaklah terbabit dalam forum yang dicadangkan itu. Bagaimanapun, oleh kerana EAEG semata-mata akan melengkapi apa yang dilakukan dalam APEC dan selaras dengan kehendak-kehendak GATT, maka Amerika Syarikat tidak ada sebab untuk meragui dan menentang cadangan tersebut, lebih-lebih lagi ianya mempunyai asas-asas pertimbangan yang sama seperti yang digunakan oleh Amerika Syarikat sendiri dalam menubuhkan pakatan mereka di Utara Amerika, iaitu untuk memperkukuhkan ekonomi serantau dan meningkatkan perdagangan negara-negara dalam satu-satu wilayah yang terlibat.

Saya yakin apabila negara-negara seperti Amerika Syarikat benar-benar memahami akan konsep EAEG maka mereka akan memberi sokongan terhadapnya, supaya negara-negara di Asia Timur boleh mendapat faedah daripada kerjasama serantau di kalangan mereka.

PROJEK PETRONAS DI SARAWAK

20. Tuan Billy Abit Joo minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan projek atau aktiviti Petronas yang ditempatkan di Sarawak dan jumlah kos setiap projek tersebut;
- (b) nama-nama syarikat yang berjaya mendapatkan tender-tender projek tersebut; dan
- (c) sama ada terdapat di antara projek-projek yang telah terancang ini terpaksa dibatalkan dan kenapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Wong See Wah):

- (a) terdapat 23 projek Petronas yang ditempatkan di Sarawak di mana 19 daripadanya telah siap dan 4 lagi masih dalam pembinaan. Projek-projek tersebut meliputi beberapa loji pemerosesan dan kemudahan pemasaran bahan-bahan petroleum.

Sembilan belas (19) projek yang telah siap dan kos yang terlibat adalah seperti berikut:

<i>Projek</i>	<i>Bil</i>	<i>Kos (M\$ juta)</i>
Loji LNG Bintulu	1	3,200.0
Loji Ammonia/Urea ASEAN (ABF)	1	822.0
Sistem Gas Miri-Lutong	1	14.1
Stesen Servis	11	5.0
Depoh Pukal	2	20.6
Depoh Penerbangan	2	2.8
Loji Pengisian LPG	1	7.5
	19	4,072.0

Empat (4) projek dalam pembinaan pula ialah:

<i>Projek</i>	<i>Bil</i>	<i>Kos (M\$ juta)</i>
Loji LNG 2	1	5,519.2
Depoh Minyak Perkapalan	1	9.2
Pembesaran Loji ABF	1	56.5
Middle Distillate Synthesis	1	1,600.0
	4	7,184.9

- (b) di dalam melaksanakan projek-projek di atas, berbagai-bagai jenis kerja yang terlibat adalah ditender dan meliputi kerja-kerja pembersihan, penyediaan tapak, kejuruteraan, pembelian alat

kelengkapan hingga ke peringkat pembinaan serta pentauliahian (commissioning). Kerja-kerja ini telah dipecahkan kepada kontrak-kontrak kecil yang sebahagian besarnya ditawarkan kepada syarikat-syarikat dari Negeri Sarawak.

- (c) hanya satu daripada projek-projek yang dirancang telah dibatalkan iaitu projek Pengasingan Gas Miri. Pembatalannya dibuat kerana hasil penilaian tender mendapati kos pembangunannya telah meningkat dua kali ganda yang menyebabkan ianya tidak lagi berdayamaju.

**PUSAT KEBUDAYAAN
CINA MALAYSIA**

21. Tuan Wong Win On minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat pendirian rasmi bahawa projek pembinaan Pusat Kebudayaan Cina Malaysia iaitu "Da Ma Hua Ren Wen Chen" akan menjejaskan perpaduan negara, jika ya, nyatakan bagaimana serta huraikan konsep "perpaduan negara" yang dimaksudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Pada Mesyuarat Dewan Rakyat kali ini terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang hampir-hampir sama dan berkaitan dengan cadangan Penubuhan Pusat Kebudayaan Cina seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Wong Win On pada hari ini. Mereka adalah Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng pada 17.6.1991, Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai pada 21.6.1991, Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood pada 12.7.1991, Yang Berhormat Tuan

Liew Ah Kim dan Yang Berhormat Tuan Shahidan bin Kassim pada 16.7.1991. Oleh yang demikian, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan tersebut sekali gus pada petang ini.

Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan terhadap projek yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Projek tersebut masih di dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan.

SKANDAL MARY ANNE ARIOKADASS—SIASATAN POLIS

22. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah keputusan penyiasatan pihak berkuasa dalam kes skandal yang diadakan oleh seorang isteri polis dari Balai Polis Selama, Perak. Apakah tindakan akan diambil terhadap orang yang terlibat.

18.6.91

48. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementerian terhadap laporan oleh Mary Anne Ariokadass @ Siti Khadijah Mary Anne Abdullah di Balai Polis Jalan Tun H.S. Lee pada 19hb April 1991 yang mendakwa beliau telah dinodai, diancam dan diugut untuk berlakun dalam filem-filem lucah dan melakukan perbuatan sumbang oleh sekumpulan anggota polis termasuk pegawai-pegawai kanan di Selama, Perak selama enam tahun;
- (b) apakah tindakan susulan Kementerian terhadap laporan oleh Mary Anne Ariokadass @ Siti Khadijah Mary Anne Abdullah di Balai Polis Jalan Dang Wangi, Kuala Lumpur pada 7hb Mei, 1991 yang mendakwa bahawa penyiasatan yang

dilakukan oleh pasukan empat orang anggota dari Bukit Aman ke atas kes beliau dianggap berat sebelah; dan

- (c) apakah Kerajaan bersedia untuk menubuhkan satu Suruhanjaya bebas untuk menyiasat kes tersebut demi untuk menjamin tidak wujudnya keraguan dan kesangsian orang ramai terhadap penyiasatan yang melibatkan pasukan polis.

21.6.91

41. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil penyiasatan yang dijalankan ke dalam dakwaan Mary Anne Ariokadass bahawa beliau telah dirogol dan diperas ugut melakukan pelacuran oleh sekumpulan anggota Polis termasuklah pegawai-pegawai kanan di Selama, Perak.
- (b) adakah satu Suruhanjaya Penyiasatan bebas akan ditubuhkan untuk penyiasatan ke dalam perkara ini memandangkan ia melibatkan kakitangan polis yang berpangkat tinggi; dan
- (c) mengapakah beliau disuruh melakukan semula perbuatan jenayah itu dan mengapakah beliau dipaksa mengalami sesi soal-selidik yang panjang oleh pegawai polis yang sepatutnya menyiasat tentang dakwaan beliau itu.

10.7.91

36. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang laporan polis oleh Puan Anne Ariokadass bahawa beliau telah mengalami sesuatu pengalaman buruk yang melibatkan beliau dirogol, diugut dan dipaksa berlakun dalam filem-filem lucah dan melakukan pelacuran selama lebih dari enam tahun di tangan sesuatu

kumpulan pegawai polis, termasuk pegawai-pegawai kanan, di Selama, Perak.

16.7.91

43. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bahawa seorang suri rumah telah dianiayai secara seks oleh beberapa orang kakitangan Polis baru-baru ini, termasuk pegawai-pegawai berpangkat tinggi. Apakah tindakan Kementerian ingin mengambil bagi membawa pesalah-pesalah ke pentas keadilan;
- (b) adakah benar bahawa suri rumah ini telah dipaksa mengadakan perhubungan jenis dengan beberapa orang kakitangan Polis semenjak 1984; jika ianya benar, mengapa Ketua Polis Negara, melalui perkhidmatan Cawangan Khas Jabatan Polis, tidak diberitahu hingga isu ini diterbitkan dalam akhbar tempatan baru-baru ini.
- (c) adakah benar bahawa mangsa tersebut dipaksa melakun di video lucah oleh kakitangan Polis ini;
- (d) adakah penyiasatan mendalam dijalankan tentang perkara ini, dan laporan jawatankuasa penyiasat akan dikeluarkan kepada rakyat atau tidak;
- (e) bolehkah Y.A.B. Menteri Dalam Negeri memberitahu Dewan ini bagaimana beliau ingin mengawal keselamatan peribadi orang-orang tahanan wanita di lokap-lokap polis, terutamanya yang menunggu perbicaraan di Mahkamah; dan
- (f) bolehkah Y.A.B. Menteri Dalam Negeri memberitahu Dewan ini tentang cara bagaimana beliau akan mengikut bagi mem-

perlindungi imej pasukan Polis, memandangkan peristiwa-peristiwa seperti itu tidak mendapat sambutan positif dari kalangan rakyat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Saya memohon kebenaran untuk menjawab 4 soalan lain dari Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara yang sama. Soalan-soalan itu ialah daripada:

- (a) soalan Y.B. dari Nilam Puri pada 18.6.1991.
- (b) soalan Y.B. dari Petaling Jaya pada 21.6.91.
- (c) soalan Y.B. dari Jelutong pada 10.7.1991.
- (d) soalan Y.B. dari Puchong pada 16.7.1991.

Siasatan ke atas kes ini adalah di peringkat akhir dan akan dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan selanjutnya. Selain dari itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Suruhanjaya bebas untuk menyiasat kes ini.

HARGA LADA HITAM DAN KOKO

23. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sebab-sebab harga lada hitam dan koko jatuh paling rendah sekali pada masa kini; dan
- (b) bentuk usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk membaik-pulih harga barang tersebut.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab:

- (a) harga lada dan koko pada tahun-tahun 1980—1990 telah mengalami keadaan turun naik dan telah mencapai harga purata yang tertinggi pada tahun 1986 dan 1987 sebanyak \$11,000 setan metrik bagi lada dan \$4,789 setan

metrik bagi biji koko pada 1984-1985. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini harga kedua-dua komoditi ini telah menurun ke paras yang agak rendah. Ini adalah disebabkan pengeluaran telah melebihi permintaan di mana negara-negara pengeluar termasuk Malaysia yang sedang menikmati pengeluaran yang meningkat berikutan daripada peningkatan di dalam teknik-teknik penanaman dan keluasan kawasan tanaman. Walau bagaimanapun peningkatan ini tidak diimbangi oleh peningkatan dalam permintaan oleh negara-negara pengguna. Ini telah menyebabkan lebihan di dalam stok dunia dan seterusnya menyebabkan kejatuhan harga kedua-dua komoditi ini. Pada tahun 1990 stok dunia bagi lada adalah dalam lingkungan 40,000 tan metrik dan koko sebanyak lebih kurang 1.4 juta tan metrik.

- (b) mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun lada dan koko, adalah dimaklumkan bahawa kedua-dua komoditi ini adalah berorientasikan eksport di mana 98% pengeluaran (lada) dan 70% (koko) adalah untuk pasaran eksport. Oleh itu harga tempatan tertakluk dan dipengaruhi sepenuhnya oleh harga pasaran dunia dan adalah di luar kawalan Kerajaan. Walau bagaimanapun Kerajaan akan sentiasa berusaha memperbaiki pendapatan petani melalui:
- (i) peningkatan produktiviti dan usaha pengurangan kos;
 - (ii) memperkemaskan sistem pemasaran;
 - (iii) mempelbagaikan aktiviti 'on farm' dan 'off-farm'.

Kerajaan telah juga menggalakkan peningkatan nilai ditambah (value-added) melalui pembangunan aktiviti pemerosesan dan juga pembangunan industri hiliran bagi kedua-dua komoditi tersebut. Perkembangan industri hiliran koko terutamanya peningkatan kapasiti pengisaran koko tempatan akan mengukuhkan pasaran koko negara di peringkat antarabangsa.

PEPERIKSAAN SRP— MENGHAPUSKAN

24. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk menghapuskan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pada tahun 1993 dan digantikan dengan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Jika ada, apakah sebabnya;
- (b) adakah pelajar-pelajar Tingkatan Tiga secara langsung dinaikkan ke Tingkatan Empat; dan
- (c) sejauh manakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul akibat penghapusan peperiksaan tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan memang bercadang untuk menghapuskan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pada tahun 1993 dan digantikan dengan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Ini adalah selaras dengan perkembangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Dalam KBSM, seseorang pelajar diajar bukan sahaja pengetahuan sesuatu matapelajaran itu tetapi

ditekankan juga kerohanian dan nilai-nilai serta amalan matapelajaran tersebut. Penilaian Menengah Rendah (PMR) akan menilai aspek-aspek tersebut melalui sistem penilaian pusat dan penilaian kendalian sekolah.

- (b) setakat ini Kementerian Pendidikan belum membuat sebarang keputusan rasmi mengenai perkara ini. Beberapa perkara yang melibatkan implikasi kewangan yang besar adalah di antara faktor yang perlu difikirkan sedalam-dalamnya.
- (c) pemansuhan peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pada tahun 1993 dijangka tidak menimbulkan sebarang masalah besar kerana pada hakikatnya peperiksaan PMR yang menggantikannya juga mempunyai corak pentadbiran peperiksaan yang lebih kurang sama.

Langkah-langkah belum lagi diambil kerana SRP belum lagi dihapuskan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sedang merancang strategi-strategi tertentu untuk mengatasi masalah-masalah tertentu akan timbul akibat daripada pemansuhan SRP.

LAPORAN MPEN KEPADA AWAM

25. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengumumkan Laporan Penuh MPEN kepada Awam atau sekurang-kurangnya mengedarkan kepada semua Ahli Parlimen supaya mereka dapat tahu apakah perbezaannya antara cadangan Laporan MPEN dan cadangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia Kedua (RRJP2) (1991-2000). Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

37. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan dengan teliti Pelan Perspektif Dasar Ekonomi Negara atau "OPP Kedua" akan memberi keutamaan kepada semua pihak secara adil.

41. Tuan Muhamad bin Abdullah Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah objektif-objektif Pelan Perspektif Dasar Ekonomi Negara;
- (b) adakah syor-syor yang dikemukakan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara atau MPEN diambilkira bagi menggubal Pelan tersebut; dan
- (c) adakah pandangan-pandangan daripada pemimpin-pemimpin Parti Barisan Nasional berhubung dengan pelan ini diambilkira bagi menggubal Pelan tersebut.

18.6.91

7. Tuan G.Pananivel minta Perdana Menteri menyatakan di bawah Rancangan Jangka Panjang Yang Kedua (Second Outline Prospective Plan - OPP), apakah rancangan-rancangan Kerajaan yang khusus bagi menghapuskan kemiskinan di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

20.6.91

4. Tuan Ahmad bin Omar minta Perdana Menteri menyatakan tentang rumusan daripada kajian DEB dan apakah dasar-dasar baru yang akan menjadi asas kepada pembentukan Dasar Ekonomi Negara seterusnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan daripada

Yang Berhormat bagi kawasan-kawasan seperti berikut:

- (a) Yang Berhormat bagi kawasan Bukit Mertajam pada 17 Jun 1991;
- (b) Yang Berhormat bagi kawasan Ipoh pada 17 Jun 1991;
- (c) Yang Berhormat bagi kawasan Maran pada 17 Jun 1991;
- (d) Yang Berhormat bagi kawasan Ulu Selangor pada 18 Jun 1991; dan
- (e) Yang Berhormat bagi kawasan Pagoh pada 20 Jun 1991.

Secara sekali gus kerana maksud soalan Yang Berhormat tersebut adalah sama, iaitu menyentuh tentang Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan dasar baru selepas 1990.

Saya berharap semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersabar dahulu untuk mengikuti pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam Dewan ini. Saya percaya maksud perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan terjawab dalam dokumen tersebut.

Mengenai Laporan MPEN, Kerajaan telah memberi perhatian yang sewajarnya terhadap segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan dan di mana yang sesuai, telahpun diambilkira dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Malaysia Kedua (RRJP2). Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) akan diedarkan kepada umum tidak lama lagi.

JENAYAH MENGGUNAKAN SENJATA API

26. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes-kes jenayah menggunakan senjata api

masih dalam siasatan polis dan belum diselesaikan bagi tempoh;

- (i) lebih daripada 5 tahun;
- (ii) antara 3-5 tahun; dan
- (iii) bawah daripada 3 tahun.

Nyatakan juga sebab-sebab kelambatan kes-kes berkenaan disoalsiasat hingga mengambil masa yang lama dalam siasatan polis sama ada.

- (i) tahap keupayaan polis membuat soalsiasat masih rendah;
- (ii) kes-kes itu amat kompleks yang melibatkan tokoh-tokoh tertentu; dan
- (iii) kekurangan pakar-pakar dalam membuat soalsiasat.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:
Jumlah kes-kes senjata api yang masih dalam siasatan polis dan bilangannya yang masih belum selesai adalah seperti berikut:

<i>Jangkamasa</i>	<i>Jumlah Kes Keseluruhan</i>	<i>Jumlah Kes Yang Belum Selesai</i>
Lebih 5 tahun	6,817	4,872
Antara 3-5 tahun	2,853	2,075
Bawah daripada 3 tahun	1,399	859

Kelewatan kes siasatan ini bukanlah disebabkan oleh rendahnya keupayaan polis menyiasat dan tidak melibatkan mana-mana tokoh tertentu. Antara sebab yang telah dikenalpasti yang telah menjejaskan siasatan polis itu ialah:

- (i) kebanyakan kes penjenayah-penjenayah tidak dapat dikenalpasti oleh mangsa;
- (ii) penjenayah-penjenayah memakai topeng ketika melakukan jenayah;
- (iii) kurang maklumat dari mangsa-mangsa kerana ketakutan;

- (iv) kurang kerjasama dari saksi-saksi yang terlibat;
- (v) jika tangkapan dibuat, siasatan yang teliti dan terperinci mesti dibuat untuk memperolehi bukti yang kukuh untuk mendakwa sabjek.

**ALMARHUM TUNKU ABDUL
TAHMAN PUTRA ALHAJ-JASA
YANG DISUMBANGKAN**

27. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan apakah keputusan-keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperingati Almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai Bapa Malaysia, Perdana Malaysia Pertama dan pejuang demokrasi dan hak asasi manusia sehingga akhir hayat Almarhum.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kerajaan tidak melupai jasa-jasa yang telah disumbangkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj dalam berbagai bidang kepada negara semasa hayatnya.

Sebagai mengenangkan jasa-jasa Almarhum Tunku itu, Kerajaan telah memutuskan untuk mewujudkan Memorial Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj di tempat letaknya Residensi di Jalan Dato' Onn, berasaskan 2 bangunan baru berbentuk V dengan bangunan Residensi sebagai mercunya. Kerajaan juga akan menjadikan Bangunan Residensi di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur sebagai tempat penyimpanan bahan-bahan pameran Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj.

Sebuah Institut Kefahaman Islam yang dikaitkan dengan Almarhum Tunku juga dicadang ditubuhkan yang akan memberi penjelasan mengenai Islam supaya anggapan yang salah terhadap Islam dapat diperbetulkan.

**PROJEK JALANRAYA
DI SARAWAK**

28. Tuan Joseph Mah Anak Ikeh minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Jalanraya di Sarawak seperti berikut masuk dalam Rancangan Malaysia Keenam:

- (a) Jalanraya Kapit/Kanowit/Belaga
- (b) Jalanraya Pekan Slangau/Ulu Mukah
- (c) Jalanraya Sebakong/Dijih/Telian
- (d) Jalanraya Pekan Tatu/Ulu kakus/Ulu Anap
- (e) Jalanraya Sekuau/Ulu Oya
- (f) Pekan Arip/Ulu Arip

Tuan Peter Tinggom anak Kamarau: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan setakat ini jumlah peruntukan bagi projek-projek jalanraya di bawah Rancangan Malaysia Keenam belum dilulus secara rasmi, senarai projek-projek jalan di Sarawak akan hanya dapat disiapkan selepas persidangan Parlimen ini.

**PENGIJRAHAN RAKYAT
KE NEGARA ASING**

29. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) bilangan penghijrahan dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyekat penghijrahan rakyat yang mempunyai kemahiran profesional (dengan membawa keluar wang modal mereka) ke negara-negara maju seperti Australia dan Kanada); dan
- (b) anggaran kerugian yang dialami oleh negara dengan memberikan latihan dan kemahiran melalui program pendidikan yang disubsidikan oleh Kerajaan, sekiranya kemahiran mereka tidak digunakan dalam negara ini.

Dato' M. Mahalingam:

- (a) Kerajaan tiada rekod mengenai bilangan penghijrahan oleh kerana negara kita tidak mempunyai undang-undang dan dasar yang menyekat penghijrahan rakyat ke negara-negara maju.
- (b) oleh kerana bilangan penghijrahan sebenar tidak diketahui, maka tidaklah dapat dibuat anggaran yang dialami oleh negara akibat dari berlakunya penghijrahan rakyatnya bekerja di luar negeri.

**GAJI KAKITANGAN
AWAM—KAJIAN SEMULA**

30. Tuan G. Palavinel minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, bilakah kajian semula gaji kakitangan awam dapat diumumkan; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menawarkan Skim Amanah Saham seperti yang dilaksanakan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) untuk ASN, dalam usaha untuk membersihkan wang lebihan dari edaran, dan sebagai langkah menyimpan ekoran dari bayaran tunggakan dan kenaikan gaji kepada kakitangan awam, akibat dari kajian semula gaji.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):

- (a) semakan gaji sektor awam akan diumumkan setelah kajian menyeluruh mengenainya siap dilaksanakan.

- (b) buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menawarkan Skim Amanah Saham kepada Kakitangan Awam, akibat daripada kajian semula gaji.

**ULAT PENGOREK BUAH
KOKO—SERANGAN**

31. Tuan Haji Abd. Hamid bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) punca-punca penyakit serangan ulat koko terhadap tanaman koko yang dilaporkan berlaku di Selatan Semenanjung;
- (b) jumlah keluasan dan anggaran kos kerugian yang dialami berpunca dari serangan penyakit ini;
- (c) apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil bagi mengawal dan membasmi penyakit ini; dan
- (d) adakah Kementerian bercadang memberikan bantuan subsidi kepada golongan petani miskin yang mengalami kerugian akibat serangan penyakit ini.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab:

- (a) punca serangan Ulat Pengorek Buah Koko (UPBK) di Semenanjung Malaysia ialah kemungkinannya dibawa di dalam buah-buah koko oleh pelawat-pelawat dari negeri yang ada serangan Ulat Pengorek Buah Koko. Kemungkinan besar, serangan ini telah merebak di dalam negeri melalui pergerakan bebas buah-buah koko, kenderaan-kenderaan yang digunakan untuk mengangkut buah-buah koko, penyeludupan buah koko dari kebun-kebun yang kena serangan dan pergerakan perosak-perosak melalui arus angin.

- (b) jumlah keluasan yang diserang setakat ini ialah:

Estet:	4786 ha
Pekebun kecil:	1896 ha

Kerugian setakat ini adalah minima kerana tindakan segera yang telah diambil untuk mengawal perosak ini. Peratus kerugian dianggarkan kurang daripada 5% dari pengeluaran di kawasan serangan bernilai lebih kurang \$600,000 setahun.

- (c) Jabatan Pertanian telahpun merangka satu pelan operasi untuk menyekat dan menghapus perosak ini. Agensi Pusat telah pun meluluskan \$6 juta untuk pelaksanaan Projek Penyekatan dan Penghapusan Ulat Pengorek Buah Koko bagi tahun 1991—1995. Operasi Penyekatan dan Penghapusan melibatkan penebangan pokok koko yang dikenalpasti diserang dan menjalankan rampasan di kawasan-kawasan rintangan iaitu kawasan koko yang berhampiran dengan kawasan serangan. Dengan penebangan di kawasan serangan dan rampasan di kawasan rintangan adalah diharapkan Ulat Perosak Buah Koko akan dihapuskan kerana tidak ada lagi sumber makanan dan perlindungan.
- (d) Kerajaan tidak mempunyai satu program bantuan subsidi khas untuk petani-petani yang terlibat. Walau bagaimanapun, di dalam Operasi Penyekatan dan Penghapusan Ulat Pengorek Buah koko, Kerajaan akan membayar upah menebang dan jika petani mahu menanam semula, upah tanam semula dan input-input akan diberi di kawasan serangan. Sementara di kawasan rintangan, upah merampas, mencantas dan menyembur racun serta input-

input seperti racun, karung plastik, baja dan alat pertanian akan diberi. Jumlah bantuan dicadang diberi di antara \$2,000 - \$2,500/ha.

(Soalan No. 32. Sila lihat jawapan No. 19)

(Soalan No.33. Sila lihat jawapan No.21)

(Soalan No.34. Sila lihat jawapan No.3)

LAPORAN UNDP MENGENAI HAK KEBEBASAN MANUSIA DI MALAYSIA

35. Tuan Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan sedar mengenai perakuan United Nations Development Programme (UNDP) melalui Human Development Report (HDR) 1991 yang menyenaraikan Malaysia di tempat ke-55 daripada 88 buah negara dari segi kebebasan manusia;
- (b) apakah langkah Kerajaan bagi membetulkan kedudukan yang begitu pincang sehingga Malaysia disenaraikan lebih buruk dari Israel dalam laporan HDR; dan
- (c) jika Kerajaan tidak bersedia untuk memperakui laporan HDR itu, apakah laporan itu merupakan petanda kelemahan dan kegagalan Datuk Musa Hitam selaku wakil khas negara ke Bangsa-bangsa Bersatu untuk mempertahankan kewibawaan Malaysia di kacamata dunia.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Kerajaan memang sedar mengenai laporan UNDP tersebut dan memahami bahawa pada umumnya UNDP sedang

mencuba untuk memberi satu penilaian yang lebih baik terhadap pembangunan manusia. Tetapi kedudukan Malaysia di tempat ke 55 di antara 88 buah negara dari segi kebebasan manusia adalah satu gambaran yang tidak benar.

Saya yakin Yang Berhormat dari Nilam Puri sendiri tidak boleh menerima penilaian yang meletakkan Israel sebagai negara yang lebih tinggi dari Malaysia pada hal tindakannya terhadap rakyat Palestin amat kejam dan melanggar tata perikemanusiaan.

Kerajaan menolak penilaian kebebasan hak manusia (human rights) yang dibuat oleh UNDP kerana kriteria yang digunakan tidak mengambilkira nilai-nilai budaya dan agama rakyat Malaysia. Penilaian yang dibuat adalah berdasarkan nilai-nilai liberal barat yang sebahagian daripadanya bertentangan dengan hukum-hukum Islam.

Mengenai perkembangan manusia (human development) pula laporan tersebut tidak memberi keutamaan kepada faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada proses pembangunan di negara-negara membangun. Faktor seperti penebusan pasaran di negara-negara maju bagi barangan-barangan yang dikeluarkan oleh negara-negara membangun, harga barangan keluaran negara membangun yang rendah, beban hutang, teknologi moden, tidak diberikan pertimbangan yang wajar sebagai penghalang utama negara-negara membangun mencapai cita-citanya untuk maju. Dengan demikian laporan itu adalah berat sebelah dan telah menyalahkan negara-negara membangun sahaja dalam soal ini

pada hal negara-negara maju juga turut bertanggungjawab.

- (b) Kerajaan telah menolak laporan UNDP mengenai hak kebebasan manusia di atas sebab-sebab yang tersebut di atas tadi. Kerajaan telahpun menyuarakan bantahan mengenai soal ini kepada UNDP. Wakil Tetap Malaysia ke PBB, dalam Persidangan Lembaga Pengurus UNDP, bersama Kumpulan 77, telah mendesak supaya UNDP tidak lagi membuat laporan mengenai hak-hak kebebasan manusia kerana soal-soal demikian adalah di luar bidang tugas dan tanggungjawabnya.
- (c) Peranan Datuk Musa selaku Duta Khas Malaysia ke PBB tidak kena-mengena dengan laporan UNDP mengenai hak manusia kerana UNDP telah bertindak di luar mandatnya.

CUKAI JALAN—PUNGUTAN

36. Tuan Haji Buniyamin bin Yaacob minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pungutan cukai jalan bagi tahun-tahun 1988, 1989 dan 1990 mengikut pecahan: Motorsikal, Kereta Persendirian, Kenderaan Komersial, Lori dan Trak dan kenderaan Awam;
- (b) daripada jumlah pungutan tersebut, berapakah yang digunakan khusus untuk mengurus dan menyelenggara jalanraya awam di seluruh negara di sepanjang jangkamasa itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kutipan cukai jalan dalam negara bagi tahun-tahun 1988, 1989 dan 1990 adalah sebanyak \$683.4 juta, \$742.7 juta dan \$832 juta masing-masing. Kenaikan ini adalah 8.7% bagi tahun 1989 dan 12% bagi tahun 1990.

Secara amnya untuk Semenanjung Malaysia bagi tahun 1990 cukai jalan yang dikutip itu adalah dari 3 kategori utama kenderaan seperti berikut:

- (a) Motorsikal (13.4%);
- (b) Kenderaan persendirian seperti motokar, van, jeep (43.1%); dan
- (c) Kenderaan perdagangan yang terdiri dari semua jenis bas, teksi dan kereta sewa serta kenderaan barang seperti lori dan trailer (43.5%).

Sehubungan dengan soalan kedua, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa mengikut sistem hasil yang diamalkan sekarang di negara ini, semua hasil yang dipungut dari sesuatu punca tidak diperuntukkan semula pada sumber tersebut untuk dibelanjakan. Misalnya hasil yang dipungut dari cukai jalan tidak diperuntukkan semula untuk digunakan dalam penyelenggaraan dan pembinaan jalan-jalan baru. Amalan sekarang ialah semua hasil Persekutuan yang dipungut, tanpa mengira sumber, adalah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dan kemudiannya diperuntukkan melalui Belanjawan Tahunan. Sistem ini mempunyai kelebihan dari segi pendapatan yang diterima oleh Kerajaan dapat diagihkan kepada sektor-sektor tertentu mengikut keutamaan dan keperluan sektor tersebut.

Peruntukan yang telah disediakan di bawah Anggaran Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 1988 hingga 1990 untuk tujuan tersebut adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Peruntukan (\$ juta)</i>
1988	\$145.9
1989	\$146.6
1990	\$149.0

Untuk makluman Dewan yang mulia peruntukan yang disediakan ini adalah meliputi kerja-kerja:

- (i) penyelenggaraan biasa seperti pembersihan simpanan jalan, parit dan pembuangan sampah sarap;
- (ii) membarumuka jalan;
- (iii) membaiki bahu jalan dan longkang;
- (iv) membaiki pembentongan, jambatan serta benteng.

(Soalan No.37. Sila lihat jawapan No.25)

JALAN DI SG. APOH DAN TUTOH—PEMBINAAN

38. Tuan Harrison NgauLiang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada jalan menghubungkan Long Lama ke jalan-jalan pembalakan yang sudah menghubungkan kampung-kampung pendalaman di kawasan Sungai Apoh dan Tutoh akan dibinakan;
- (b) jika ada, bilakah ia akan dimulakan dan berapakah peruntukan yang disediakan. Jikalau tidak, apa sebabnya; dan
- (c) adakah Kementerian Kerja Raya merancang untuk melapiskan jalan-jalan di antara kampung-kampung di kawasan Sungai Apoh iaitu Kampung Long Bemang, Long Wat, Long Atip, dan Long Bedian, jika ada berapakah peruntukan yang disediakan; jikalau tidak, apa sebab-sebabnya.

Tuan Peter Tinggom anak Kamarau: Untuk menjawab soalan (a) dan (b) pada masa sekarang Kerajaan tidak ada rancangan untuk membina

jalan menghubungi kawasan pendalaman di Sg. Apoh dan Tutoh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan ada dalam rancangannya cadangan untuk membina jalan raya dari Beluru Nanga Medamit melalui Long Teru dan Long Lama. Jalan raya dari Beluru ke Long Teru sampai ke Jambatan Sg. Tajar sudah siap dibina. Jalan raya yang dirancang ini dijangka akan melalui hampir dengan kawasan Sg. Apoh/Long Buang.

- (b) Kerajaan tiada rancangan untuk melapis jalan-jalan di antara kampung-kampung di kawasan Sungai Apoh, Long Wat, Long Atip dan Long Bedian.

**MAJLIS PERDAGANGAN
MALAYSIA
(MBC)—KEANGGOTAAN**

39. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kriteria yang digunakan untuk memilih ahli-ahli untuk "Malaysia Business Council". Apakah sebabnya satu Jawatankuasa yang lebih luas seperti "MPEN" tidak boleh ditubuhkan untuk melibatkan semua kaum dan semua jenis pucuk pemimpin dalam "MBC" ini; dan
- (b) apakah peranan yang telah, sedang dan akan dimainkan oleh pihak "MBC" ini untuk Dasar Perindustrian 2020 bagi negara kita. Berapakah mesyuarat yang telah diadakan, berapakah laporan yang telah dikaji dan siap dan kepada siapakah minit-minit dan laporan-laporan dari "MBC" ini diberi dan siapakah yang akan menentukan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Majlis dari segi implementasinya.

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:

- (a) Keanggotaan di dalam Majlis Perdagangan Malaysia tidak berdasarkan kepada latar belakang asal keturunan, kaum dan pemahaman politik seseorang.

Sebaliknya keahliannya adalah berdasarkan kepada peribadi yang mencerminkan perseimbangan di antara pihak Kerajaan dengan pihak swasta. Keahlian itu juga mencerminkan keseimbangan di antara golongan muda dan tua; di antara usahawan yang berpengalaman dengan yang baru muncul; pengusaha dalam industri kecil, sederhana dan besar serta perseimbangan di antara sektor dalam kegiatan ekonomi negara.

- (b) Untuk perhatian Yang Berhormat, sehingga ini Majlis baru sekali bersidang iaitu pada hari pelancarannya pada 28 Februari 1991. Sehubungan dengan itu, berbagai kegiatan seperti seminar, forum, penyelidikan dan lain-lain yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi negara sedang dirancang dilaksanakan dimasa-masa hadapan.

**TENAGA NASIONAL
BERHAD—SIASATAN
ATAS TUDUHAN**

40. Dr. Kua Kia Soong minta menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbetulkan masalah-masalah kritikal yang didedahkan dalam surat yang dikirim oleh "Jurutera Prihatin daripada TNB" kepada Y.A.B. Perdana Menteri,

bertarikh 28 Mac 1991 yang menyatakan bahawa:

- (a) dalam masa yang singkat "TNB akan dipaksa mula mengurangkan janakuasa (Load Shedding) stesen-stesen kuasa utamanya daripada runtuh yang akan mengakibatkan kerugian berbillion-billion juta dalam ertikata pemusnahan logi;
- (b) pegawai-pegawai TNB telah memberikan dokumen-dokumen yang amat sensitif, rahsia dan sulit kepada kontraktor-kontraktor swasta seperti GENERAL PHYSICS, PENISULAR POWER, TETRACON, IEA CORPORATION, MINCO bergantung kepada siapa yang memberikan tawaran paling tinggi.
- (c) keputusan JPA telah dilanggar kerana TETRACON penuh dengan bekas-bekas pegawai-pegawai LLN;
- (d) ramai kontraktor-kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera tempatan tidak dibenarkan mendapatkan kerja-kerja di Tenaga Nasional; dan
- (e) apakah hasil penyiasatan Badan Pencegah Rasuah ke dalam dakwaan wujudnya rasuah di kalangan pengurusan atasan TNB sejak saya membangkitkan perkara ini di sesi Parlimen yang lepas.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):

- (a) perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengenai TNB telah dibincangkan dan diberi jawapan oleh saya di Dewan yang mulia ini pada 29 Januari 1991 yang lepas.

(b) pegawai-pegawai TNB tidak memberi apa-apa dokumen kepada sesiapa pun. Jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling mempunyai butir-butir dan bukti yang jelas, saya suka menasihatkan beliau melaporkannya kepada Badan Pencegah Rasuah dengan serta-merta.

(c) Akta pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 139) memperuntukkan bahawa pesara-pesara tidak dibenarkan bertugas dengan syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan dengan majikan asal bagi tempoh 5 tahun selepas bersara. Bagi pekerja yang meletakkan jawatan dengan TNB mereka bebas bekerja di mana-mana syarikat. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya tidak mempunyai bidangkuasa dalam perkara ini.

(d) Saya yakin tuduhan-tuduhan bahawa banyak kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera tempatan tidak dibenarkan mendapat kerja-kerja di TNB adalah tidak berasas dan tidak ada bukti. Jika Ahli Yang Berhormat Petaling mempunyai bukti ke atas tuduhan-tuduhan ini sila kemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat ke atas Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Bilangan 23 (1) (b) yang menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat hendaklah bertanggungjawab ke atas betul atau tidak sesuatu kenyataan itu.

(e) mengenai perkara ini Ahli Yang Berhormat hendaklah menyemak kepada Badan Pencegah Rasuah yang menjalankan penyiasatan secara adil dan saksama. Saya

tidak mempunyai maklumat ke atas kemajuan penyiasatan tersebut.

Saya juga ingin menekankan bahawa Perkara 23(1)(b) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat meletakkan tanggungjawab yang besar ke atas Ahli Yang Berhormat menentukan kenyataan-kenyataan yang dibangkitkan adalah tepat dan betul. Ahli Yang Berhormat Petaling telah membangkitkan kenyataan-kenyataan daripada satu surat layang tanpa tandatangan dan kenyataan-kenyataan dalam surat itu adalah merupakan pertuduhan-pertuduhan yang tidak berasas sama sekali dan perbincangan mengenainya hanya membazirkan masa Dewan yang mulia ini.

(Soalan No.41. Sila lihat jawapan No.25)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1990/1991)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada

Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1990 dan 1991 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH-MAHKAMAH ANAK NEGERI (BIDANGKUASA JENAYAH)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memberi mahkamah-mahkamah anak negeri bagi Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kehakiman; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengambilan Tanah 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG OPTIK

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi mengadakan satu peruntukan mengenai pendaftaran orang-orang

yang menjalankan amalan sebagai juruoptik dan optometris bagi mengawal amalan optometri dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta untuk membuat peruntukan-peruntukan baru dalam undang-undang yang berhubungan dengan keretapi dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI (SYARIKAT PENGANTI)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perletakhakan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Aset Keretapi kepada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan mengenai perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENERBANGAN AWAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN LAPANGAN TERBANG DAN PENERBANGAN (SYARIKAT PENGENDALI)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi peletakhakan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan penerbangan awam pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN KANAK- KANAK—MENARIK BALIK

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menarik balik

Rang Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak 1990 yang telah dibacakan kali pertama di Dewan ini pada 5hb Disember, 1990 kerana beberapa pindaan telah dibuat terhadap Rang Undang-undang tersebut dan teks baru Rang Undang-undang itu akan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

USUL

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KEDUA 1991-2000 DAN DASAR PEMBANGUNAN BARU

3.44ptg.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin Dewan ini untuk membentangkan usul di atas nama saya seperti berikut:

Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosio-ekonomi negara bagi tempoh dua puluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, 1971-1990 dan Dasar Ekonomi Baru;

mengambil maklum dan merestui usaha-usaha Kerajaan yang berterusan dalam melaksanakan dasar-dasar, strategi-strategi dan program-program untuk mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama, menerusi Dasar Ekonomi Baru, bagi mencapai perpaduan negara serta mengekalkan pembangunan yang stabil dan berterusan di dalam persekitaran yang aman, stabil dan selamat;

melulus dan menyetujui Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan

Baru, yang menetapkan matlamat pembangunan negara dan dasar-dasar yang akan diikuti di dalam usaha negara mencapai matlamat yang dirangkai untuk dekad akan datang seperti yang ditetapkan di dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1991;

Bahawa, dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Baru, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih gigih dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatu padu dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdayatahan.

Saya mohon membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 untuk perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah satu hari yang bersejarah kepada kita. Rakyat Malaysia sedang menunggununggu untuk mengetahui pengganti kepada Dasar Ekonomi Baru yang tamat pada tahun 1990. Sesungguhnya, minat yang begitu mendalam yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia mengenai dasar baru membuktikan bahawa kita semua mempunyai perasaan tanggungjawab terhadap negara dan mengambil berat mengenai masa depan kita dan negara. Ini adalah petanda baik kerana pada akhirnya keazaman rakyat untuk mencapai matlamat pembangunan negara yang sebenarnya akan menentukan kejayaan usaha-usaha pembangunan untuk faedah kita bersama.

Pihak antarabangsa biasa mengakui bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang tegas dalam melaksanakan rancangan pembangunannya. Dengan

lain perkataan kita melaksanakan pembangunan dengan serius. Ramai pemerhati menyatakan bahawa tujuan, matlamat dan strategi yang dirumuskan dalam rancangan-rancangan kita telah ditimbang semasak-masaknya, realistik dan boleh dicapai. Sesungguhnya dalam banyak hal, kita telah berjaya mencapai matlamat yang kita tentukan. Ini benar berlaku dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang I dan Dasar Ekonomi Baru. Insya Allah, kita akan meneruskan kejayaan ini dengan memperbaiki lagi keupayaan merancang dan melaksanakan rancangan kita menerusi pengemblengan semua sumber negara untuk mencapai matlamat yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa pahit rusuhan kaum pada tahun 1969 telah mengejutkan kita supaya sedar betapa perlunya kita mengambilkira suasana politik dan sosial dalam menghadapi dan mengatasi masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan sosio-ekonomi antara kaum yang dihadapi oleh negara pada masa itu. Oleh kerana generasi baru di Malaysia pada umumnya tidak melalui peristiwa pahit tersebut, adalah penting kita mengingatkan mereka dan juga diri kita sendiri bahawa dalam suatu masyarakat berbilang kaum seperti yang terdapat di Malaysia, kewujudan ketidakseimbangan sosio-ekonomi mengikut kaum tidak mungkin membolehkan perpaduan ataupun kestabilan negara dicapai. Dengan yang demikian, sebarang usaha untuk mengekal ketidakseimbangan ini akan hanya mengakibatkan ketidakstabilan dan perpecahan di negara ini.

Pelancaran Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1970 menandakan permulaan usaha kita ke arah melaksanakannya, dengan izin, socio-economic engineering, yang bertujuan untuk mewujudkan pengagihan kekayaan yang lebih saksama antara kaum dan golongan-golongan di dalam berbagai lapisan masyarakat. Teras

utama, dengan izin, socio-economic engineering ini adalah terkandung di dalam pendekatan serampang dua mata yang bertujuan untuk:

- (a) membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum; dan
- (b) menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Dalam tempoh dua dekad, kita menetapkan matlamat supaya kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia akan dikurangkan daripada 49.3% kepada 16.7%. Disamping itu, hak milik modal saham dalam sektor korporat perlu disusun semula supaya orang-orang Melayu dan Bumiputera lain dapat meningkatkan bahagian hakmilik mereka daripada 2.4% kepada sekurang-kurangnya 30%, manakala rakyat Malaysia yang lain perlu meningkat bahagian mereka daripada 34.3% kepada 40%. Rakyat asing pula dijangka mengurangkan pemilikan mereka daripada 63.3% kepada 30% pada tahun 1990. Selain daripada itu, kita juga menetapkan matlamat supaya komposisi pekerja di semua peringkat menggambarkan komposisi berbagai kaum dalam negara. Kita juga bersetuju untuk melaksanakan, dengan izin, socio-economic engineering ini dalam konteks sebuah ekonomi yang berkembang supaya dalam proses mengagihkan manfaat pembangunan tersebut, tidak ada mana-mana golongan kaum merasai hak mutlak mereka kehilangan atau tergugat.

Adalah relevan dimaklumkan di sini bahawa banyak percubaan telah dibuat oleh beberapa negara di dunia berhubung dengan izin, socio-economic engineering ini. Boleh dikatakan kesemua percubaan tersebut telah gagal dan mengalami kekecewaan serta membantutkan pertumbuhan ekonomi negara-negara yang berkenaan. Jelaslah bahawa matlamat-matlamat yang telah

kita tetapkan untuk negara di bawah RRJP1 dan Dasar Ekonomi Baru yang lalu adalah sesuatu yang amat sukar dan mencabar.

Izinkan saya menghuraikan secara ringkas kemajuan yang telah kita capai sepanjang dua dekad yang lalu semasa melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Sejak tahun 1970, Malaysia telah berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berterusan. Keluaran Dalam Negeri Kasar dalam nilai sebenar telah berkembang pada kadar 6.7 peratus setahun bagi tempoh 1971-1990, walaupun negara mengalami kemelesetan ekonomi yang ketara pada pertengahan tahun 1980an.

Saluran utama untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tahun-tahun 1970an adalah melalui penglibatan sektor awam secara meluas dalam kegiatan ekonomi. Pendekatan ini dibuat kerana keperluan untuk meneruskan pembangunan infrastruktur sosial dan fizikal yang dimulakan semenjak merdeka. Pendekatan ini juga disebabkan keperluan yang lebih mendesak untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam keadaan di mana sektor swasta masih belum begitu maju. Oleh yang demikian, peratusan pelaburan sektor awam dalam keseluruhan pelaburan negara terus meningkat daripada 32 peratus pada tahun 1970 hingga sampai ke paras yang tertinggi sebanyak 50 peratus dalam tahun 1982. Walaupun kadar pertumbuhan tabungan negara bertambah baik, sebahagian besar daripada pelaburan tersebut perlu dibiayai melalui pinjaman luar yang meningkat.

Walaupun kita telah berjaya mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dan telah mencapai banyak daripada matlamat sosio-ekonomi negara, pergantungan pertumbuhan ekonomi kepada sektor awam secara meluas tidak dapat dikekalkan. Tambahan pula, penglibatan sektor

awam yang begitu meluas secara langsung dalam aktiviti ekonomi terutamanya oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan tidak mendapat hasil yang diharapkan. Sesungguhnya, prestasi kebanyakan badan-badan ini menghampakan sama seperti apa yang telah berlaku kepada perusahaan-perusahaan milik Kerajaan di negara-negara lain yang telah mengecewakan penyokong pendekatan ini.

Tindakbalas kita terhadap masalah defisit belanjawan sektor awam dan imbalan bayaran yang serius adalah dengan mengambil langkah-langkah penyesuaian yang tegas dan pahit semenjak tahun 1984. Tindakan ini termasuklah mengurangkan perbelanjaan dan penglibatan sektor awam dalam kegiatan ekonomi secara langsung, di samping menghentikan amalan menggunakan belanjawan awam untuk meningkatkan permintaan dan pertumbuhan atau, dengan izin, expansionary public expenditure. Bagi mengimbangi pengurangan peranan sektor awam ini, langkah-langkah telah diambil untuk menggalakkan perbelanjaan dan pelaburan daripada sektor swasta dan menjadikan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan ekonomi. Beberapa langkah telah juga diambil dengan tujuan memperkenalkan dasar-dasar yang lebih liberal dan mempermudah peraturan-peraturan dalam pengurusan ekonomi negara di samping menswastakan beberapa agensi dan fungsi Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam dan memindahkannya kepada sektor swasta selaras dengan usah-usaha menjadikan iklim pelaburan lebih menarik kepada mereka.

Strategi baru untuk menjadikan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan pada awalnya telah terjejas disebabkan kemelesetan ekonomi dunia. Dengan pemulihan ekonomi dunia, strategi tersebut telah berjaya memperkukuhkan ekonomi Malaysia mulai tahun 1987 dan tahun-tahun berikutnya. Dalam tiga

tahun kebelakangan ini iaitu tahun 1988 hingga 1990, pertumbuhan yang pesat pada kadar melebihi 9 peratus setahun telah dicatatkan. Anggaran-anggaran terbaru menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan pada tahun 1990 adalah sebanyak 10 peratus yang mana, kita percaya, adalah antara kadar yang tertinggi dicatatkan di dunia bagi tahun 1990. Pertumbuhan yang pesat ini telah dicapai walaupun terdapat ancaman dan ketidakstabilan akibat dari krisis Teluk yang berlaku di akhir suku tahun 1990.

Kejayaan terbesar yang kita capai ialah dalam memulihkan kestabilan sistem fiskal dan kewangan, memperkukuhkan lagiimbangan bayaran dan mengurangkan beban hutang luar dengan pembayaran yang lebih awal. Ekonomi negara kini telah pulih semula untuk berkembang dengan pesatnya. Berikutan dengan ini, kadar pengangguran telah dapat dikurangkan daripada 7.4 peratus pada tahun 1970 kepada 6 peratus pada tahun 1990. Keadaan ini telah menyebabkan pasaran buruh menjadi semakin ketat dan paras upah bertambah tinggi. Pendapatan per kapita, dalam nilai semasa, telah meningkat lebih lima kali ganda daripada \$1,106 ringgit pada tahun 1970 kepada \$6,180 ringgit pada tahun 1990.

Kemajuan ekonomi yang dicapai di akhir-akhir ini melebihi semua jangkaan kita. Dalam sektor pembuatan sahaja, jumlah cadangan pelaburan yang diluluskan meningkat daripada \$9,100 juta ringgit pada tahun 1988 kepada \$28,200 juta ringgit pada tahun 1990, iaitu bertambah lebih tiga kali ganda bagi tempoh tiga tahun. Ini menunjukkan bahawa pelabur-pelabur, terutamanya pelabur asing, mempunyai keyakinan terhadap daya tarikan ekonomi kita dan dasar-dasar pragmatik Kerajaan. Eksport barangan pembuatan dan pendapatan daripada sektor pelancongan telah menunjukkan prestasi yang amat menggalakkan yang belum pernah

dicapai pada masa-masa yang lalu. Hasil daripada pendapatan eksport dan kemasukan modal asing yang lebih besar daripada yang pernah diperolehi sebelum ini, ialah pengukuhan ekonomi kita dan membolehkan kita mengekalkan paras simpanan luar negara yang memuaskan. Perkembangan ini penting untuk mengekalkan kadar pertumbuhan yang tinggi dan memastikan kadar inflasi yang rendah.

Pada keseluruhannya pendapat umum di negara ini ialah kemajuan yang sangat besar telahpun dicapai dalam usaha membasmi kemiskinan dan tahap pencapaian ini adalah lebih baik daripada apa yang dijangkakan. Kadar kemiskinan negara telah berkurang daripada 52.4 peratus pada tahun 1970 kepada 17.1 peratus pada tahun 1990. Di Semenanjung Malaysia, kadar kemiskinan berkurangan kepada 15 peratus manakala di Sabah dan Sarawak kadar ini berkurangan masing-masing kepada 34.4 peratus dan 21 peratus. Pengurangan ini adalah satu kejayaan yang penting mengikut ukuran antarabangsa oleh kerana garis kemiskinan \$370 ringgit bagi tahun 1990 adalah jauh lebih tinggi daripada paras yang digunakan di kebanyakan negara membangun. Mengikut pandangan beberapa institusi antarabangsa, seperti Bank Dunia, kita telah menetapkan garis kemiskinan yang agak tinggi sebagai definisi kemiskinan. Jelaslah, jika paras pendapatan yang menentukan garis kemiskinan ini dikurangkan, kita akan mencapai kadar kemiskinan yang lebih rendah, sebagaimana yang dinyatakan oleh anggaran institusi-institusi lain.

Kejayaan besar yang telah diperolehi dalam program pembasmian kemiskinan merupakan satu pencapaian Dasar Ekonomi Baru yang menggalakkan. Dalam tempoh dua dekad yang lalu, kira-kira 480,000 isirumah di Semenanjung Malaysia telah dapat dikeluarkan daripada cengkaman kemiskinan. Oleh itu, kemiskinan tidak lagi merupakan

satu masalah yang serius di Semenanjung Malaysia sebagaimana yang wujud pada tahun-tahun 1970an dahulu. Tetapi, di Sabah dan Sarawak, walaupun kadar kemiskinan telah berkurang dengan banyaknya, ianya masih tinggi jika dibandingkan dengan kadar di Semenanjung Malaysia.

Berikutan dengan kejayaan pembasmian kemiskinan ini, pendapatan purata bulanan isirumah bagi 40 peratus yang terendah di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada \$76 ringgit pada tahun 1970 kepada \$421 ringgit pada tahun 1990. Pendapatan purata isirumah 40 peratus terendah di Sabah dan Sarawak juga meningkat, masing-masing daripada \$68 ringgit kepada \$390 ringgit dan \$74 ringgit kepada \$436 ringgit. Malahan, pendapatan purata bagi kumpulan isirumah 40 peratus terendah telah meningkat dengan kadar lebih cepat daripada kadar yang dicatatkan oleh kumpulan isirumah pertengahan dan tertinggi. Kemajuan ini menunjukkan pengagihan pendapatan telah menjadi bertambah baik.

Faktor terpenting yang menyebabkan peningkatan pendapatan penduduk luar bandar dan pengurangan ketidaksamaan pendapatan ialah perubahan dalam jenis dan agihan pekerjaan. Dengan pertumbuhan ekonomi dan kepesatan pembangunan sektor perindustrian, terdapat lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor bukan pertanian. Ini telah menyebabkan mereka daripada golongan miskin luar bandar meninggalkan kegiatan pertanian tradisional yang rendah kadar pendapatannya dan berpindah ke pekerjaan yang lebih tinggi upahannya dalam sektor-sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Di kalangan kebanyakan isirumah luar bandar hari ini, pertanian tradisional tidak lagi merupakan sumber pendapatan yang utama kerana anak-anak mereka boleh mendapat pekerjaan-pekerjaan lain di bandar-bandar berdekatan dan bandar-bandar lain untuk menambah

pendapatan keluarga. Jelaslah struktur gunatenaga dan sumber pendapatan terutamanya di kalangan penduduk desa telah berubah dengan pertumbuhan ekonomi.

Rancangan-rancangan pembangunan luar bandar Kerajaan telah memainkan peranan yang penting untuk membolehkan golongan miskin mempelbagaikan pekerjaan dan pendapatan mereka. Antara rancangan yang paling utama ialah pendidikan kerana ia meningkatkan keupayaan golongan miskin luar bandar menikmati peluang-peluang yang dihasilkan oleh pertumbuhan ekonomi negara. Melalui pelaburan yang banyak dalam rancangan pendidikan, kesihatan, pengangkutan dan perhubungan di kawasan-kawasan luar bandar, kita telah dapat meningkatkan mobiliti tenaga buruh luar bandar serta keupayaan belia melibatkan diri dalam pasaran buruh di bandar dan dengan ini mereka dibebaskan daripada belenggu kemiskinan di desa.

Kita juga telah memperolehi kejayaan yang besar dalam menyusun semula corak gunatenaga supaya lebih menggambarkan komposisi kaum negara ini sebagaimana yang dijadikan matlamat dalam tempoh 1971-1990. Sepanjang dua puluh tahun yang lalu, kemajuan yang dicapai oleh Bumiputera dalam pendidikan dan mempelbagaikan pekerjaan adalah menggalakkan walaupun masih terdapat jurang pencapaian yang besar. Contohnya, gunatenaga Bumiputera dalam industri pembuatan telah meningkat dengan banyaknya kepada 50.3 peratus menjelang tahun 1990 tetapi kenaikan ini adalah tertumpu kepada kumpulan gunatenaga peringkat rendah dan tidak mahir. Daripada segi jenis pekerjaan, walaupun bahagian mereka dalam kumpulan profesional dan teknikal juga tinggi, tetapi kebanyakan daripadanya terdapat dalam bidang-bidang kejururawatan dan perguruan. Daripada jumlah jawatan profesional utama

seperti jurutera, doktor dan akauntan, penglibatan kaum Bumiputera masih kurang berbanding dengan peratusan mereka dalam jumlah penduduk walaupun usaha-usaha telah diambil untuk meningkatkan pengeluaran lulusan Bumiputera daripada universiti-universiti dan maktab-maktab.

Bagi kaum bukan Bumiputera pula, walaupun mereka menikmati manfaat daripada pertumbuhan pekerjaan, bahagian mereka dalam sektor-sektor tertentu seperti pertanian, pembangunan tanah dan dalam perkhidmatan Kerajaan adalah masih kecil berbanding dengan peratusan jumlah penduduk mereka. Berhubung dengan kaum India pula, bahagian gunatenaga mereka dalam bidang-bidang tertentu kumpulan profesional yang dahulunya agak tinggi telah berkurangan walaupun jumlah mutlak telah bertambah. Kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak juga tidak mendapat manfaat seperti Bumiputera di Semenanjung Malaysia walaupun kemudahan-kemudahan pendidikan, pekerjaan dan peluang-peluang pendapatan di negara ini telah bertambah. Kerajaan menyedari bahawa golongan-golongan minoriti Bumiputera dan bukan Bumiputera masih ketinggalan di dalam beberapa bidang dan dengan itu keperluan mereka untuk mendapat pertambahan peluang pendidikan dan pekerjaan akan diberi perhatian yang lebih.

Adalah jelas bahawa kemiskinan boleh dikurangkan dengan banyaknya dan kemiskinan mutlak boleh dihapuskan. Fahaman bahawa kemiskinan sudah ditakdirkan merupakan satu kejahilan, kerana apabila golongan miskin dibantu secukupnya, mereka boleh memperbaiki kedudukan mereka. Dan apabila mereka menjadi kaya, itu juga adalah takdir. Sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab hendaklah membantu mereka yang miskin dan menghapuskan kemiskinan. Sesungguhnya, agama

Islam tidak mengatakan bahawa bantuan sedemikian tidak mengikut lunas-lunas Islam.

Dalam usaha membasmi kemiskinan, adalah penting golongan miskin diberi galakan untuk mengatasi sendiri keadaan kemiskinan mereka. Mereka yang cuba mempengaruhi golongan miskin supaya tidak perlu bekerja kuat untuk memperbaiki nasib mereka sebenarnya merosakkan semangat golongan tersebut untuk bekerja ke arah kesejahteraan. Orang yang seperti ini sebenarnya cuba untuk menindas mereka yang miskin dan membiarkan golongan miskin untuk terus miskin selamanya. Islam tidak pernah menetapkan supaya Kerajaan membunuh semangat golongan miskin untuk memperbaiki diri mereka sendiri. Hanya mereka yang jahil tentang Islam atau mereka yang mempunyai niat tertentu sahaja akan terus menghalang usaha membantu golongan yang miskin.

Strategi penyusunan semula di bawah DEB yang dirangka untuk meningkatkan pemilikan dan penguasaan Bumiputera khususnya dalam sektor perdagangan dan perindustrian telah mencapai kejayaan yang besar dari segi kuantitatif. Bahagian hak milik modal saham Bumiputera dalam sektor korporat telah bertambah dengan cepat daripada 2.4 peratus pada tahun 1970 kepada 20.3 peratus pada tahun 1990. Walaupun pencapaian ini masih jauh daripada matlamat sekurang-kurangnya 30 peratus seperti yang ditetapkan di bawah DEB, dari segi kadar peningkatan ianya amat tinggi kerana Bumiputera mempunyai asas permulaan yang lebih kecil berbanding dengan kaum-kaum lain. Bagaimanapun sebahagian besar daripada kejayaan ini adalah disebabkan oleh usaha-usaha institusi-institusi awam bagi kepentingan Bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad, PERNAS dan Tabung Haji, sementara modal saham yang dimiliki oleh Bumiputera sendiri sebagai pelabur individu adalah kecil. Juga, kemajuan

yang dicapai oleh mereka daripada segi matlamat untuk memajukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian, serta menjadi pemilik dan pengendali perniagaan mereka sendiri adalah agak lembab. Walaupun Kerajaan telah memberi banyak sokongan dan subsidi untuk membantu mereka, kadar kegagalan perniagaan di kalangan mereka adalah sangat tinggi. Pengalaman di sepanjang tempoh DEB menunjukkan bahawa walaupun pemilikan modal saham telah meningkat, pencapaian ini sahaja tidak mencukupi untuk mewujudkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang teguh yang berusaha mengekalkan bahagiannya. Usaha-usaha yang lebih gigih perlu diambil untuk meningkatkan keupayaan kemahiran pengurusan dan keusahawan Bumiputera di samping memperbaiki sistem nilai mereka supaya mutu penyertaan mereka dalam ekonomi negara dapat diperbaiki dengan berkesan dan menjadikannya berkekalan.

Walaupun terdapat kelemahan dan kekurangan dalam pencapaian tersebut, tetapi jika dilihat secara keseluruhannya, tidaklah dapat dinafikan bahawa kejayaan yang besar telah dicapai dalam pertumbuhan ekonomi serta pengagihan yang saksama dalam proses pembangunan. Kejayaan ini telah menjadikan Malaysia sebagai satu model yang unik di kalangan negara-negara membangun. Jarang sekali kita temui sebuah negara di kalangan negara-negara membangun berbilang kaum di dunia yang telah berjaya melaksanakan dengan izin, social engineering, tanpa mengganggu dan mengurangkan atau menghalang pertumbuhan ekonomi.

Biasanya, jika kekayaan negara diagihkan semula, pertumbuhan ekonomi akan terjejas. Di sebaliknya, jika pertumbuhan ekonomi sahaja diberi keutamaan, maka ketidakseimbangan dalam masyarakat akan bertambah buruk. Justeru itu, wajarlah kita merasa

bangga bahawa melalui pelaksanaan DEB, kita telah berupaya mengubah struktur gunatena dan pemilikan di negara ini ke arah yang lebih mencerminkan masyarakat berbilang kaum di samping mengurangkan kemiskinan tanpa mengorbankan pertumbuhan ekonomi. Sesungguhnya, pertumbuhan ekonomi negara kita telah mengatasi pertumbuhan ekonomi negara-negara lain yang tidak menghadapi masalah penyusunan semula. Kesemua ini adalah dicapai dalam konteks sistem demokrasi yang aman dan stabil. Walau apapun diperkatakan, jelaslah DEB adalah satu daripada dasar terpenting untuk negara Malaysia yang merdeka yang membolehkan ia terus maju tanpa wujudnya jenis ketidakadilan masyarakat yang terlalu mementingkan kebendaan.

Dasar Pembangunan Baru (DPB)

Kita telah mencapai kemajuan yang cemerlang, tetapi kita perlu berusaha lebih gigih lagi. Matlamat Dasar Ekonomi Baru masih belum dicapai sepenuhnya. Kemiskinan masih wujud, walaupun ianya telah banyak dapat dikurangkan. Di samping itu, masih wujud lagi jurang yang luas di antara kaum, di mana kaum bumiputera masih jauh ketinggalan dalam berbagai bidang penting, terutamanya dalam bidang pengurusan dan pemilikan syarikat-syarikat perniagaan dan perdagangan dan juga dalam bidang profesional. Di kalangan kaum-kaum bukan bumiputera dan dalam masyarakat bumiputera sendiri terdapat pengagihan kekayaan yang masih tidak saksama yang perlu diperbaiki.

Kita tidak seharusnya membiarkan kejayaan yang dicapai selama ini terlepas dari tangan kerana sikap mudah berpuashati. Kita mesti meneruskan pelaksanaan dasar-dasar yang dirangka untuk mengurangkan ketidakseimbangan yang masih wujud di

kalangan kaum untuk memastikan supaya matlamat perpaduan negara dicapai dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, RRJP 2 yang meliputi tempoh 1991-2000 telah digubal berasaskan dasar baru yang diberi nama Dasar Pembangunan Baru (DPB). Dasar ini akan terus mengekalkan strategi asas Dasar Ekonomi Baru iaitu pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat supaya dapat diperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum dan dengan itu akan menyumbang ke arah mengukuhkan perpaduan negara.

Perpaduan negara akan terus menjadi matlamat terakhir Dasar Pembangunan Baru oleh kerana suatu masyarakat yang bersatupadu adalah amat penting untuk memperkukuhkan lagi kestabilan sosial dan politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi yang berterusan. Dasar Pembangunan Baru menetapkan langkah permulaan ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju dalam semua segi iaitu dari segi keadilan sosial, nilai etika dan moral, kecanggihan politik, kualiti hidup dan kecekapan pentadbiran Kerajaan.

Dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, kita telah dapat mengenalpasti cara-cara yang berkesan dan yang kurang berkesan. Terdapat juga banyak kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Oleh itu, di samping mengekalkan strategi-strategi asas Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Baru adalah bertujuan untuk mewujudkan satu corak pembangunan yang lebih seimbang yang merangkumi aspek-aspek kritikal seperti berikut:

- mewujudkan keseimbangan yang optimum di antara matlamat pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan yang saksama;

- memastikan pembangunan yang seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi untuk membolehkan pertumbuhan menjadi lebih sama rata dan saling melengkapi dan membantu di antara satu dengan lain;
- mengurangkan, dan akhirnya, menghapuskan keadaan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi negara untuk menggalakkan perkongsian faedah yang diperolehi dari pertumbuhan secara lebih adil dan saksama untuk semua rakyat Malaysia.
- menggalakkan dan memperkukuhkan integrasi nasional dengan mengurangkan jurang yang luas dalam pembangunan ekonomi antara negeri dan antara kawasan bandar dan luar bandar;
- membangunkan sebuah masyarakat progresif di mana kesejahteraan dinikmati oleh semua rakyat, di samping memiliki sikap dan nilai kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara;
- memajukan sumber manusia dan mewujudkan tenaga kerja yang berdisiplin dan produktif serta meningkatkan kemahiran yang perlu bagi menghadapi cabaran pembangunan dalam masyarakat perindustrian melalui satu budaya kecemerlangan tanpa menjejaskan matlamat penyusunan semula masyarakat;
- menjadikan sains dan teknologi sebagai satu asas penting dalam perancangan dan pembangunan sosio-ekonomi di samping menggalakkan budaya sains dan teknologi selaras dengan proses

membangunkan sebuah ekonomi perindustrian moden; dan

- memastikan bahawa dalam usaha mencapai pembangunan ekonomi, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada pemeliharaan alam sekitar dan ekologi supaya dalam jangka panjang, pembangunan dan sumber negara dapat dikekalkan secara berterusan di samping meningkatkan taraf hidup.

DPB telah mengambilkira kemajuan yang telah dicapai setakat ini di bawah DEB serta kekuatan dan kelemahan yang wujud semasa pelaksanaannya DEB. Ia mengandungi beberapa peralihan pendekatan dengan tujuan mengadakan satu dimensi baru dalam usaha pembangunan kita, terutamanya dalam membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dimensi-dimensi baru DPB adalah:

- memberi penekanan yang lebih kepada strategi pembasmian kemiskinan untuk tujuan menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin di samping mengurangkan kemiskinan relatif;
- menumpukan perhatian kepada pembangunan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai satu strategi penting ke arah meningkatkan dan seterusnya mengekalkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi;
- meningkatkan penekanan kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam proses penyusunan semula masyarakat; dan
- memberikan lebih tumpuan kepada pembangunan sumber manusia termasuk sistem nilai

dan etika bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama.

Dimensi-dimensi baru dalam DPB akan mengambilkira beberapa pertimbangan. Oleh kerana kejayaan yang besar telah diperolehi di bawah DEB dalam mencapai matlamat pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, Kerajaan tidak lagi perlu melibatkan diri secara meluas. Di sebaliknya, pendekatan yang lebih terpilih akan dibuat dengan mengambilkira keperluan untuk mencapai hasil yang berkualiti dan berkekalan. Pengagihan kekayaan secara melulu akan menyebabkan hasilnya hilang dalam sekelip mata dan bukan sahaja menggagalkan pencapaian matlamat pembasmian kemiskinan atau penyusunan semula masyarakat, tetapi mengakibatkan kerugian berterusan kerana mewujudkan sikap masyarakat yang terlalu bergantung kepada Kerajaan kerana tidak boleh menguruskannya sendiri tanpa bantuan yang berterusan.

Dalam proses menghapuskan kemiskinan di kalangan golongan termiskin dan juga mengurangkan ketidakseimbangan, penekanan akan diberikan kepada pendidikan dan latihan sebelum bantuan diberikan. Mereka yang berminat menerima bantuan hendaklah melengkapkan diri mereka sendiri dan sedar bahawa mereka perlu bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam sebuah masyarakat yang mengutamakan daya saingan sebelum mereka boleh diberi bantuan ataupun peluang.

Pertimbangan kedua dalam usaha mencapai matlamat sosio-ekonomi di bawah DPB ialah keperluan mengambilkira kemampuan negara untuk bersaing dengan lebih terdaya dalam pasaran antarabangsa di samping menghadapi cabaran baru. Contohnya, semua negara termasuk negara-negara

yang mempunyai sistem ekonomi kawalan pusat atau, dengan izin, centrally-planned economies, telah mula mengamalkan dasar liberal dan bersaing dengan gigih untuk mendapatkan modal asing.

Di dalam menghadapi cabaran ini, Malaysia hendaklah meningkatkan daya tarikan kepada para pelabur dan pengusaha supaya memperluaskan aktiviti mereka di negara ini. Daripada segi pasaran eksport, sentimen perlindungan dalam dagangan antarabangsa mungkin meningkat. Untuk mengatasi semua cabaran ini, kita hendaklah mengadakan rangka dasar yang liberal yang boleh menggalakkan sektor swasta lebih cepat dan lebih bersedia menghadapi risiko jangka panjang, mempunyai daya cipta serta kecekapan yang lebih tinggi supaya kita dapat mempercepatkan pembangunan perindustrian di negara ini tanpa melakukan kesalahan-kesalahan yang besar. Pergantungan kepada Sistem Keistimewaan Am ataupun GSP (General System of Preferences) hendaklah dikurangkan secepat mungkin supaya kita dapat hindarkan ugutan oleh berbagai pihak untuk menarik balik keistimewaan tersebut.

Ketiganya, kemajuan Malaysia ke arah mencapai taraf negara yang maju menjelang tahun 2020 hendaklah melibatkan penyertaan semua kaum. Ini bererti, semasa melaksanakan strategi serampang dua mata DPB, dasar ini perlulah menggalakkan pengembelian sumber-sumber negara kita dan menggunakan potensi kecerdasan masyarakat berbilang kaum untuk membina ekonomi yang teguh dan meningkatkan ketahanan negara bagi mengatasi ketidakstabilan dan ketidaktentuan ekonomi dunia. Kita yakin bahawa setiap kaum mempunyai sifat dan kekuatannya sendiri dan boleh saling melengkapi dan membantu antara satu dengan yang lain. DPB telah digubal untuk mengadakan peluang-peluang bagi semua rakyat Malaysia untuk

mbolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha membangunkan negara ini.

Pembasmian kemiskinan

Pertumbuhan ekonomi dan perwujudan peluang pekerjaan dan punca-punca pendapatan dalam sektor ekonomi moden dijangka akan mengurangkan kadar kemiskinan daripada 17.1 peratus pada tahun 1990 kepada 7.2 peratus kepada tahun 2000. Pengangguran di negara ini dijangka berkurangan kepada 4 peratus menjelang tahun 2000 sebagai satu yang ditakrifkan sebagai full employment dan berikutan dengan wujudnya pasaran buruh yang ketat, produktiviti perlu dipertingkatkan selaras dengan kenaikan upah. Ini akan membolehkan taraf hidup bertambah baik.

Dalam melaksanakan dasar pembasmian kemiskinan, DPB akan mengambil kira perlunya beberapa perubahan dibuat terhadap peranan sektor awam. Memandangkan pengangguran dan kemiskinan merupakan masalah yang serius di kawasan luar bandar pada permulaan DEB dua puluh tahun yang lalu, sektor awam pada masa itu perlu campurtangan secara terus melalui pembukaan tanah-tanah dan pemberian subsidi besar-besaran kepada petani-petani kecil untuk mewujudkan pekerjaan dan membantu pendapatan mereka. Ini adalah perlu kerana sumber utama pendapatan di Malaysia pada masa itu adalah daripada pertanian. Tetapi pertanian memerlukan tanah yang lebih luas untuk setiap peneroka FELDA umpamanya. Pengalaman telah menunjukkan bahawa kos menyelenggarakan sekim pembangunan tanah seperti ini adalah lebih tinggi daripada kos pengendalian estet yang serupa oleh sektor swasta. Tambahan pula, anak-anak peneroka yang berpendidikan lebih tinggi kurang berminat bekerja di ladang-ladang getah atau kelapa sawit. Mereka lebih suka bekerja dan menyandang jawatan-

jawatan yang lebih lumayan gajinya di bandar-bandar. Kini pula pengangguran dapat diatasi melalui pembukaan kilang-kilang yang menggunakan lebih banyak pekerja bagi setiap ekar tanah. Justeru itu, Kerajaan tidak lagi perlu menampung pengangguran dengan membuka tanah untuk pertanian. Namun pengeluaran hasil pertanian seperti getah dan kelapa sawit masih merupakan bahagian penting dalam ekonomi negara. Untuk pengeluaran bahan-bahan ini adalah lebih baik jika dilakukan oleh estet-estet komersial.

Apa yang lebih penting daripada pemberian subsidi kepada petani-petani adalah latihan kepada belia-belia luar bandar untuk membolehkan mereka mendapatkan kerja-kerja yang lebih berkemahiran yang boleh mendatangkan upah yang lebih tinggi. Namun subsidi dan sokongan masih diperlukan untuk penanam padi dan nelayan, terutamanya untuk meningkatkan kehidupan dan mengurangkan pergantungan kepada cara tradisi sambil meninggikan produktiviti.

Adalah dijangkakan bahawa bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang, ladang-ladang FELDA akan menghadapi masalah buruh yang serius. Peneroka asal tidak berupaya lagi dan anak-anak mereka tidak akan berminat untuk menguruskan kebun-kebuh tersebut. Satu penyelesaian perlu diperolehi untuk mengatasi masalah ini. Oleh itu, untuk estet baru, Kerajaan lebih cenderung untuk memberikan tanah kepada syarikat pengurusan estet yang berpengalaman.

Berbanding dengan pendekatan secara meluas sektor awam, peranannya dalam membasmi kemiskinan juga akan ditumpukan kepada program seperti pendidikan dan latihan, kesihatan, jalan-jalan luar bandar, pengangkutan, perumahan, bekalan air dan elektrik yang memang menjadi tanggungjawab sektor awam. Walaupun kebanyakan kawasan-kawasan dalam negara ini telah

mendapat perkhidmatan asas, masih banyak lagi keperluan asas perlu dibekalkan terutamanya di kampung-kampung terpencil, kampung-kampung di dalam estet dan juga kampung-kampung di Sabah dan Sarawak. Secara khusus, program ini akan ditumpukan kepada memenuhi keperluan tertentu keluarga-keluarga termiskin supaya mereka dapat dibebaskan daripada belunggu kemiskinan. Kita bernasib baik, bilangan isirumah termiskin yang menerima pendapatan kurang dari separuh pendapatan garis kemiskinan dan mereka yang hidup dalam keadaan daif tidaklah begitu besar. Adalah dianggarkan kira-kira 143,000 isirumah atau 4 peratus daripada jumlah isirumah adalah tergolong sebagai keluarga termiskin. Golongan ini akan dijadikan golongan sasaran bagi membolehkan sebahagian besar daripada mereka melangkaui garis kemiskinan menjelang akhir abad ini.

Di samping itu, pertimbangan akan terus diberi kepada kemiskinan relatif yang dijangka menjadi isu yang besar di masa hadapan. Apabila golongan-golongan tertentu di dalam satu masyarakat itu merasia mereka lebih rendah taraf ekonominya berbanding dengan golongan-golongan lain, walaupun pada hakikat yang sebenarnya pendapatan mereka telah menjadi bertambah baik, besar kemungkinan mereka merasa tersisih dan hampa. Dengan itu, Kerajaan akan terus berusaha untuk memperbanyakkan peluang-peluang peningkatan pendapatan bagi golongan-golongan berpendapatan rendah bagi semua kaum dengan cara mempertingkatkan peluang untuk mereka menikmati perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan sama ada di bandar atau di luar bandar. Secara khususnya, usaha-usaha yang lebih gigih akan diambil untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan yang luas di antara wilayah terutamanya ketidakseimbangan di antara negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri lain di negara ini. Oleh kerana

kemiskinan dan ketidaksamaan ekonomi di negeri-negeri kurang maju masih tinggi, kita akan mengatasi masalah ini dengan seberapa segera di bawah DPB. Penghijrahan ke kawasan bandar juga telah menyebabkan kemiskinan dan Kerajaan akan memberi perhatian yang sewajarnya kepada masalah kemiskinan di bandar.

Beralih kepada strategi kedua iaitu penyusunan semula masyarakat, DPB akan meneruskan usaha-usaha untuk menambah bahagian Bumiputera dalam kegiatan ekonomi, baik daripada segi gunatenaga mahupun pemilikan dan penguasaan kegiatan ekonomi. Ini adalah perlu kerana jurang yang wujud dalam pembangunan di antara kaum pada masa ini masih ketara. Bumiputera masih ketinggalan di belakang kaum-kaum lain dalam perniagaan, terutamanya dalam aktiviti perdagangan dan perindustrian yang merupakan sektor penting yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara berikutan daripada penekanan terhadap perindustrian. Dalam meneruskan usaha-usaha meningkatkan penyertaan kaum Bumiputera, Kerajaan menyedari bahawa adalah penting supaya aspek kualiti yang kurang diberi perhatian di masa lalu kini diberi tumpuan yang lebih. Penyertaan yang berkualiti lebih tinggi akan membolehkan bumiputera menyumbang secara berkesan kepada proses pembangunan dan menjadikan mereka lebih mampu berdikari dan kurang bergantung kepada bantuan Kerajaan. Tambahan pula keupayaan mereka untuk terus memegang saham yang mereka perolehi akan memperbaiki lagi kualiti penglibatan bumiputera.

Penekanan utama dalam memperkukuh dan memperluaskan penglibatan bumiputera dalam sektor ekonomi moden, akan ditumpukan kepada usaha untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pengurusan dan keusahawanan, memandangkan kemahiran inilah yang sebenarnya merupakan punca kekayaan sesebuah

negara. Pemilikan kekayaan tanpa keupayaan mengurus akan hanya menyebabkan bumiputera, lambat laun kehilangan kekayaan tersebut. Mereka juga boleh diperalatkan oleh pihak-pihak lain yang ingin mendapat bahagian yang lebih dalam sektor syarikat. Di samping kita ingin melihat lebih banyak kongsi niaga bumiputera—bukan bumiputera, perkongsian ala 'Ali Baba' di mana Ali bukan sahaja merupakan seorang rakan kongsi yang pasif tetapi juga tidak sanggup menanggung risiko modal adalah merupakan satu usaha menggagalkan matlamat DPB.

Rakan kongsi bukan Bumiputera hendaklah mendapatkan rakan kongsi Bumiputera yang tulen yang bersedia menghadapi risiko melalui modal sendiri dan melibatkan diri dalam pengendalian harian perniagaan berkenaan. Malahan lebih daripada itu, kita mengharap rakan kongsi bukan Bumiputera membimbing dan melatih serta mendedahkan rakan kongsi Bumiputera mereka kepada pengalaman realiti perniagaan. Kaum bukan Bumiputera hendaklah menyedari bahawa lebih cepat matlamat DPB dicapai dan kaum Bumiputera menjadi peniaga yang tulen, maka lebih cepat jugalah dasar yang memberikan keistimewaan kepada Bumiputera diberhentikan. Sebaliknya pula, jika perkongsian secara 'Ali Baba' berlaku, maka RRJP 2 perlu diekori oleh dasar-dasar sedemikian rupa selepas tamat tempohnya.

Di pihak Bumiputera pula mereka juga hendaklah serius. DPB bukanlah satu skim cepat kaya bagi Bumiputera. Ia hanya bertujuan untuk memberi lebih banyak peluang kepada bumiputera mendapatkan bahagian kekayaan yang lebih adil yang telah dihasilkan di negara ini dan untuk terus mengekalkan dan menambahkan kekayaan mereka. Dengan membenarkan nama-nama mereka digunakan dan menjadi rakan kongsi yang tidak aktif tidak akan membolehkan mereka menjadi peniaga

yang baik. Mereka hendaklah bersedia menghadapi risiko walaupun modal mereka adalah kecil. Mereka hendaklah terlibat sepenuhnya dalam pengendalian perniagaan. Mereka hendaklah memaksa diri mereka belajar dan belajar dengan cepat. Mereka hendaklah menumpukan kepada satu atau dua jenis perniagaan sahaja dan tidak melibatkan diri secara yang tidak berkesan dalam sedozen syarikat.

Perlu ditekankan di sini bahawa kita tidak mempunyai banyak masa. Bumiputera tidak seharusnya mengharapkan dasar-dasar ekonomi sentiasa memberi keistimewaan kepada mereka. Harus diingat bahawa, oleh kerana mereka sekarang tidak lagi bersatu di bawah gagasan politik yang sama, mungkin akan tiba masanya tidak lama lagi apabila pengaruh mereka dalam Kerajaan akan berkurangan dan Kerajaan tidak akan lagi sanggup menggubal dan mempertahankan dasar-dasar untuk membantu mereka.

Mereka hendaklah sedar bahawa dalam perniagaan, persaingan akan sentiasa wujud. Persaingan sedemikian mungkin berlaku secara yang tidak tertakluk kepada peraturan. Seperti juga dengan politik, perniagaan boleh jadi kotor. Sebarang aduan yang dibuat mengenai sabotaj tidak akan memberi faedah. Mereka hendaklah sedar bahawa apa yang mereka katakan sabotaj perniagaan seringkali berlaku dengan penyertaan mereka juga. Dengan itu, mereka hendaklah belajar untuk menghadapi persaingan. Selagi mereka bergantung kepada Kerajaan untuk melindungi mereka, kemahiran mereka tidak mungkin dapat dipertingkatkan. Bantuan yang boleh diberikan oleh Kerajaan bukanlah tidak terhad. Yang selainnya terpulanglah kepada usaha mereka sendiri.

Sudah sampai masanya bagi bumiputera untuk tidak mengharapkan peluang perniagaan dari Kerajaan semata-mata. Mereka hendaklah

memasuki pasaran terbuka dan bersaing. Urusniaga kontrak dan jualan mereka hendaklah dengan orang ramai. Bukanlah sesuatu yang mustahil untuk mengurangkan pergantungan mereka kepada kontrak-kontrak Kerajaan. Tetapi, mereka hendaklah cekap. Mereka seharusnya tidak mengharapkan keistimewaan menerusi kelebihan 5 peratus dalam sebut harga di luar Kerajaan. Kaum bukan Bumiputera pula hendaklah bersedia memberi kontrak kepada Bumiputera walaupun dalam projek-projek bukan Kerajaan.

Anggapan bahawa untuk berjaya dalam arena perniagaan seseorang itu perlu menipu adalah tidak berasas. Adalah juga satu anggapan yang salah bahawa semua peniaga bukan Bumiputera menipu. Kejujuran akan menghasilkan kejayaan walaupun ia akan memakan masa. Menipu akan mendatangkan sedikit keuntungan untuk kali pertama. Tetapi tidak akan wujud peluang kali kedua atau ketiga. Bumiputera hendaklah mempunyai pandangan yang lebih jauh ke hadapan. Keuntungan yang kecil yang diperolehi secara berterusan adalah lebih baik daripada mendapat keuntungan besar sekali sahaja.

Kerajaan sedar tentang ugutan-ugutan yang sentiasa dibuat oleh peniaga-peniaga bumiputera untuk tidak menyokong Kerajaan sekiranya Kerajaan tidak cuba menyelesaikan masalah mereka apabila mereka melakukan kesilapan. Tetapi kita tidak sekali-kali akan mengelak daripada melakukan sesuatu jika kita yakin bahawa ia memenuhi kepentingan jangka panjang peniaga bumiputera dan kaum bumiputera amnya.

Namun demikian, Kerajaan akan meneruskan usaha-usahanya untuk meningkatkan pemilikan dan penglibatan bumiputera dalam sektor korporat selaras dengan matlamat asal untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus hakmilik saham sektor tersebut.

Dasar ini, walau bagaimanapun, akan dilaksanakan secara fleksibel dan liberal supaya tidak mendatangkan kesan yang buruk kepada pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, tiada matlamat kuantitatif dan jangkamasa yang tertentu ditetapkan bagi mencapai matlamat ini. Walau bagaimanapun, pada penghujung tahun 2000, satu kajian semula akan dibuat terhadap dasar menyokong penyertaan bumiputera dalam ekonomi.

Pembangunan sebuah masyarakat perindustrian dan perdagangan Bumiputera yang berkesan dan berdaya maju akan diberi lebih keutamaan di bawah strategi penyusunan semula daripada pemilikan modal saham. Agensi-agensi seperti Permodalan Nasional Berhad dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang diwujudkan untuk mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor swasta hendaklah melaksanakan strategi-strategi yang baru dan lebih berkesan untuk memperbesar lagi golongan pengurus dan pengusaha Bumiputera supaya golongan ini akan dapat melibatkan diri secara yang lebih berkesan dalam syarikat-syarikat yang mana Bumiputera mempunyai kepentingan yang besar. Agensi-agensi seperti PNB, hendaklah melibatkan diri dalam bidang-bidang baru melalui perwujudan syarikat-syarikat kongsi modal, dengan izin, venture-capital, dan rancangan pembangunan keusahawanan. Adalah tidak memadai bagi agensi-agensi tersebut memainkan peranan yang pasif dan berpuashati semata-mata dengan menggembeling modal Bumiputera untuk membeli saham-saham bagi pihak mereka dengan harga istimewa.

Sistem kuota dan lesen yang sedia ada yang diberikan sebagai bantuan khusus kepada Bumiputera untuk menceburkan diri dalam perniagaan akan juga diteruskan. Walau bagaimanapun, sistem ini akan dilaksanakan secara terpilih untuk menentukan hanya mereka yang berpotensi, berkesungguhan dan

mempunyai rekod yang baik sahaja akan diberi bantuan supaya di suatu masa kelak mereka boleh berdaya maju. Ini mungkin melambatkan pencapaian matlamat kuantitatif tetapi sebagaimana yang kita telah jelaskan, kita lebih berminat kepada kualiti. Pendekatan sebelumnya yang menitikberatkan kuantiti telah mengakibatkan Bumiputera memiliki 100 peratus syarikat yang mengalami kerugian sepanjang masa. Kerajaan berpendapat adalah lebih baik jika mereka mempunyai 10 peratus hakmilik dalam syarikat-syarikat yang meraih keuntungan.

Akhirnya, Bumiputera hendaklah belajar melibatkan diri dalam suasana persaingan dan kecekapan supaya membolehkan mereka menceburkan diri dalam arus perniagaan serta boleh diiktiraf sebagai ahli perniagaan dan usahawan tulen. Kita amat berbangga bahawa segolongan kecil bumiputera telah pun mencapai taraf ini di bawah Dasar Ekonomi Baru, tetapi kita memerlukan lebih ramai golongan sedemikian bagi membolehkan kejayaan yang berterusan supaya tercapai matlamat kuantitatif dasar tersebut.

Perniagaan Runcit

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada ciri terpenting yang dapat dilihat dalam suasana perniagaan di Malaysia ialah kurangnya penyertaan Bumiputera dalam perniagaan runcit. Ini adalah oleh kerana beberapa faktor, antaranya ialah kesukaran mendapatkan ruang niaga yang sesuai dan yang sewanya mampu dibayar serta hakikat bahawa di kawasan-kawasan bandar, bukan Bumiputera merupakan pelanggan terbesar.

Walaupun Kerajaan mengharapkan semua rakyat Malaysia membeli-belah di semua kedai runcit kepunyaan rakyat Malaysia tanpa diskriminasi, Bumiputera masih perlu dilatih dalam cara-cara mengendalikan perniagaan

runcit. Penekanan bahawa sesebuah syarikat adalah 100 peratus dimiliki oleh Bumiputera hendaklah diberhentikan. Ini adalah tidak wajar memandangkan pelanggan di kawasan-kawasan bandar adalah kebanyakannya terdiri dari kaum bukan Bumiputera. Sebaliknya peruncit Bumiputera di kawasan-kawasan bandar hendaklah menyesuaikan cara-cara penjualan dan tidak terlalu menekankan kebumiputeraan mereka, serta menumpu kepada pasaran yang lebih besar.

Satu lagi halangan kepada penglibatan Bumiputera dalam perniagaan runcit di kawasan bandar ialah keengganan mereka yang mempunyai modal dan kemahiran untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan runcit. Pada kebiasaannya, mereka yang bersedia untuk memasuki bidang sedemikian kurang mempunyai modal dan kemahiran, lebih-lebih lagi dalam suasana perniagaan runcit di bandar yang lebih canggih. Ada anggapan di kalangan Bumiputera bahawa perniagaan runcit tidak akan mendatangkan keuntungan yang besar dan tidak membolehkan mereka cepat kaya, satu perkara yang amat diutamakan oleh kebanyakan peniaga Bumiputera.

Kerajaan akan mengkaji masalah-masalah dan halangan-halangan ini dan akan cuba mendapatkan satu penyelesaian. Tetapi tidak ada penyelesaian yang berkesan tanpa Bumiputera sendiri menyedari bahawa tidak ada cara lain untuk mewujudkan bandar-bandar yang bercirikan Malaysia melainkan mereka bersedia untuk menceburi bidang perniagaan runcit di bandar.

Saya ingin menekankan di sini bahawa walaupun strategi menyusun semula masyarakat memberi penekanan kepada peningkatan bahagian Bumiputera dalam ekonomi tetapi adalah juga perlu diperbetulkan ketidakseimbangan berhubung dengan kurangnya bilangan bukan Bumiputera di dalam sektor-sektor tertentu seperti

pertanian, skim pembangunan tanah dan di dalam sektor awam. Dengan itu, dicadangkan bahawa lebih banyak peluang diberikan kepada bukan Bumiputera terutamanya golongan minoriti seperti India dan suku kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan penglibatan mereka dalam sektor-sektor berkenaan dengan tujuan mewujudkan gunatenaga yang lebih bersifat berbilang kaum di dalam sektor berkenaan. Begitu juga dengan pelaksanaan program penswastan, peluang akan juga diberikan kepada bukan Bumiputera untuk menyertai projek-projek yang diswastakan dan untuk memiliki saham dalam projek-projek tersebut. Dengan demikian, di mana yang mungkin, strategi penyusunan semula masyarakat akan mengambilkira keperluan kaum-kaum lain untuk mendapatkan peluang yang diwujudkan oleh Kerajaan dalam pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, adalah perlu dan penting bagi sektor swasta pula mengimbangi usaha-usaha Kerajaan dengan pengambilan lebih ramai Bumiputera di peringkat tinggi swasta supaya dapat mewujudkan struktur gunatenaga yang seimbang di antara sektor awam dengan sektor swasta.

Pertumbuhan Ekonomi dan Perubahan Sektor

Sebagaimana Dasar Ekonomi Baru, matlamat Dasar Pembangunan Baru akan dilaksanakan dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang pesat. Dalam dekad 1990an di bawah RRJP 2, tujuan kita adalah untuk menggunakan kekuatan yang ada pada kita dan mengatasi kelemahan-kelemahan kita supaya kita dapat mencapai kadar pertumbuhan yang pesat dan berterusan sebanyak 7 peratus setahun dalam nilai sebenar. Pertumbuhan ekonomi dengan kadar yang sedemikian akan menjadikan nilai sebenar pengeluaran barangan dan perkhidmatan meningkatkan sekaligus kepada kira-kira \$155,000 juta menjelang tahun 2000. Rakyat Malaysia

akan dapat menikmati taraf hidup yang lebih tinggi dengan pendapatan per kapita meningkat kepada kira-kira \$17,000 menjelang tahun 2000.

Peningkatan pengeluaran barangan dan perkhidmatan akan disusuli dengan perubahan struktur yang besar dalam ekonomi negara. Sementara sumbangan sektor pertanian kepada KDNK akan terus berkurang, sumbangan pembuatan dan sektor perkhidmatan bukan Kerajaan akan terus meningkat. Sektor pertanian dijangkakan tidak akan berkembang pada kadar yang pernah dialami di masa-masa yang lalu disebabkan batasan tanah dan kekurangan tenaga buruh di Semenanjung Malaysia dan batasan-batasan tenaga buruh dan kemudahan infrastruktur di Sabah dan Sarawak. Sektor pertanian perlu lebih bersifat komersial dan meningkatkan penglibatan sektor swasta, memperbaiki nilai ditambah dan membangunkan tanaman-tanaman baru. Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar 10.5 peratus setahun menjadikan sumbangan sektor tersebut kepada KDNK negara meningkat daripada 27 peratus pada tahun 1990 kepada kira-kira 37 peratus menjelang tahun 2000. Struktur eksport juga akan mengalami perubahan menjadikan eksport barangan pembuatan kira-kira 80 peratus daripada jumlah eksport, sementara eksport barangan pertanian berkurangan kepada 6 peratus. Kesemua perubahan struktur ini menunjukkan bahawa ekonomi negara semakin bersifat perindustrian menjelang penghujung abad ini.

Satu sektor penting yang boleh menyumbang dengan banyaknya kepada pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan defisit dalam dagangan tidak ketara ialah sektor perkhidmatan ataupun services. Pengurusan yang cekap ke atas pelabuhan, lapangan terbang, pengangkutan darat, laut dan udara, di dalam dan luar negeri, perlulah diberi pertimbangan yang serius. Industri insurans hendaklah di-

pertingkatkan supaya mampu menyokong perdagangan antarabangsa.

Industri pelancongan mempunyai potensi terbesar untuk pertumbuhan. Sebenarnya industri pelancongan ialah industri perkhidmatan yang sangat penting. Kemudahan-kemudahan fizikal hendaklah diiringi dengan khidmat yang bermutu tinggi. Bayaran yang dikenakan hendaklah berpatutan dan dikaitkan dengan kos dan tidak semata-mata untuk mengeksploitasikan peluang-peluang yang ada.

Rakyat Malaysia sebagai satu bangsa hendaklah menyedari bahawa pelancong-pelancong boleh menyumbang kepada kesejahteraan hidup mereka. Sekiranya kita berwaspada, kita boleh menghindarkan kemungkinan pencemaran budaya yang dibawa oleh industri pelancongan. Adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk menolong supaya pelancong merasai kedatangan mereka sentiasa dialu-alukan. Sudah tentu mereka yang terlibat secara langsung dengan industri ini hendaklah berusaha sepenuhnya bagi memastikan para pelancong akan melawat Malaysia berulang kali.

Adalah penting bagi saya untuk menekankan sekali lagi di sini bahawa walaupun perubahan struktur ekonomi ini adalah penting untuk menjadikan Malaysia negara yang maju, hasrat ini tidak akan tercapai kecuali kita mengamalkan dasar-dasar yang sesuai ke arah mencapai pertumbuhan dan menyokong peranan sektor swasta. Dengan itu, di bawah DPB, pengurusan dasar ekonomi akan diteruskan untuk menggalakkan pelabur-pelabur memperluaskan kegiatan mereka dan supaya para usahawan terus sanggup menanggung risiko dan mempunyai inovasi yang lebih.

Adalah satu kesilapan jika kita berfikir bahawa pengurangan cukai sahaja yang merupakan galakan. Galakan yang paling penting adalah

mewujudkan satu iklim yang liberal dan sihat tanpa gangguan birokrasi dan red tape bagi pelabur-pelabur tempatan dan asing memperluaskan aktiviti mereka dalam negara ini. Pengurusan dasar ekonomi akan memastikan bahawa di samping mengekalkan kestabilan urusan fiskal dan kewangan, dasar-dasar pelaburan akan terus dilaksanakan secara yang liberal untuk membolehkan pelabur-pelabur mengekalkan hakmilik majoriti dan penguasaan dalam projek-projek mereka, khususnya projek yang berorientasikan eksport. Perkhidmatan yang diberikan kepada pelabur hendaklah tanpa cacat celanya. Pelabur tempatan akan juga diberi layanan yang sama dalam pelaksanaan garispanduan berhubung dengan hakmilik modal saham bagi projek-projek yang berorientasikan eksport. Walau bagaimanapun, adalah ditekankan di sini bahawa di dalam sesuatu perniagaan, kesanggupan untuk memperluaskan peluang-peluang penyertaan pihak lain sebenarnya akan mengurangkan risiko. Adalah satu amalan perniagaan yang baik jika kita memberi pertimbangan kepada harapan orang lain.

Pembangunan Ekonomi Antarabangsa

Tuan Yang di-Pertua, prospek untuk mencapai matlamat pertumbuhan sebagaimana yang digariskan oleh RRJP 2 adalah cerah berdasarkan prestasi pelaburan dan eksport yang dialami baru-baru ini serta pengurusan yang baik terhadap sumber-sumber negara.

Walaupun bagaimanapun, keadaan dunia luar akan terus menjadi faktor penting yang mempengaruhi kadar pertumbuhan ekonomi negara memandangkan perdagangan antarabangsa dan pelaburan asing adalah penting kepada ekonomi kita. Masih terdapat beberapa isu ekonomi antarabangsa yang penting yang masih belum dapat diselesaikan dan yang akan terus mewujudkan suasana ketidaktentuan dalam prospek pertumbuhan untuk negara-negara membangun.

Pembentukan sebuah pasaran bersekutu di Eropah Barat dan peralihan kepada sistem berdemokrasi serta perubahan struktur ekonomi berasaskan prinsip pasaran bebas di negara-negara Eropah Timur di samping tamatnya Peperangan Teluk telah membuka peluang-peluang baru untuk negara-negara membangun memperluaskan dagangan mereka. Malaysia mesti mengambil kesempatan daripada potensi yang wujud daripada perkembangan ini untuk memperluaskan dan mempelbagaikan lagi perdagangan negara.

Walaupun bagaimanapun, perubahan-perubahan ini juga mengandungi unsur-unsur yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara membangun seperti Malaysia. Di samping sentimen perlindungan yang sedang meningkat, terdapat juga masalah-masalah dalam penyelarasan dasar di kalangan negara-negara maju dalam perkara-perkara berhubung dengan kewangan dan kemajuan mencapai persetujuan Perundingan GATT yang lembab dalam perbincangan Uruguay. Seterusnya kemunculan blok-blok dagangan baru seperti Perjanjian Dagangan USA-CANADA dan USA-MEXICO serta penyatuan pasaran EEC boleh menggugat dagangan bebas ketika negara-negara membangun seperti Malaysia sedang berusaha mendapatkan peluang yang lebih dalam pasaran di Amerika dan Eropah.

Sebagaimana yang saya pernah beberapa kali nyatakan pengalaman kita menunjukkan bahawa tidak wujud apa yang dikatakan 'dagangan bebas'. Dagangan hanya bebas apabila kita menjadi pasaran kepada negara-negara maju. Tetapi jika kita memerlukan ruang pasaran di negara-negara maju untuk menjual barangan buatan kita, berbagai halangan dikenakan. Malahan, mereka yang mengajar kita untuk mematuhi peraturan-peraturan persaingan itu sendiri tidak mematuhi ajaran mereka

sendiri kerana semata-mata untuk kepentingan politik dan ekonomi mereka.

Di samping kita terus berusaha mengambil bahagian secara aktif untuk mewujudkan satu sistem ekonomi antarabangsa yang baru, kita tidak seharusnya mengeluh disebabkan kurangnya kerjasama dari negara-negara maju dan seterusnya mendiamkan diri. Kita hendaklah berusaha untuk menembusi pasaran negara-negara maju dan mempelbagaikan pasaran barangan eksport kita. Perhatian dan penglibatan kita dalam dagangan Selatan-Selatan, inisiatif kita dalam pergerakan G-15, penglibatan aktif kita dalam organisasi serantau seperti ASEAN dan APEC dan juga peranan kepimpinan kita untuk memelopori konsep Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) serta pembentukan hubungan dagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara membangun di Asia Tenggara dan Asia Timur merupakan usaha kita mempelbagaikan dan mewujudkan hubungan perdagangan yang lebih adil dan yang memberi manfaat kepada semua negara. Kita yakin segala tindakan ini akan membantu meningkatkan lagi perdagangan dunia di samping mengatasi kesan-kesan negatif yang timbul daripada amalan perlindungan dagangan oleh beberapa negara maju.

Sektor pembuatan akan terus menjadi penggerak utama kepada pembangunan ekonomi negara dalam dekad yang akan datang. Dengan terdapatnya masalah kekurangan buruh dan keadaan pasaran buruh yang ketat, penekanan akan diberikan kepada usaha untuk menggalakkan industri berteknologi tinggi dan industri yang kurang menggunakan buruh. Langkah-langkah perlu diambil untuk mempelbagaikan dan memperluaskan lagi asas perindustrian kita melalui pertumbuhan industri-industri baru terutamanya industri-industri fabrikasi logam, petroleum, peralatan pengangkutan serta

industri galian bukan logam, industri berasaskan getah dan kayu-kayan yang kurang menggunakan buruh. Industri kecil dan sederhana akan juga digalakkan dan dipertingkatkan supaya industri-industri tersebut bukan sahaja dapat menyokong industri-industri besar tetapi mereka sendiri menjadi syarikat industri yang besar. Perkembangan yang sedemikian hendaklah dirancang dengan teliti. Di samping itu, keupayaan untuk membiayai dan menguruskannya hendaklah diberi pertimbangan yang serius. Kecenderungan untuk meluaskan aktiviti-aktiviti perniagaan ke berbagai bidang hanya kerana wujud berbagai peluang-peluang tertentu hendaklah dihindarkan. Adalah juga penting syarikat mengamalkan pengkhususan dan tidak semua memasuki beberapa cabang perniagaan yang popular semata-mata kerana orang lain berbuat demikian.

Di dalam sektor pertanian oleh kerana terdapat masalah kekurangan tanah di Semenanjung Malaysia dan kekurangan tenaga buruh, penekanan yang lebih akan diberikan kepada usaha untuk meningkatkan produktiviti dan tidak kepada pembukaan tanah-tanah baru. Selain daripada itu, sektor ini akan lebih berorientasikan komersial dalam memilih jenis tanaman serta cara pengurusan dan juga membuat pembaharuan dalam operasi kebun-kebun kecil yang tidak cekap ke arah satu cara pengurusan yang tersusun yang mirip kepada pengurusan secara estet. Keutamaan akan diberi kepada usaha untuk memulihara dan memelihara sumber-sumber perhutanan melalui rancangan penanaman semula hutan dan pengurusan pembalakan yang tersusun.

Dengan tujuan untuk mempercepatkan pertumbuhan, keutamaan yang tinggi di bawah RRJP 2 akan diberikan kepada pembangunan sains dan teknologi serta sumber manusia. Pembangunan sektor industri dan pertanian selanjutnya akan memerlukan penyerapan teknologi sedia ada dan

teknologi baru dan juga menggunakan teknologi-teknologi tersebut secara yang lebih cekap. Usaha ini akan memperkukuhkan lagi keupayaan teknologi dalam negara dan memajukan lagi daya saing perindustrian. Kerajaan akan memulakan langkah untuk mempertingkatkan pelaburan sektor swasta dan sektor awam dalam penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D dan akan menumpukan perhatian kepada menambah sekali ganda perbelanjaan dalam R&D sebagai peratusan kepada KDNK daripada 0.8 peratus sekarang ini. Perbelanjaan untuk R&D hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada kos biasa dan bukannya pengurangan jumlah keuntungan yang dinikmati.

Satu daripada teras penting RRJP 2 ialah keutamaan yang tinggi yang diberikan kepada pembangunan sumber manusia. Pembangunan sumber manusia adalah kritikal kepada kejayaan sesebuah negara kerana kualiti sumber manusia adalah paling penting dalam memastikan sejauh mana ekonomi sesebuah negara itu mampu bersaing, meningkatkan produktiviti, memajukan dayacipta dan juga kecekapannya. Kita hendaklah mewujudkan tenaga buruh yang produktif dan cekap di samping mempunyai etika dan nilai moral yang kukuh serta memiliki keazaman untuk mencapai kecemerlangan. Dalam konteks Malaysia, pembangunan sumber manusia bukan sahaja kritikal untuk pertumbuhan tetapi juga untuk mencapai matlamat pengagihan yang saksama.

Kemajuan yang telah dicapai sepanjang dua dekad yang lalu telah menunjukkan bahawa pendidikan dan latihan adalah merupakan alat-alat yang amat penting untuk meningkatkan pendapatan golongan miskin dengan membantu meningkatkan mobiliti dan peluang pekerjaan mereka di sektor moden dan dalam mengurangkan ketidakseimbangan sosio ekonomi di kalangan kaum.

Dengan perubahan struktur ekonomi daripada sebuah ekonomi yang berasaskan pertanian kepada sebuah ekonomi perindustrian, permintaan-permintaan baru bukan sahaja akan timbul untuk mendapatkan tenaga kerja mahir, teknikal dan pengurusan tetapi juga tenaga kerja yang mempunyai sistem nilai dan budaya suatu masyarakat perindustrian. Kemahiran dalam bidang perindustrian hendaklah dimajukan dengan pesat untuk menyokong perkembangan berterusan industri-industri pembuatan. Sementara pihak Kerajaan memperluas dan mengorientasikan semula sistem pendidikan dan latihan, sektor swasta perlu memikul tanggungjawab yang lebih besar dalam melatih sumber manusia negara ini. Ini adalah untuk membolehkan keluaran daripada institusi-institusi latihan menjadi sesuai dengan kehendak sebenar sektor swasta. Di samping itu, kandungan program-program latihan perlulah lebih sensitif kepada perubahan-perubahan teknologi dan kemahiran yang sedang berlaku dalam ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membentangkan secara ringkas matlamat dan dasar RRJP 2 juga ciri-ciri penting Dasar Pembangunan Baru untuk pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

DEB mengambilkira keperluan semua rakyat Malaysia. Mana-mana kumpulan kaum tidak seharusnya merasa curiga atau sangsi yang mereka akan kerugian. Malaysia adalah kaya dengan sumber dan ianya mencukupi untuk memastikan bahawa semua rakyat mendapat manfaat daripada proses pembangunan. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa sekiranya bumiputera mendapat manfaat lebih daripada kaum lain, ini adalah kerana mereka bermula di tahap asas yang lebih rendah dan mereka memerlukan lebih banyak bantuan untuk membawa mereka ke tahap pembangunan setanding dengan kaum-kaum lain. Hanya dengan cara ini

sahajalah dapat kita menjamin wujudnya suasana kestabilan sosial dan politik serta perpaduan negara, yang merupakan satu daripada prasyarat untuk maju.

Kita hendaklah meneruskan usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan yang begitu ketara di kalangan berbagai kaum selagi keadaan sedemikian masih wujud. Dengan itu, izinkan sekali lagi saya menyatakan, adalah lebih baik semua rakyat Malaysia bekerjasama untuk menghapuskan ketidakseimbangan ini secepat yang mungkin. Tugas untuk mengurangkan ketidakseimbangan ini tidak seharusnya diletakkan di bahu Kerajaan semata-mata. Ia juga merupakan tanggungjawab sektor swasta untuk memainkan peranan yang lebih jujur dan berkesan dalam menyediakan peluang-peluang yang produktif bagi membolehkan bumiputera memajukan diri mereka. Sekiranya kita dapat menghapuskan ketidakseimbangan antara kaum dengan cepat, ini akan mengurangkan keperluan memberikan keistimewaan kepada bumiputera.

DPB telah digubal hasil daripada analisis yang menyeluruh tentang pembangunan sosial dan ekonomi di negara ini dan selepas mengambilkira pandangan-pandangan oleh berbagai kumpulan di Malaysia termasuk sektor swasta dan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN). Kepada mereka yang telah menyumbang berbagai bentuk sumbangan kepada penggubalan dasar baru ini, saya ingin merakamkan penghargaan Kerajaan terhadap bantuan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menulis kepada saya untuk berjumpa membincang tentang masa yang perlu diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengkaji laporan yang dibuat dan syor-syor yang dibuat sebelum mereka membahas usul ini. Saya amat dukacita kerana Ahli Yang Berhormat benar-benar tahu bahawa

bukan sahaja dianya diberi peluang untuk mengkaji tetapi sebenarnya dianya diberi peluang untuk menggubal dasar ini dengan menjadi anggota MPEN, tetapi dianya memilih untuk berada dalam MPEN hanya buat separuh masa. Jika dianya terus (*Tepuk*) berada dalam MPEN maka dasar yang saya kemukakan pada hari ini adalah dasar yang kita gubal bersama-sama dengan persetujuan daripada dirinya.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata kenapa sampai sekarang Kerajaan dan Yang Amat Berhormat tak rela untuk mengumumkan laporan MPEN, kalau begitu? (*Tepuk*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, laporan itu telah disediakan dan ahli yang menjadi anggota MPEN memang pun dapat satu salinan. Jika Ahli Yang Berhormat berada dalam MPEN, dia juga akan menerima pada hari yang sama yang saya menerimanya. Malangnya Ahli Yang Berhormat pilih untuk keluar daripada MPEN untuk melepaskan dirinya daripada tanggungjawab membentuk dasar 10 tahun yang akan datang. Tujuannya tentulah supaya dianya boleh mengecam Kerajaan dengan dasar yang dibentuk oleh Kerajaan dan saya percaya bahawa dianya tidak akan menyokong usul ini walaupun dia diberi masa setahun untuk mengkaji laporan ini.

Kita tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua, dengan kerana itu kita tak dapat memberi masa yang lama kerana kerja MPEN itu telah diganggu. Kalau dianya dijalankan dengan baik pada penghujung tahun 1989, maka laporannya akan selesai dan kita mempunyai masa setahun sebelum kita dapat membawa kepada Dewan ini. Tetapi oleh kerana dianya menarik diri dan menimbul macam-macam gangguan, maka laporan MPEN itu sampai kepada Kerajaan agak lewat dan Kerajaan terpaksa mengkaji

laporan MPEN sebelum membentuk dasar ini dan kajian itu mengambil masa dan kita perlu meluluskan dasar ini dalam jangkamasa yang pendek kerana kita sudah terlepas daripada tamatnya Dasar Ekonomi Baru pada penghujung tahun 1990. Sebab itu kita tidak.....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, itu satu contoh 'perverse illogic'. (*Ketawa*)

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tak ada alasan lain selain daripada kata itu sahaja. (*Ketawa*) Seperti juga dengan burung tiung yang pandai berkata-kata, dianya ulang satu perkataan bukan kerana dia faham tetapi kerana itu sahaja yang dia tahu kan? (*Ketawa*)

Oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak dapat masa yang banyak walaupun kita telah edar usul ini agak awal juga, saya syorkan kepada Ahli Yang Berhormat supaya tidak mengambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk menjadi orang yang pertama yang bangun untuk menjawab apa yang saya ucapkan di sini ataupun memberi pandangannya terhadap usul ini. Dia mempunyai 5 hari untuk kita bahas. Jadi, pada hari yang penghabisan, bolehlah Ahli Yang Berhormat itu bangun bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk tiga minit. Cukupkah tiga minit?

Perdana Menteri: Boleh, dalam dua tiga minit. Tak ada apa yang dia hendak kata, Tuan Yang di-Pertua, kerana yang dia hendak kata cuma dia tak bersetuju sahaja. In one million words tak bersetuju, tetapi kalau tak kata yang satu million words pun, kata tak bersetuju pun kita tahu sudah, itu awal-awal lagi sudah ada dalam fikiran Ahli Yang Berhormat. (*Tepuk*) Sebab itu, tiap-tiap kali kita berbahas dengan apa juga usul, Ahli Yang Berhormat itu tidak sama sekali mendengar penjelasan yang

dibuat oleh pembentang usul. Sebaliknya dia sudah buat keputusan dengan ucapan yang tertulis untuk berkata demikian. Jadi, ucapan-ucapan orang lain tidak diambil kira. Nampak Ahli Yang Berhormat tidak pernah mengkaji apa-apa melainkan memberi pandangannya sahaja dan pandangannya kita tahu awal-awal lagi agak membosankan (*Ketawa*) dan menghabiskan masa Dewan kerana kita tahu apa dia akan kata. Saya berasa amat dukacita dengan sikap yang semacam ini, tetapi saya masih ulangi eloklah kalau Ahli Yang Berhormat mengambil masa lima hari lagi untuk mengkaji usul ini, bukan panjang sangat. Orang yang begitu cerdik dan pandai seperti Ahli Yang Berhormat ini, dalam satu jam pun dia sudah cukup untuk baca semua. Tak payah lima hari, tetapi kita beri lima hari dan dia jangan bangun bercakap selepas penyokong Kerajaan bercakap, tolonglah dia tunggu dahulu, dengar orang lain bercakap. Selepas itu, kaji dan bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Yang Amat Berhormat kata bahawa satu jam cukup untuk baca dan kaji. Kenapakah Yang Amat Berhormat memerlukan masa lebih dari satu jam untuk memberi satu ucapan yang pendek mengenai dasar-dasar ini dan surat saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan atas nama saya sendiri tetapi bagi pihak semua Ahli Parlimen dari semua parti atas satu prinsip bahawa Ahli-ahli Parlimen diberi masa yang cukup untuk mengkaji dan faham. Mungkin Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional tak payah baca, boleh bercakap, oleh kerana peranan mereka ialah sokong sahaja. Cakap "betul", tak ada peranan yang lain, hal yang lain. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bertenang.

Seorang Ahli: Saya tidak beri kuasa untuk dia bercakap bagi pihak saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi, dia merupakan seperti burung tiong. Apa yang saya kata dia ulang. Tadi saya kata dia bercakap panjang-panjang tetapi maksudnya pendek, dia pula kata saya bercakap panjang-panjang tetapi maksudnya pendek. Sifat burung tiong macam itulah, berbunyi sahaja, tetapi apa pun dia tidak faham. Jadi, saya hendak jawab pun tidak ada makna kerana apa yang dia hendak cakap kita sudah tahu. Tetapi kita kena terangkan perkara ini dengan panjang lebar kerana rakyat ingin tahu, rakyat pandang serius terhadap usul ini, mereka ingin kaji, mereka ingin dengar apa dia kerana mereka tidak berfikiran tertutup, sudah membuat keputusan sebelum mendengar penjelasan. Jadi, ucapan ini sebenarnya untuk rakyat, bukan untuk Ahli Yang Berhormat yang hati, mata telinga semuanya tertutup. Matapun tertutup tetapi mulutnya sahaja terbuka. *(Ketawa)* Hatinya tidak terbuka, hati terbuka sedikit sahaja, nasib tidak baik. Kalau tukar mungkin tidak tahan lama. *(Ketawa)*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup—tugas kita sekarang ialah untuk memastikan kejayaan Dasar Pembangunan Baru. Tempoh sepuluh tahun yang akan datang adalah penuh dengan berbagai cabaran bukan sahaja dalam ekonomi negara tetapi juga dalam suasana ekonomi antarabangsa. Kita hendaklah bersifat dinamik, berdaya-cipta dan pragmatik dalam pendekatan kita. Apa yang lebih penting ialah sektor swasta hendaklah memainkan peranan utama dan pro-aktif.

Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini dan membolehkan kita berjaya di dalam dunia yang penuh persaingan, kita mestilah bersedia mengubah dan menyesuaikan diri. Pra-syarat penting untuk maju ialah perubahan dalam

sistem nilai dan sikap kita. Kita hendaklah bersedia bekerja keras, berdisiplin dan kurang bergantung kepada subsidi dan bantuan. Sejarah tamadun manusia telah memberikan kita banyak bukti tentang nasib malang yang menimpa masyarakat yang gagal berubah atau yang terlambat membuat perubahan. Masyarakat yang gagal bertindak mengikut arus perubahan yang berlaku akan ketinggalan, tidak akan maju dan lama-kelamaan akan lenyap.

Kerajaan akan memastikan jenteranya di semua peringkat diurus dengan cekap dan bekerjasama rapat dengan sektor swasta selaras dengan semangat Persyarikatan Malaysia. Selanjutnya, Kerajaan akan terus mengadakan dialog dengan sektor swasta untuk mengekalkan kerjasama yang lebih erat dan meningkatkan penglibatan sektor swasta di dalam pelaksanaan DPB. Dalam usaha mencapai matlamat yang ditetapkan oleh RRJP 2 dan DPB, rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat hendaklah berusaha lebih gigih untuk mencapai kejayaan. Jika kita sama-sama berusaha, insya-Allah, dengan rahmatnya kita akan terus maju dan mencapai matlamat untuk membina sebuah negara yang progresif, maju dan bersatu-padu. Marilah kita sama-sama berusaha dengan lebih gigih dan penuh dedikasi untuk tujuan dan matlamat RRJP 2 dan Dasar Pembangunan Baru supaya kita sama-sama dapat menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020.

Terima kasih. *(Tepuk)*

5.15 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong Rangka Rancangan Jangka Panjang 2 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia tadi.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah lama dihormati oleh negara-negara lain sebagai sebuah negara yang makmur, bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga dari segi politik dan sosial, bahkan Malaysia sentiasa dijadikan contoh atau raw-model, dengan izin, kepada negara-negara yang sedang membangun dalam usaha mereka membangunkan negara masing-masing. Mereka kagum dengan pembangunan yang dicapai oleh Malaysia dan bagaimana rakyat dari berbagai kaum, berbagai agama, serta rakyat yang berbilang kebudayaan boleh hidup dalam keadaan yang aman dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh tahun 1971 hingga 1990, negara kita telah menjalankan satu program untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan memperbetulkan ketidakseimbangan supaya pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi boleh dikurangkan. Berikutan dengan perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini kadar kemiskinan telah menurun dari 49% dalam tahun 1971 kepada hanya 17% dalam tahun 1990, di mana sektor korporat dahulunya dikuasai oleh rakyat asing dan hari ini penguasaan oleh rakyat asing telah dapat dikurangkan. Rakyat Malaysia dari semua kaum telah menceburi sektor korporat di semua peringkat sama ada dari segi pekerjaan atau hakmilik. Sebagai rakyat Malaysia kita harus berbangga dengan pencapaian ini. Kita telah berjaya menjalani proses transformasi ini dan membawa negara ke tahap baru dari segi kestabilan politik dan kemajuan sosio-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, proses mengurangkan ketidakseimbangan dalam corak guna-tenaga dijangka terus menunjukkan kemajuan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. Dasar Pembangunan Baru akan meneruskan transformasi ini supaya rakyat semua kaum boleh melibatkan diri dengan cara yang lebih bermakna dan berkesan dalam semua aktiviti negara. Sehubungan dengan ini, Rangka

Rancangan Jangka Panjang Kedua akan memastikan kaum bumiputera dapat meningkatkan penyertaan mereka di sektor-sektor yang mereka masih kurang aktif. Penyertaan bumiputera secara meluas di sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan misalnya, akan diberi perhatian. Penyusunan semula guna-tenaga ini juga akan mengambil kira penyertaan kaum bukan bumiputera dalam sektor di mana penyertaan mereka masih rendah.

Selaras dengan ini langkah-langkah akan diambil untuk meninggikan penyertaan kaum bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam dalam semua peringkat. Kerajaan juga akan membuka peluang kepada pelajar-pelajar bukan bumiputera yang miskin untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh dan meningkatkan peluang pendidikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak berhasrat dikenali hanya sebagai sebuah negara yang sedang membangun. Selepas lebih 3 dekad pembangunan yang membanggakan, tibalah masanya tempoh kita menggariskan satu jalan yang baru sepertimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita negara sekarang berhasrat untuk mencapai status sebuah negara maju pada tahun 2020. Pihak MCA ingin merakamkan sokongan sepenuhnya kepada Wawasan 2020 ini. *(Tepuk)* Pihak MCA juga menyeru semua rakyat, khususnya kaum Cina supaya memberikan sokongan mereka dan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh untuk mencapai hasrat ini. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah mengalami kesan kemelesetan yang paling teruk dalam tahun 1981, 1982 sehingga 1985. Berikutan dengan itu Kerajaan telah melancarkan satu program liberalismi dan de-regulasi dalam dasar-dasar ekonomi negara. Dalam proses ini ekonomi negara bukan sahaja telah mengurangkan akibat kesan

kemelesetan malah telah mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 10.4% pada tahun 1990. Satu peratusan antara kadar yang paling tinggi di seluruh dunia.

Kerajaan akan meneruskan proses ini untuk mempertahankan kadar pertumbuhan ini pada dekad 90an. Ini akan memastikan ekonomi akan terus berkembang supaya rakyat Malaysia dari semua kaum dapat menikmati hasil daripada pertumbuhan ekonomi ini.

Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan akan menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam segala aspek perkembangan negara dan sebagai penggerak dalam perkembangan ekonomi. Insentif dan galakan baru yang lebih berkesan akan diberi kepada para pelabur dari dalam dan luar negeri untuk menggalakkan pelaburan. Tumpuan akan diberi terhadap industri-industri yang berasaskan bahan-bahan mentah yang berorientasikan eksport dan di sektor-sektor, dengan izin, high tech dan high growth.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengurangkan beban pihak Kerajaan, pelaksanaan Dasar Penswastaan akan dipercepatkan. Kerajaan telah mengenalpasti lebih daripada 200 projek yang bernilai berjuta-juta ribu ringgit untuk diswastakan dalam tahun-tahun yang akan datang. Dalam proses penswastaan ini, Kerajaan akan memastikan rakyat dari semua kaum menyertai dengan lebih giat lagi kegiatan-kegiatan ekonomi negara.

Dasar Ekonomi untuk tahun 1990an akan memberi keutamaan kepada pembangunan pengusaha-pengusaha individu terutamanya kepada pengusaha kecil dan sederhana. Dalam konteks ini, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan perkembangan industri kecil dan sederhana. Kerajaan yakin dengan bimbingan dan galakan yang tertentu, pengusaha industri kecil dan sederhana boleh memberi sumbangan yang penting

dalam ekonomi negara. Selain daripada pengusaha kecil dan sederhana, kita juga harus memberi keutamaan kepada bidang sains dan teknologi.

Kerajaan akan memberi peruntukan dalam kegiatan pendidikan dan pembangunan. Hanya dengan pendidikan dan pembangunan yang lebih intensif, negara boleh bersaing dengan negara-negara maju dan negara sedang membangun yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan negara adalah matlamat utama Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua. Perpaduan negara harus diberi keutamaan dalam usaha memajukan negara. Pengekalan suatu keadaan yang aman dan kestabilan politik adalah dasar penting dalam usaha Kerajaan mencapai matlamat dan objektif wawasan ini. Semangat toleransi dan bertolak ansur yang ditunjukkan oleh rakyat semua kaum adalah teras kepada kestabilan dan keamanan yang kita nikmati selama ini. Sepertimana kita semua maklum, dalam sesebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang kebudayaan, adalah mustahil untuk memenuhi permintaan satu-satu kaum dengan sepenuhnya maka kematangan yang ditunjukkan oleh semua rakyat selama ini amat membanggakan negara. Semangat toleransi dan bertolak ansur ini mesti dikekalkan oleh jenerasi muda kita supaya negara boleh terus maju dan mencapai hasrat menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua akan memberi keutamaan kepada pembasmian kemiskinan mutlak. Perhatian dan penekanan akan terus diberikan bagi memenuhi keperluan asas golongan miskin di kalangan semua kaum. Usaha akan ditumpukan kepada golongan yang kurang bernasib baik supaya mereka terlepas dari perangkap kemiskinan ini. Kadar kemiskinan dijangka akan berkurangan dari 17% pada tahun 1990 kepada 7.2% pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, masa hadapan Malaysia untuk terus membangun adalah cerah. Pakar-pakar ekonomi menyatakan rantau Timur Jauh atau the Far East mempunyai potensi pembangunan yang paling cerah dalam dekad ini dibandingkan dengan rantau-rantau lain. Malaysia berhasrat menggunakan peluang ini dengan sepenuhnya untuk mencapai pembangunan yang lebih pesat lagi. Kita tidak mahu ketinggalan. Kita mahu bersama-sama membangun dengan negara-negara lain di rantau ini. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ini akan mempertingkatkan lagi prospek untuk kita meningkatkan kecekapan dan mengintegrasikan ekonomi dengan negara-negara di Timur Jauh dan negara-negara lain di dunia. Menjelang tahun 2000, rakyat Malaysia akan menikmati satu tahap kehidupan yang lebih selesa dan dalam proses itu kita boleh sama-sama mencapai hasrat dan harapan semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua akan menggalakkan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama. Ia akan mengambil kira keperluan aspirasi dan harapan semua rakyat Malaysia. Ia akan menggalakkan sebuah masyarakat penyayang di mana bantuan yang cukup akan diberikan kepada golongan miskin. Ia akan menggalakkan masyarakat yang demokratik dan saksama di mana setiap rakyat akan mendapat hasil daripada usaha-usaha mereka. Ia akan menentukan penyertaan aktif rakyat Malaysia dari semua kaum dalam segala aspek sosial, kebudayaan, politik, ekonomi dan pendidikan supaya tidak ada golongan yang akan merasa tertinggal dalam arus pembangunan negara.

Memandangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua ini akan menjadi garis panduan negara dalam tahun-tahun yang akan datang maka sekali lagi saya menyeru kepada semua pihak supaya memberikan sokongan penuh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanjong.

5.27 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang pertamanya, saya hendak mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana beliau boleh cuba memberi satu sebab kenapa Laporan OPP yang Kedua itu tidak dibentangkan dalam Parlimen dan diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen dengan masa yang cukup dengan kata bahawa ini tidak perlu. Beliau tidak faham bahawa ini bukan sahaja satu contoh, perverse illogic tetapi sudah mendedahkan (exposed) bahawa semua Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mereka 'Pak Turut', tidak faham, tidak tahu apa kandungan dalam Rancangan pun, tidak apa, ikut sahaja. Apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, ikut, sokong, itulah mereka akan ikut. Tidak perlu baca, faham, apa ada dalam Laporan tersebut.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Ini termasuk Yang Berhormat dari Sungai Siput.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Under the Standing Orders. Ahli Yang Berhormat tidak boleh cakap seperti itu, memperkecilkan Ahli-ahli yang lain. Ini menyalahi dengan Standing Orders. Bagaimana dia kata saya tidak ada faham? Saya faham.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri pun tidak faham. Dia gaduh dengan Menteri Kewangan, dia

kata bahawa golongan India sudah diasingkan, tetapi dia tidak tahu, dia pun tidak faham. Bukan sahaja Ahli Parlimen tidak tahu, Menteri pun tidak tahu.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Nombor satu, saya kata, Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong, bila dia ucap, dia ucaplah. Jangan dia kata lain orang semua bodoh.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan bodoh.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kalau dia kata lain orang bodoh, dia sendiri bodoh, dia sendiri bodoh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tenang Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong, teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada kata bahawa apa hak untuk berdiri?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh cakap jahat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak jahat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jahat, dia kata kita tidak ada erti. Saya mana boleh tidak ada erti?

Tuan Lim Kit Siang: Yalah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata semua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong, teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak kata semua bodoh tetapi kata mereka tidak perlu faham apa dalam rancangan, boleh datang untuk....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Point of order. Apa kata ertinya 'tidak faham'? Jikalau seorang bodoh sahaja tidak faham. Saya faham. (*Disampuk*)

Seorang Ahli: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk! Saya akan buat keputusan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Janganlah cakap macam itu. Apa bising, bunyi bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk! Saya akan buat keputusan. Saya mempersilakan Yang Berhormat dari Tanjong untuk meneruskan ucapan. Belum ada perkataan yang tidak begitu baik saya dengar. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya kita semua tahu siapa faham atau tidak faham. Seorang yang boleh buat satu pengumuman, apa dalam rancangan, tetapi sebaliknya ditunjukkan bahawa itu tidak benar, dia tentu tidak faham, dan ini berlaku kepada siapa? Kepada Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Standing Order, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Standing Order berapa?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Standing Order yang sama, di mana dalam apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri....

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan Standing Order. Itu ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dia mahu tipu Tuan Yang di-Pertua!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dia tidak erti!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri...

Tuan Lim Kit Siang: Itu bukan Standing Order!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Standing Order 36(1). Standing Order yang saya kata tadi, dia tidak erti.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat dari Tanjong duduk sebentar. Yang Berhormat Menteri, saya minta kerjasama semua pihak; kita beri dia peluang untuk membalas ucapannya. Kita beri dia peluang. Tidak ada yang menyakitkan hati.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya cakap 36(1) yang mana saya kata tadi, 36(1) bila Ahli Yang Berhormat berucap, dia tidak boleh cakap jahat! Dia cakap jahat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bukan sahaja tidak faham apa yang ada dalam Rancangan, dia bodoh mengenai Standing Order. 36(1) bukan improper motive. 36(1) ialah irrelevancy. Ini bodoh. Betul-betul bodoh!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apa dia kata irrelevant, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Betul-betul bodoh. Tidak faham—erti bodoh ialah bodoh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta bertenang. Saya akan buat keputusan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dia kata tadi irrelevantkah atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Ah! Orang yang bodoh mahu tunjuk kebodohnya. Lebih baik duduklah! Jangan lagi bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Cakap macam itu saya tidak takutlah Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: 36(1), mari!

Dato' Seri S. Samy Vellu: Janganlah tunjuk-tunjuk sahaja dia punya style. Ini kali saya tidak boleh kasi you tunjuk you punya style.....

Tuan Lim Kit Siang: Ikut peraturan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kita lawan balik.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan cawangan MIClah!Boleh buang kerusi tau!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, minta kerjasama duduk!

Dato' Seri S. Samy Vellu: MIC...

Tuan Lim Kit Siang: Saya start—allright.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya memohon. Saya telah membuat keputusan untuk membenarkan Yang Berhormat dari Tanjong berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin menyampaikan bantahan sekeras-kerasnya terhadap kekurangan masa yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk mengkaji Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara, yang sebenarnya sampai sekarang belum diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen dan orang ramai, serta memperolehi maklum balas orang awam sebelum perbahasan Parlimen ke atas RRJP.

Saya telah mencadangkan bahawa Ahli-ahli Parlimen harus diberi masa sekurang-kurangnya seminggu untuk mengkaji RRJP dan memperolehi maklum balas orang-orang awam, tetapi cadangan ini tidak dihiraukan.

Dalam usul beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan bahawa Dewan ini "menyeru semua rakyat Malaysia dari berbagai lapisan masyarakat bekerja dengan lebih gigih dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan selaras dengan semangat Rukunegara dan bersama-sama bersatupadu dalam usaha yang berterusan untuk membangunkan sebuah negara yang adil, progresif dan berdayatahan."

Dengan tidak memberi masa yang mencukupi kepada semua Ahli Parlimen untuk mengkaji RRJP dan ada mengedarkan pun Laporan MPEN, dan kepada rakyat Malaysia untuk memberi maklum balas akan reaksi mereka, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah tidak menghiraukan dan melanggar 'semangat Rukunegara' yang beliau gesa semua rakyat Malaysia melengkapkan diri untuk menghadapi cabaran sosio-ekonomi dan politik masa depan.

Rupanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah lupa bahawa lima prinsip Rukunegara adalah diperuntukkan, di antara lain, untuk memelihara cara hidup demokratik.

Dengan melayan pendapat Ahli-ahli Parlimen dan orang awam dengan begitu sumbang dengan enggan memberi masa yang mencukupi kepada semua pihak untuk mengkaji RRJP, sebenarnya sehingga kini pun tidak ada Laporan MPEN. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu ada buat janji akan mengedarkan, akan mengumumkan Laporan MPEN dan ini menunjuk bahawa beliau bukan sahaja buat janji kosong untuk cara hidup demokratik kerana beliau menganggap Parlimen hanya sebagai 'rubber stamp' yang mana

perannya ialah untuk memberi kelulusan rasmi kepada apa yang telah diputuskan oleh pihak Eksekutif.

Dalam sebuah negara Malaysia di mana Rukunegara wujud pada semangat yang sebenarnya akan terdapat cara hidup demokratik yang sejati, dan Parlimen tidak akan dilayan dengan cara ini oleh pihak Eksekutif atau Perdana Menteri ketika itu, kerana Parlimen akan mempunyai peranan yang penting dan bermakna di dalam perumusan dan keputusan ke atas dasar-dasar negara tersebut.

Layanan-layanan hina terhadap Parlimen lebih ketara lagi dengan keberangkatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada lewat petang hari ini, dengan mengetuai serombongan Menteri-menteri Kabinet untuk lawatan selama 3 minggu ke Amerika Selatan seolah-olah menyampaikan mesej bahawa apa yang dinyatakan atau dilakukan dalam Parlimen, sama ada oleh Pembangkang atau penyokong-penyokong Kerajaan, adalah langsung tidak penting dan tidak berkaitan sama sekali.

Sebenarnya, Parlimen adalah diberitahu bahawa usul RRJP telah dibentangkan secara rasmi, Kerajaan tidak memperdulikan sama ada Ahli Parlimen mempunyai masa untuk mengkajinya sebelum perbahasan atau sama ada membahaskannya tanpa membaca atau mengkaji RRJP. Kerajaan tidak berminat dengan pandangan Ahli-ahli Parlimen ke atas RRJP, tetapi hanya berminat dengan undi mereka untuk memberi kelulusan rasmi kepada penghuju perbahasan.

RRJP bukan satu rancangan untuk seluruh rakyat Malaysia atau hasil consensus negara rakyat Malaysia tetapi adalah rancangan segelintir orang.

Dengan enggan memelihara intinya cara hidup demokratik di mana orang awam menyertai penggubalan dasar-dasar

negara yang penting, RRJP walaupun ianya akan diluluskan oleh Parlimen, bukanlah satu rancangan untuk seluruh rakyat Malaysia, tetapi rancangan tersebut adalah satu rancangan untuk segelintir orang.

Sebenarnya, walaupun Kabinet telah meluluskan RRJP awal bulan ini, tidak ramai Menteri-menteri benar-benar memahami apakah ia sebenarnya. Oleh kerana itu, terdapatlah kejadian di mana dua orang Menteri Kabinet Kanan secara terbuka tidak bersetuju dengan apa yang dipersetujui oleh Kabinet berkenaan RRJP.

Yang Berhormat dari Sungai Siput, Presiden MIC mendakwa bahawa Kabinet telah bersetuju untuk mengasingkan masyarakat India dari kategori bukan Bumiputera dalam RRJP. Tetapi Menteri Kewangan yang kata...

Dato' Seri S. Samy Vellu: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong sebentar. Point of order...

Dato' Seri S. Samy Vellu: Point of order...

Tuan Lim Kit Siang: Point of order berapa?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kalau Ahli Yang Berhormat suka berucap dalam 35(1)...

Tuan Lim Kit Siang: Berapa ini?

Seorang Ahli: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Point of order nombor berapa ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Seperti apa saya kata tadi 36(1) dia rujuk kepada saya, dia kata saya tidak erti dengan apa

yang kita bersetuju dalam Jemaah Menteri. Saya bersetuju dalam apa-apa yang telah kita tetapkan dalam Jemaah Menteri. Apa yang saya katakan tadi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tiada erti. Tetapi apa dia lihat dalam suratkhbar dia kata itu jadi parchment, dengan izin. Apa saya kata, saya minta kaum Cina dan kaum India tidak boleh bersama dilistkan dalam laporan-laporan ini, saya minta dia bezakan daripada kaum. Saya tidak minta kaum India jadi satu special group. Orang yang tidak ada erti, dia cakap macam bodoh. Orang yang erti dia cakap macam pandai! (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara kenyataan (fact). Dalam suratkhbar Yang Berhormat dari Sungai Siput kata bahawa Kabinet sudah bersetuju bahawa kaum India akan diasingkan sebagai satu golongan di bawah kategori non-Bumiputera. Itu sahaja. Setuju tidak setuju itu bukan perkara untuk dibahas. Tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan kata ini tidak benar. Ini bermakna apa yang Presiden MIC kata tidak benar. Kalau itu betul, orang yang bodoh ialah orang yang kata apa yang tidak betul.

Dato' Seri S. Samy Vellu: 36(1)...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong, point of order.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu bahawa Menteri Kewangan kata dalam suratkhbar, dia kata apa yang kita betul ucap atau apa yang kita kata tidak dikeluarkan dalam suratkhbar. Tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bersetuju, Kabinet telah menimbang untuk memberi apa-apa pertolongan kepada kaum keturunan India, ada dikatakan oleh Menteri Kewangan. Tetapi saya tidak minta kaum keturunan India dijadikan satu

bahagian seperti kaum Bumiputera untuk menerima keutamaan dalam Laporan Rancangan Jangka Panjang ini. Saya ingat Yang Berhormat dari Tanjong tidak erti.

Bila dia tidak erti, dia ingat semua orang bodoh—tidak, dia pun tidak erti, itu bukan saya punya salah.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya belum.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang:beri mark, beri jalan. Kalau dia mahu penjelasan, saya boleh beri tetapi minta dahulu, jangan tunjuk lagi tidak faham Peraturan Mesyuarat (Standing Orders)—itu yang pertama.

Yang kedua, saya tidak sebut, tidak kata bahawa Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos ada mengatakan bahawa dia mahu kaum India dapat keutamaan—tidak, saya tidak sebut begitu. Itupun dia tidak faham, lebih baik jangan tunjuk lagi sekali atau berkali-kali bahawa dia tidak 'bijaksana'—lebih baiklah. Saya tidak kata dia 'bodoh', tidak 'bijaksana'.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana dua orang Menteri boleh bertentangan pandangan dalam satu perkara—dan dia boleh jawab dalam winding-up—yang penting dalam RRJP, melainkan RRJP telah diberi pertimbangan secara tergesa-gesa oleh Kabinet dengan kebanyakan Menteri berperanan sebagai 'yes men' tanpa benar-benar mengkaji atau memahami RRJP. Setelah meminta RRJP melalui Kabinet tanpa memberikan masa yang mencukupi kepada Menteri untuk mengkaji dan memahaminya, sekarang sampailah giliran Parlimen untuk mendapat layanan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong....

Dato' Seri S. Samy Vellu: 36(6)....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 36(6).

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dia kata semua Menteri dalam Kabinet ialah 'yes men'.....

Tuan Lim Kit Siang: You are a 'no man'. Adakah you 'no man'? (*Ketawa*)

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini bukannya sangkaan jahat?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah dia 'no man'?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Saya tidak ingat perkataan itu.....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Ada ramai 'yes men' dalam DAP sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Are you 'no man'? You 'no man'?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat saya tidak ingat.....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini sangkaan jahat. Kalau Yang Berhormat berucap terus, saya tidak kacau. Bila-bila dia mahu membuat kata-kata ini semua sangkaan jahat, kita tidak boleh diam-diam. Apa ertinya semua Menteri-menteri dalam Jemaah Menteri 'yes man'? Saya bukan 'yes man'.....

Tuan Lim Kit Siang: Dia 'no man'. Baiklah, dia boleh jawab nantilah—dia 'no man'.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Apa yang patut saya bincang, apa yang saya suka terima, yang adil, saya terima dan yang tidak adil saya tidak terima. Itu saya punya fikiran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Fikiran sayapun adalah. Tetapi kalau dia kata dia bukan 'yes man', dia 'no man', sayapun tidak mahu cabar itu. Bolehkan saya teruskan?

Sekarang giliran Parlimen yang mana untuk mendapat layanan yang sama, Ahi-ahli Parlimen tidak diberi masa yang mencukupi untuk mengkajinya dan memperolehi maklumbalas orang awam. Biarlah saya memberi notis dan amaran bahawa jika ini ialah niat Kerajaan Barisan Nasional untuk menjadikan RRJP teras polisi negaranya yang mahu mendapat, menggerak dan menyatukan tenaga dan komitmen semua rakyat Malaysia bukan sahaja sehingga tahun 2000, tetapi juga untuk Wawasan Malaysia pada tahun 2020, ini adalah cara yang salah untuk melakukannya. Dengan enggan memberi masa yang mencukupi kepada Ahli-ahli Parlimen untuk mengkaji dan menyumbang kepadanya dan yang lebih penting sekali memberi masa kepada orang awam untuk memberi maklumbalas mereka, RRJP hanya akan menjadi rancangan segelintir pemimpin dan bukan satu rancangan untuk seluruh rakyat Malaysia, kerana rakyat Malaysia keseluruhannya malah wakil mereka di Parlimen telah dinafikan peluang untuk memberi sumbangan kepada penggubalan peringkat akhirnya. Oleh yang demikian, RRJP tidak mempunyai kedudukan yang sah dan kredibiliti sebagai hasil persetujuan negara dari berbagai lapisan masyarakat

dan rakyat Malaysia. Ini adalah malang sekali—Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah bersetuju dan dia sudah undur (*Ketawa*). Ini adalah malang sekali kerana adalah nyata bahawa objektif 20 tahun Dasar Ekonomi Baru dan RRJP Pertama 1970-1990 untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatupadu telah gagal dan sedang ditunda selama 30 tahun di bawah Wawasan Malaysia untuk tahun 2020 seperti yang dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Majlis Perdagangan Malaysia pada bulan Februari tahun ini. Kegagalan ini telahpun diakui pada permulaan RRJP Kedua, perenggan 1.04, yang menyatakan:

“Dasar Pembangunan Baru menetapkan langkah permulaan ke arah membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020, bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga dari semua segi. Negara perlulah maju sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan perhubungan masyarakat, ekonomi, keadilan, sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu hidup, nilai-nilai sosial dan kerohanian, keyakinan dan kebanggaan terhadap negara. Adalah menjadi Wawasan Kerajaan bahawa menjelang tahun 2020 Malaysia akan menjadi sebuah negara yang bersatupadu, mempunyai masyarakat yang berkeyakinan, menghayat nilai-nilai moral dan etika yang teguh, hidup dalam sebuah masyarakat yang demokratik, liberal dan bertimbang rasa, penyayang, saksama dan adil dari ekonomi progresif dan makmur dan memiliki sebuah ekonomi yang mampu bersaing, dinamik, teguh berdaya, tahan dan adil dari segi sosial”.

Itulah petikan.

Kerajaan kini berharap membina sebuah negara yang bersatupadu pada tahun 2020, sedangkan 21 tahun dahulu

apabila melancarkan RRJP Pertama dan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan telah membayangkan sebuah negara yang bersatupadu pada tahun 1990. Seperti yang dikatakan oleh seorang Arkitek utama Dasar Ekonomi Baru, kita tidak harus keliru dengan langkah-langkah DEB sebagai matlamat DEB atau jangan mistake the means for the ends. Langkah-langkahnya ialah:

Strategi serampang dua mata untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, manakala matlamatnya ialah objektif keseluruhannya untuk mencapai perpaduan negara.

Apakah kejayaan objektif keseluruhan perpaduan negara Dasar Ekonomi Baru dan RRJP Pertama? Kepada segolongan besar rakyat Malaysia, DEB bukanlah tenaga untuk perpaduan negara, tetapi merupakan sebab utama perpecahan negara, khususnya polarisasi kaum negara ini.

Saya telah menduga RRJP Kedua akan menumpukan satu bab penuh untuk menilai kejayaan atau rintangan yang dihadapi oleh DEB untuk mencapai matlamat keseluruhannya untuk mencapai perpaduan negara disebabkan kriteria inilah yang menentukan pada akhirnya kejayaan atau kegagalan DEB.

Namun demikian, tiada penilaian sedemikian terkandung di dalam RRJP Kedua ini dan ini boleh dianggap sebagai satu pengakuan oleh Kerajaan bahawa DEB telah gagal dalam matlamat keseluruhannya untuk mencapai perpaduan negara di kalangan berbagai kaum di negara ini. Apabila DAP menyertai Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) dalam pertengahan tahun 1989 selepas semua pemimpin-pemimpin DAP dibebaskan daripada tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di bawah Operasi Lalang, wakil-wakil DAP terkejut untuk mendapati bahawa walaupun MPEN

telah menubuhkan lima buah Jawatankuasa, seperti:

- (i) untuk mengkaji pelaksanaan dasar-dasar mengenai kemiskinan;
- (ii) untuk mengkaji dasar-dasar mengenai penyusunan semula masyarakat;
- (iii) mengenai pembangunan sumber tenaga;
- (iv) mengenai ekonomi negara dan perkembangan antarabangsa; dan
- (v) mengenai pengumpulan data dan metologi.

namun tiada sebuah Jawatankuasa khusus ditubuhkan untuk mengkaji aspek yang paling penting akan DEB yakni matlamat keseluruhannya untuk mencapai perpaduan negara.

MPEN akan sia-sia sahaja sekiranya ia gagal menghadapi isu yang paling penting dalam DEB iaitu untuk mencapai perpaduan negara. Akibat cadangan spesifik DAP di Persidangan Pleno MPEN maka Jawatan-kuasa Keenam untuk mengkaji pencapaian matlamat keseluruhan DEB mengenai perpaduan negara ditubuhkan.

Saya tidak tahu apakah hasil rumusan Jawatankuasa MPEN mengenai perpaduan negara kerana DAP telah menarik diri daripada MPEN pada tahun itu juga apabila kami beryakin bahawa Kerajaan tidak ikhlas dalam menjadikan MPEN sebagai satu forum yang serius dan bermakna dalam usaha mencari konsensus negara mengenai dasar-dasar ekonomi negara dalam tahun-tahun 1990an.

Kegagalan RRJP Kedua untuk menilai hasil matlamat keseluruhan DEB untuk mencapai perpaduan negara merupakan satu kelemahan besar. Apabila kita mengambil kira pelancaran baru-baru ini dalam suasana gilang-

gemilang, Panel Penasihat Perpaduan negara yang baru yang dianggotai oleh 33 orang ahli terdapat tidak seorang akan menyimpulkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak serius tentang isu dan masalah perpaduan negara. Malah menjelang pelancaran RRJP Kedua serta Rancangan Pembangunan Negara, isu Bandar Kebudayaan Cina Malaysia telah dijadikan satu isu perkauman dengan cara yang paling tidak bertanggungjawab oleh pemimpin-pemimpin UMNO serta Naib Presiden GERAKAN, Yang Berhormat dari Batu yang juga adalah Naib Pengerusi Panel Penasihat Perpaduan Negara. Ini pula mengingatkan kita semua tentang kegagalan DEB untuk mencapai perpaduan negara selepas 20 tahun. Seolah-olah ini tidak mencukupi terdapat perselisihan yang terbuka antara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dalam tafsiran Dasar Kebudayaan Negara. Malah secara terbuka di antara Menteri UMNO untuk kebudayaan dan Timbalan Menteri dari MCA untuk kebudayaan dalam soal projek Bandar Kebudayaan Cina Malaysia.

Dengan komposisi Panel Penasihat Perpaduan Negara yang dikuasai oleh Pegawai-pegawai Kerajaan pada peringkat Persekutuan dan Negeri yang akan menjamin bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mendengar sahaja echo suara dan retorik beliau sendiri, tiada suatu yang menunjukkan bahawa panel baru untuk perpaduan negara ini akan berkesan atau adalah relevant berkaitan dengan isu-isu perpaduan negara seperti bekas-bekas badan tersebut pada 25 tahun yang lalu.

Terdapat banyak perkara lagi yang menunjukkan bahawa masalah perpaduan negara dan integrasi negara telah menjadi lebih kompleks dan sukar dikawal dalam dua dekad yang lalu, seperti masalah yang serius dalam kerengangan antara rakyat dan negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan, secara umumnya disebabkan harrasment dan

victimisation, diskriminasi dan penindasan yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional, sama ada melalui ISA atau undang-undang mencegah rasuah dan masalah polarisasi agama dalam negara ini.

Semasa perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima pada Jun, 1989 saya telah mencadangkan satu dasar baru untuk menggantikan Dasar Ekonomi Baru adalah diperlukan untuk tahun 1990an yang saya namakan sebagai Dasar Pembangunan Negara. Kerajaan telah mengumumkan sekarang bahawa Dasar Pembangunan Baru akan menggantikan DEB, tetapi cadangan DAP bahawa Dasar Pembangunan Negara yang memupuk perpaduan negara, perkembangan ekonomi dan kesaksamaan sosial harus menggantikan kuota dan peratusan etnik dan perspektif etnik dengan perspektif rakyat Malaysia dan kesaksamaan sosial dan meritokrasi tidak pula dimaktubkan ke dalam RRJP Kedua dan Dasar Pembangunan Baru Barisan Nasional. Dasar kuota dan peratusan etnik kekal di dalam RRJP Kedua walaupun tiada rangka masa yang khusus yang ditetapkan untuk pencapaian matlamat penyusunan semula ekuiti iaitu sekurang-kurangnya 30% untuk orang-orang bumiputera.

Pada tahun 2000, satu kajian terhadap pencapaian matlamat ini akan dilakukan. Walau bagaimanapun, dasar kuota etnik untuk pengajian tinggi masih tidak terusik. Oleh yang demikian, perenggan 4.57 RRJP Kedua menyatakan bahawa dasar yang sedia ada dalam satu kuota kemasukan institusi pengajian tinggi antara berbagai masyarakat etnik akan diteruskan. Sebagaimana yang diperakui oleh RRJP, Dasar Pembangunan Baru pada dasarnya adalah sumbangan kepada Dasar Ekonomi Baru. Kecuali Kerajaan mempelajari daripada kesilapan-kesilapan DEB, maka Dasar Pembangunan Negara mungkin juga akan bersifat memecah dan memusnah seperti DEB berkait dengan perpaduan negara dan integrasi kebangsaan.

Kerajaan sepatutnya selepas 20 tahun DEB mengambil langkah berani untuk menghentikan daripada memecah-belahkan rakyat Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera kerana semua rakyat Malaysia yang dilahir dan dibesarkan di negara ini adalah anak watan tanahair ini iaitu bumiputera tulen Malaysia.

Semasa pengkajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima, saya telah menyeru supaya satu visi bersama diwujudkan untuk semua rakyat Malaysia dalam tahun 2000 dan abad ke-21 agar rakyat Malaysia dapat bekerjasama ke arah satu destini bersama sungguhpun mereka tidak mempunyai masa lampau yang sama. Dasar Pembangunan Negara kini akan mengorak langkah bagi pusingan pertama wawasan 30 tahun untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 sepertimana disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

DAP tidak mempertikaikan wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 seperti juga tiada mana-mana orang yang akan mempertikaikan matlamat keseluruhan DEB apabila ia dilancarkan dalam tahun 1970 untuk mencapai perpaduan negara. Duapuluh tahun kemudian matlamat keseluruhan DEB untuk mencapai perpaduan negara telah terbukti sebagai satu khayalan. Apakah Wawasan 2020 kepunyaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan terbukti juga sebagai khayalan. Inilah mengapa apa yang penting untuk dipertimbangkan mengenai Wawasan Malaysia dalam tahun 2020 atau mana-mana rancangan jangka panjang negara ialah premis atas mana ia didasarkan.

Bagi mencapai Wawasan Malaysia sebagai negara maju dalam tahun 2020, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan sembilan cabaran

strategik. Adalah tidak bermakna untuk menggariskan kesembilan matlamat strategik untuk tahun 2020 kecuali kita bersedia mengambil langkah-langkah serta-merta dan konkrit ke arah ini. Kita tidak boleh berserius dan ikhlas tentang kesembilan matlamat strategik ini ataupun Wawasan Malaysia dalam tahun 2020 sekiranya langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang kita ambil membawa kita jauh daripada kesembilan matlamat strategik ini.

Saya akan memberi beberapa contoh. Matlamat pertama daripada sembilan matlamat strategik yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah cabaran dalam mewujudkan sebuah negara yang bersatu-padu dengan destini yang sama dan berkongsi iaitu sebuah negara yang aman dengan diri sendiri, diintegrasikan dari segi wilayah dan kaum, hidup dalam keharmonian dengan perkongsian yang penuh dan adil, dengan wujudnya satu "Bangsa Malaysia", dengan ketaatsetiaan dan dedikasi politik untuk negara.

Saya telah mengatakan sebentar tadi bahawa tunggak dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam dua dekad kebelakangan ini telah membawa negara kita ke arah yang lain, jauh daripada matlamat strategik ini. Ini menerangkan mengapa wujudnya masalah serius penghijrahan orang-orang profesional Malaysia ke lain-lain negara, masalah polarisasi kaum yang serius di negara kita dan rasa pengasingan antara rakyat negeri Sabah dan Pusat.

Adakah kita bersedia mengurangkan penekanan dari segi perbezaan etnik, kebudayaan dan agama, atau membahagikan rakyat Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera, atau mengambil langkah yang pertama untuk seluruh rakyat Malaysia untuk mengenalkan diri sebagai "Bangsa Malaysia" dengan kad pengenalan berlapis baru yang menggugurkan ruang untuk kaum?

Kita juga dapat memerhatikan berbagai-bagai contoh di mana apa yang Kerajaan hari ini menghendaki bukanlah "kesetiaan politik dan dedikasi terhadap negara", tetapi "kesetiaan politik dan dedikasi terhadap UMNO" yang menjelaskan diskriminasi politik dan pembangunan di Sabah dan Kelantan. Atau kita mengambil cabaran strategik "memelihara dan membangunkan sebuah masyarakat demokratik yang matang, mengenalkan satu bentuk permuafakatan yang matang, demokrasi Malaysia yang berorientasikan masyarakat yang boleh dijadikan teladan kepada banyak negara maju".

Adakah cara RRJP memintas lalu Kabinet dan Parlimen tanpa memberi Ahli-ahli Parlimen dan orang-orang awam masa yang cukup untuk mengkaji, mengambil bahagian dan memperolehi maklum balas orang awam merupakan jenis "masyarakat demokratik yang matang" dan "permuafakatan yang matang, demokrasi Malaysia yang berorientasikan masyarakat" yang difikirkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Atau kita mengambil cabaran strategik "membentuk sebuah masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi di mana rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan kepercayaan bebas untuk mengamal dan menganut adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka tetapi masih berasa mereka kepunyaan satu negara". Jika ini benar, mengapakah timbulnya kontroversi tentang projek Bandar Kebudayaan Cina dengan pencurahan Perasaan perkauman dan chauvinist oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Pemuda UMNO atau keengganan secara degil untuk meminda Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor atau mengubahsuai langkah-langkah pengislaman untuk mengambil kira sensitiviti sah rakyat Malaysia bukan Islam.

Jika kita adalah serius terhadap Wawasan Malaysia untuk tahun 2020 dan pencapaian sembilan cabaran

strategik tersebut untuk memenuhi Wawasan ini, maka sembilan objektif strategik ini harus bermula sebagai piawaian untuk mengukur dan menilai dasar, keputusan dan tindakan Kerajaan pada ketika ini juga.

Terdapat satu strategik yang diabaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang mana ia harus dijadikan cabaran strategik untuk rakyat Malaysia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengabaikan objektif strategik untuk menjamin bahawa rakyat Malaysia menikmati kebebasan manusia yang diiktiraf oleh antarabangsa seperti yang dimaktub dalam Perisytiharan Hak-hak Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik.

Nampaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menganggap hak-hak asasi manusia sebagai satu perkataan lucah dan matlamat yang tidak bermaruah. Ini mungkin sebabnya mengapa Kerajaan Malaysia bersikap 'hysterical' atas kritikan United Nations Development Programme dalam Laporan Pembangunan Manusia tahun 1991 yang meletakkan Malaysia di tangga yang ke 55 di antara 88 buah negara dalam Indeks Kebebasan Manusia (Human Freedom Index).

Wakil tetap Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu, Tan Sri Razali Ismail telah memberitahu majlis UNDP di New York minggu lepas bahawa kemasukan Indeks Kebebasan Manusia telah mencemarkan keseluruhan Laporan Pembangunan Manusia itu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membidas Laporan UNDP itu telah berkata bahawa terdapat laporan mengenai sebuah negara Eropah, yang tergolong sebagai negara yang mempunyai tahap kebebasan manusia yang sangat tinggi, di mana kebebasan seks diamalkan dan di mana

kanak-kanak baru berumur 12 tahun diketahui diberikan kebenaran melakukan hubungan jenis. Saya tidak tahu sama ada bahagian akhir kenyataan ini adalah betul dan berasas, tetapi walau bagaimanapun sejauh pengetahuan saya, ia bukanlah satu daripada 40 petanda (indicators) yang digunakan oleh UNDP untuk menilai Indeks Kebebasan Manusia.

Saya baru sahaja menerima senaskah Laporan UNDP (Human Developments Report 1991) dan daripada 40 petanda yang digunakan untuk mengukur Human Freedom Index, saya bersetuju dengan Kerajaan Malaysia bahawa petanda mengenai hak peribadi untuk mengadakan hubungan sejenis antara orang-orang dewasa yang rela adalah keterlaluan.

Saya mendapati petanda-petanda lain merupakan satu kayu pengukur yang baik mengukur kebebasan manusia seperti:

- (a) mengembara dan bergerak di mana-mana di negara sendiri atau luar negeri, hak bersatu dan berhimpun secara aman, hak mengajar idea-idea dan menerima maklumat, hak mengawasi pencabulan hak-hak asasi manusia, bahasa etnik; atau
- (b) kebebasan daripada dipaksa kerja atau jadi buruh paksaan dan buruh kanak-kanak, pembunuhan di luar penghakiman atau kehilangan, seksaan, penganiayaan atau paksaan, penapisan politik ke atas akhbar; atau
- (c) kebebasan mengadakan parti pembangkang politik secara aman, pilihanraya berbilang parti menerusi pengundian sulit dan sejagat, persamaan dari segi politik dan undang-undang bagi kaum wanita, per samaan sosial dan ekonomi untuk kaum minoriti, akhbar bebas, penerbitan buku-buku secara

bebas, rangkaian radio dan televisyen yang bebas, mahkamah yang bebas, kesatuan sekerja yang bebas; atau

- (d) hak undang-undang untuk kewarganegaraan, dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan salah, perbicaraan secara terbuka, perbicaraan yang cepat, kebebasan daripada digeledah rumah oleh pihak polis tanpa waran, kebebasan daripada dirampas harta-benda peribadi dengan sewenang-wenangnya.

Kerajaan Malaysia wajar membantah penggunaan petanda hak peribadi untuk mengadakan hubungan sejenis di antara orang-orang dewasa yang bersetuju dan juga terhadap penempatan rejim Israel di tangga yang lebih tinggi dari Malaysia dari segi Human Freedom Index dan dalam aspek ini parti DAP akan memberikan sokongan penuh kepada Kerajaan. Akan tetapi bantahan-bantahan ini tidak dapat lari daripada hakikat betapa besar nilainya dengan adanya Human Freedom Index.

Kita mesti menerima hakikat bahawa pembangunan manusia adalah tidak lengkap jika ia tidak termasuk kebebasan manusia, satu index kebebasan manusia yang objektif dan boleh dipercayai boleh menjadi suatu alat yang penting untuk kebebasan manusia.

Tidak boleh dinafikan bahawa Malaysia mempunyai tahap kebebasan manusia yang rendah. Tiada sesiapa pun dalam Malaysia yang meminta hak untuk merusuh di jalanraya dan membakar rumah, tetapi apa yang diminta adalah hak untuk kebebasan seseorang daripada penahanan secara sewenang-wenang, kebebasan untuk menyuarakan, memikirkan, berkepercayaan dan maklumat, akhbar yang bebas, kebebasan untuk berhimpun dan berpersatuan dan menegakkan prinsip demokratik yang penting seperti Kebebasan Kehakiman.

Di Malaysia, pencabulan hak manusia dan kebebasan dapat dilihat di merata-rata. Baru sahaja pada bulan yang lalu, Pengarah Yayasan Sabah, Dr Jeffrey Kitingan telah ditahan di bawah ISA kerana didakwa melibatkan diri dalam satu komplot untuk mengeluarkan Sabah daripada Malaysia.

Walaupun Kerajaan dan polis telah menuduh bahawa terdapat satu komplot untuk mengeluarkan Sabah daripada Persekutuan sejak tahun yang lalu dan telah menahan enam orang di bawah ISA, tetapi Kerajaan masih tidak dapat menunjukkan sebarang bukti untuk menyokong tuduhan tersebut atau menerima cadangan DAP supaya membentangkan satu Kertas Putih mengenai komplot penarikan Sabah daripada Persekutuan sebagaimana didakwa.

Hakikat bahawa Kerajaan Malaysia tidak memberikan kedudukan yang tinggi kepada hak manusia dapat diperhatikan daripada fakta bahawa ia enggan meratifikasikan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik yang Malaysia telah menyokong di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu tetapi enggan meratifikasikannya sepanjang 25 tahun yang lalu.

Saya telah membentangkan usul di Dewan ini untuk meratifikasikan Kovenan Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik tetapi tanggapan Kerajaan terhadap hak-hak manusia adalah begitu rendah sekali sehinggakan ia enggan memperuntukkan masa untuk perbahasan Parlimen ke atas usul tersebut.

Afrika Selatan telah membatalkan perintah daruratnya, malah Taiwan juga telah memansuhkan undang-undang daruratnya. Tetapi Malaysia masih terus berada di bawah empat Perisytiharan Darurat di mana Kerajaan kelihatan tidak bersedia untuk menamatkan empat

perisytiharan darurat yang diisytiharkan suku abad yang lalu. Bolehkah Kerajaan memberi satu sebab yang kukuh, mengapa keempat-empat perisytiharan darurat ini masih kekal?

Dalam usulnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggesa rakyat supaya bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran politik masa hadapan. Apakah Kerajaan sendiri bersedia untuk menghadapi semua cabaran politik ini yang akan menentukan mutu hidup yang dinikmati oleh rakyat Malaysia?

Rakyat berhak mengetahui mengapa Kerajaan telah menolak Laporan MPEN dan mengapa ia telah enggan mengumumkannya kepada orang awam seperti dijanjikan terlebih dahulu. Saya difahami bahawa salah satu daripada saranan yang paling penting dalam Laporan MPEN ialah pembentukan sebuah Suruhanjaya Tetap DiRaja untuk mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Negara bagi menegakkan prinsip akauntabiliti dan memeriksa penyelewengan dan segala bentuk penyalahgunaan kuasa. Saranan ini adalah selaras dengan prinsip Rukunegara yang kelima iaitu 'Kesopanan dan Kesusilaan.'

Satu lagi cadangan DAP apabila kami mula-mula menyertai MPEN ialah supaya menubuhkan jawatankuasa ketujuh untuk mengkaji penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan segala amalan rasuah dan amalan tidak beretika yang berlaku di bawah DEB.

Tahun 1980an khususnya adalah dekad skandal DEB dalam penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan, amalan rasuah dan amalan tidak beretika dan berjilid-jilid terbitan perlu untuk mendaftarkan atau mengkatalogkan jenayah-jenayah hina tersebut.

Cadangan ini tidak diterima tetapi diketepikan, dan selepas DAP menarik diri daripada MPEN, cadangan ini pun lenyap begitu sahaja. Salah satu daripada sembilan cabaran strategik yang disenaraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Wawasan Malaysia untuk tahun 2020 ialah membina satu masyarakat yang penuh bermoral dan beretika, di mana warganegara teguh dalam nilai-nilai agama dan rohani dan diselubungi dengan tahap etika yang paling tinggi. Jika begitu, jika inilah keadaannya, bagaimanakah Kerajaan boleh menyelaraskan objektif strategik ini dengan penolakan saranan MPEN untuk menubuh sebuah Suruhanjaya Tetap DiRaja untuk mencegah penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan segala bentuk amalan tidak beretika dan amalan rasuah di bawah Dasar Ekonomi Negara?

MPEN telah menyarankan bahawa fungsi-fungsi Suruhanjaya Di-Raja untuk "Pengesanan Perlaksanaan Dasar Pembangunan Negara:

- (1) mengawas dan mengesan jentera pembangunan ekonomi negara dan memastikan supaya tindakan pegawai Kerajaan serta badan-badan swasta menepati hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Negara;
- (2) memastikan supaya jentera pentadbiran Kerajaan dan sektor swasta dijalankan dengan adil dan saksama dan juga menentukan supaya tiada penyelewengan atau penyalahgunaan berlaku dalam sektor awam dan swasta;
- (3) Suruhanjaya boleh menarik perhatian kepada pihak berkenaan sama ada dalam sektor awam atau swasta mengenai penyelewengan atau penyalahgunaan, salahlaku, salahadabir

dan sebagainya dan membuat perakuan untuk memperbetulkan perkara yang terlibat;

- (4) mengumpul, menyedia dan menganalisa data dan perangkaan yang berkaitan dengan pelaksanaan Dasar Pembangunan Negara;
- (5) Badan ini juga boleh memperakukan supaya sesuatu undang-undang itu dipinda jika terdapat sebarang kelonggaran yang boleh membawa kepada penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan.

Apabila aduan-aduan mengenai penyelewengan dan panyalahgunaan DEB dibangkitkan, Kerajaan akan menyalahkan para pelaksana dan perlaksanaannya dan bukan dasarnya. Adalah dinyatakan dengan tepatnya bahawa sesuatu Rancangan atau Dasar adalah sebaik seperti perlaksanaannya, dengan izin, a plan is as good as it's implementation.

Atas sebab inilah saya akan mencadangkan di mana akhirnya satu pindaan kepada usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan menambahkan perkataan-perkataan berikut dan saya sekarang memberi notis, dan skripnya yang bertulis, usul pindaan yang akan saya kemukakan akhirnya ialah dengan menambahkan perkataan-perkataan berikut pada penghujung usul ini, selepas perkataan berdaya tahan, yang berbunyi:

"Dan memutuskan bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan Di-Raja yang mengandungi tidak kurang dari 15 ahli dan tidak melebihi 20 ahli yang mewakili sebilangan yang adil masyarakat majmuk dan dari semua wilayah ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan RRJP Kedua (1991-2000)

dan Dasar Pembangunan Negara dengan syarat-syarat rujuakn berikut:

- (a) mengawas dan mengesan jentera pembangunan ekonomi negara dan memastikan supaya tindakan pegawai Kerajaan menepati hasrat dan matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, Dasar Pembangunan Baru dan sembilan cabaran strategik yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam visinya untuk Malaysia pada tahun 2020;
- (b) memastikan supaya jentera pentadbiran Kerajaan dijalankan dengan adil dan saksama dan juga menentukan supaya tiada penyelewengan atau penyalahgunaan berlaku dalam sektor awam;
- (c) Suruhanjaya boleh menarik perhatian kepada pihak berkenaan dalam sektor awam mengenai penyelewengan atau penyalahgunaan, salah laku, salahtadbir dan sebagainya, dan membuat perakuan untuk memperbetulkan perkara yang terlibat;
- (d) mengumpul, menyedia dan menganalisa data dan perangkaan yang berkaitan dengan pelaksanaan Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Baru;
- (e) Badan ini juga boleh memperakukan supaya sesuatu undang-undang itu dipinda jika terdapat sebarang kelonggaran yang boleh membawa kepada penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan;
- (f) cara kerja bentuk Suruhanjaya ialah antara lain:
 - (i) sebarang penyiasatan yang dilakukan hendaklah bebas dari arahan dan

kawalan Kerajaan atau mana-mana pihak lain;

- (ii) orang ramai boleh menyampaikan segala pengaduan secara bebas kepada Suruhanjaya;
- (iii) Badan ini tidak terikat kepada Perintah Am Kerajaan, tetapi hendaklah mempunyai tatacara kerjanya sendiri; dan
- (iv) Ahli Suruhanjaya adalah diberi perlindungan perundangan daripada didakwa dalam menjalankan tugas-tugas mereka;
- (v) Suruhanjaya hendaklah diberi kuasa untuk memanggil saksi, mengemukakan dokumen dan juga mempunyai kuasa sampingan yang berhubung dengan perjalanan Suruhanjaya; dan
- (vi) Suruhanjaya ini hendaklah ditubuhkan tidak lewat dari enam bulan selepas kelulusan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Dasar Pembangunan Baru dan dibubarkan tidak melebihi satu tahun selepas tamatnya Dasar Pembangunan Baru.”

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru akan lebih berjaya dalam mencapai matlamat keseluruhannya untuk mencapai perpaduan negara sekiranya terdapat mekanisme yang serupa di sepanjang hayat 20 tahunnya untuk mencegah penyelewengan dan penyalahgunaan khususnya untuk memastikan bahawa di dalam pelaksanaannya tiada golongan khusus akan mengalami sebarang kerugian atau merasa dinafikan sesuatu.

Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru atas kenaikan pangkatnya sebagai Menteri Kewangan. Beliau kini mempunyai kuasa dan peluang untuk melaksanakan cita-cita mudanya khususnya untuk membasmi rasuah, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan segala jenis amalan yang tidak beretika yang diilhamkan oleh Dasar Ekonomi Baru.

Salah satu fenomena khusus DEB ialah pertalian rapat antara corporate politic dan politik khasnya yang melibatkan UMNO yang telah menciptakan naungan politik yang paling tidak sihat di bidang korporat negara.

Beliau haruslah menjawab suatu pertanyaan yang ditanya oleh seorang awam oleh seorang usahawan Melayu, dengan izin, "Why do more politicians and professionals dare to abuse their positions and flout the laws? Does the present system of implementing the NEP enable more patronage to be conferred and abuses to be condoned?"

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita telah sampai ke satu tahap di mana orang-orang bumiputera dan bukan bumiputera percaya mereka harus menuju menjadi 'power brokers' dan 'influence peddlers', dengan izin, dan bukan mengabdikan diri mereka untuk menjadi pengilang, pengeluaran dan pengurus yang paling efisien.

Apakah Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru akan memulakan satu pembersihan ke dalam kandang korporat di Malaysia dengan memutuskan pertalian yang tidak sihat di antara korporat dengan politik, seperti yang digambarkan oleh Renong, United Engineers Malaysia (UEM), dan Fleet Group yang telah mengotorkan bidang korporat dan memberikan integriti dan kejujuran satu nama yang buruk di Malaysia.

RRJP Kedua mendakwa bahawa disebabkan DEB, kemiskinan mutlak semakin mengurang di Malaysia dan ketidaksamaan pendapatan juga semakin rapat tetapi RRJP Kedua telah gagal untuk menumpukan perhatian kepada ketidaksamaan intra-etnik yang semakin berkembang sementara ketidaksamaan antara kaum telah dikurangkan dengan pesatnya.

Sebenarnya, ketidaksamaan pendapatan di kalangan masyarakat bumiputera adalah lebih tinggi daripada di antara lain-lain kaum yang merupakan hasil penumpuan kekayaan dan pendapatan dalam kelas baru yang tidak perlu bekerja atau rentiers di bawah DEB.

Kelas rentiers kesayangan ini yang bertindak sebagai pemegang amanah kepada bumiputera yang tidak berada telah digalakkan untuk memungut, dengan izin, quasi-rent dalam bentuk ganjaran ekonomi tanpa bekerja dan bukannya digalakkan untuk menghasilkan kekayaan dan meningkatkan produktiviti. Mereka tidak bertindak ke arah kriteria prestasi ekonomi yang kompetitif, sebaliknya individu-individu dan agensi-agensi ini semakin bergantung kepada subsidi-subsidi dan perlindungan institution tetap, yang mendatangkan perbelanjaan kos sosial yang amat besar kepada ekonomi dan Kerajaan.

Di antara berbagai kaum, golongan-golongan tertentu telah jauh ketinggalan seperti Orang Asli, Iban, Kadazan dan orang India. Tetapi, walaupun kaum India telah ketinggalan di bawah Dasar Ekonomi Baru, baik dari segi sosio-ekonomi mahupun dari sendiri pendidikan, pemimpin-pemimpin MIC telah mengaut keuntungan. Ini adalah begitu ketara.

Bagi saya apabila saya membaca laporan New Straits Times edisi Pulau Pinang bertarikh 13hb Mei, 1991 yang memaparkan kehidupan bertaraf mewah

pemimpin-pemimpin MIC sementara majoriti besar kaum India sengsara di dalam estet dan kawasan setingan di bandar.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, laporan tersebut yang bertajuk: A Get-together for Zenga men. Dengan cerita berikut, dengan gambar-gambar hasil Harris Iskandar Taib. Itulah disebutkan dalam surat khabar, satu petikan yang pendek. "It was a classy occasion".

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato Seri S. Samy Vellu): (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya habiskan dahulu. Apa?

Dato Seri S. Samy Vellu: Kesan daripada ucapan Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti saya habiskan dahulu, saya akan beri jalan. Saya habiskan dahulu, jangan takut. Saya akan beri jalan. Saya habiskan dahulu. Saya baru sebut, it was a classy occasion.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bila Yang Berhormat bangun minta penjelasan, saya beri macam gentleman.

Lim Kit Siang: Saya akan beri, saya gentleman, saya habiskan itu report, saya akan beri, saya gentleman. It was a classy occasion. The gentleman were all wearing Zenga suits which a boutique spokesman said cost no less that \$2,000 and the women were in exclusive dresses.

It was at the Lafite's, a European restaurant at the Shangri-La.

After all, the night was Ermenegildo Zenga's premiere of its latest Spring/Summer collection, and the taste was expensive, portraying the Italian designer's exclusivity and class, the organisers said. Ermenegildo Zenga suits were everywhere.

Encik Abdullah Ang, whose escapades while serving time in Kajang prison led to a major revamp of the Prison Department, was there. (*Ketawa*)

Energy, Telecommunications and Posts Minister, Datuk Seri S. Samy Vellu, a 'Zenga' man (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Surprise! also lent his presence at the thank-you dinner held by Ermenegildo Zenga Malaysia last Thursday. Dan ini quote—orang bercakap. "Actually, most of my salary goes to Italy, the Minister said while sipping white wine—"most of my salary goes to Italy". I've been a Zenga man for 20 years when I first bought my first Zenga tie".

It was cocktails and Italian food for Zenga customers, a thank you for patronising the only two stores in Malaysia—one at the Kuala Lumpur Hilton, and the other at the Shangri-La.

Deputy Public Enterprises Minister, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman was also at the function, dressed in black evening dress, decorated with golden beads.

Encik Abdullah Ang sat at one of the VIP tables with among others, Kuala Lumpur Stock Exchange General Manager Encik Mohamad Saleh Abdul Majid.

Sekarang saya beri jalan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat. Saya sebagai seorang yang telah dapat jempunan daripada mereka, maka saya pergi. Itu hak saya sendiri. Itu tidak boleh dibincangkan di dalam Parlimen ini. (*Ketawa*) Itu tidak ada kaitan dengan apa yang diucapkan di dalam ini. Kalau boleh, saya boleh kata ini "Ahli Yang Berhormat dari DAP yang mewakili orang miskin pun menghantar anaknya

pergi ke luar negeri untuk belajar. Bolehkah saya kata seperti itu? (*Disampuk*).

Tuan Lim Kit Siang: You boleh cakap, tidak apa.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bolehlah.

Tuan Lim Kit Siang: Masalahnya di sini ialah kita baca dalam Rancangan ini, orang India, kaum India, sudah 20 tahun miskin, susah, menderita 100% mundur dalam pelajaran, dalam sosio-ekonomi, tetapi pemimpin-pemimpin MIC dengan baju Zenga man berharga \$2,000. Itu bukan sekarang tetapi sudah 20 tahun. Itu hak.....

Dato' Seri S. Samy Vellu: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis. Tunggu habis dahulu. Saya akan beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhari bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Penjelasan, saya suka mengajar kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Hendak ajar, saya tidak beri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Itu bukan Zenga.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kalau tidak tahu cakap, jangan cakap.

Tuan Lim Kit Siang: Saya orang miskin tidak tahu. You pronounce.....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Yang ada disebut di surat itu.

Tuan Lim Kit Siang: You pronounce. Zenga, Zinga Zonga. Tetapi....

Dato' Seri S. Samy Vellu: Zengakah, Zongakah, itu bukan awak punya duit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Itu tidak apa, bukan soal duit, tetapi contohnya ialah pemimpin-pemimpin MIC ada baju berharga \$2,000 dengan Zenga, Zongakah tidak apa. Orang India miskin, susah, menderita, payah. Itulah apa yang saya hendak sebut. Itulah ertinya Dasar Ekonomi Baru.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkataan-perkataan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat ke atas saya sendiri adalah perkataan jahat. Yang pertama. Yang kedua, Ahli Yang Berhormat yang mewakili DAP bukannya dia datang dengan 'under wear' masuk dalam Dewan ini. Dia pun gunakan suit. Dia bukan pakai suit yang berharga \$2.00 atau \$3.00, dia punya suit pun berharga \$500-\$600. Ini bukannya bererti dia

Tuan Lim Kit Siang: Sudah lebih 10 tahun—\$150.00. Zenga saya tidak boleh pronounce. Zenga, Zanga, Zonga tidak tahulah.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Dia tidak tahu apa mahu cakap lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana itu apa yang kita mesti ambil perhatian ialah masalah rakyat, bukan Zenga, Zonga, Zanga. (*Ketawa*) Saya teruskan. Oh ya, DEB telah membawa kemakmuran kepada pemimpin-pemimpin MIC, termasuk President MIC yang pakaian hariannya berharga berpuluh-puluh ribu ringgit, sementara masyarakat India semakin jauh ketinggalan sama ada dari segi pendidikan atau sosio-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, ketidaksamaan Wilayah yang besar masih berterusan 20 tahun selepas Dasar Ekonomi Baru. Dari

segi perbezaan pendapatan merentasi negeri, kedudukan relatif negeri-negeri yang kurang maju iaitu Kelantan dan Kedah menjadi semakin teruk sepanjang tempuh RRJP Pertama. Contohnya, pengeluaran kasar per kapita negeri Kelantan dari segi pembahagian purata negara telah jatuh dari 0.47, ratio, pada tahun 1970 kepada 0.40 ratio, pada tahun 1990—selepas 13 tahun pemerintahan UMNO yang menjanjikan pembangunan dan kemajuan kepada negeri yang paling mundur di negara ini. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita Negeri Kedah sebagai nisbah kepada purata negara telah merosot dari 0.67 ke 0.59 dalam tahun 1990. Kadar kemiskinan adalah tertinggi di negeri Sabah sebanyak 34.3% diikuti oleh Trengganu 31.2%, Kedah 30% dan Kelantan 29.9%.

Ini menunjukkan betapa besarnya jurang perbezaan pendapatan dan kekayaan negara di bawah Dasar Ekonomi Baru dalam dua dekad kebelakangan ini sehingga Trengganu, sungguhpun telah melompat ke pencapaian KDNK per kapita sebagai nisbah kepada purata negara yang tertinggi di antara semua negeri-negeri kecuali Wilayah Persekutuan dengan 1.6% ratio, Trengganu mempunyai kadar kemiskinan yang kedua tinggi dalam negara.

DAP mencadangkan bahawa kesemua ketiga-tiga negeri, Kelantan, Sabah dan Kedah diisytiharkan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai kawasan pembangunan khas untuk menerima peruntukan pembangunan khas di bawah Dasar Pembangunan Baru dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua untuk memastikan bahawa penduduk negeri-negeri tersebut boleh mengharapkan satu pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih adil dan saksama dalam tahun 2000.

Semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Kelantan akhir bulan lepas, beliau menyatakan bahawa politik dan pembangunan tidak boleh

bercampur-aduk. Saya harap Kerajaan Barisan Nasional akan berpegang teguh kepada pengisytiharan ini dan memecahkan tradisi masa lampau dengan cuba menggunakan pembangunan sebagai ugutan politik atau, political blackmail, dengan izin, untuk memancing sokongan pengundi-pengundi. Pihak Kerajaan mestilah mengakui hak pembangunan adalah hak asasi rakyat yang tidak boleh dirampas tanpa mengira kecenderungan politiknya kerana dia adalah seorang warganegara dan pembayar cukai yang tidak boleh didiskriminasikan atas sebab politik.

Saya menyarankan Kerajaan bahawa pada masa depan bila Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan Persekutuan dibentangkan, ia memasukkan pindaan yang mengisytiharkan bahawa hak asasi semua rakyat Malaysia menikmati pembangunan dan perlindungan dari diskriminasi pembangunan atas sebab politik. Dasar Ekonomi Baru telah gagal dalam melaksanakan penyusunan semula masyarakat Malaysia yang seimbang.

Satu unsur penting dalam strategi Serampang Dua Mata yang kedua Dasar Ekonomi Baru adalah penyusunan semula modal saham dalam sektor syarikat, dengan matlamat dalam tahun 1990 bahagian Bumiputera akan ditingkatkan sekurang-kurangnya 30% dan kaum yang lain 40%.

Pemegangan hakmilik saham rakyat Malaysia yang lain telah meningkat ke 46.2% dengan bahagian kaum Cina sebanyak 44.9%, bahagian kaum India tidak berubah sejak 20 tahun dahulu dengan tahap 1% dan kaum yang lain 0.3%.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin: Yang Berhormat dari Tanjung, diminta menghabiskan ucapan untuk hari ini, sudah jam 6.30 petang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, besok.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Besok boleh sambung.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

KELAS PERALIHAN— PENGECUALIAN

6.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, keputusan tanpa notis dan tergesa-gesa tahun lalu oleh Kementerian Pendidikan menyekat pelajar-pelajar SRJK Tamil dan Cina yang memperolehi 6A dalam UPSR dari diterima naik terus ke Sekolah Menengah Kebangsaan tingkatan satu telah membawa banyak duka dan perasaan pahit kepada mereka yang terlibat khususnya selepas bertungkus lumus dan bersusah payah mencapai A dalam semua perkara.

Justeru itu, saya ingin menyeru bahawa pelajar-pelajar SRJK dikecualikan terus dari mengikuti kelas peralihan Sekolah Menengah Kebangsaan kalau mereka memperolehi 6A dalam UPSR atau mereka dibenarkan

mengambil dan lulus perkara UPSR Bahasa Malaysia kerana:

- (i) kebolehan mereka menguasai Bahasa Malaysia dan pencapaian akademik yang cemerlang; dan
- (ii) tidak melanggar peruntukan dalam Akta Pelajaran 1961 seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana kelonggaran pernah diberi oleh Kementerian pada masa lampau dalam tahun 1988.

Pokok kontroversi 6A ini adalah berasaskan dakwaan Kementerian Pendidikan bahawa pelajar-pelajar SRJK yang memperolehi 6A dalam UPSR tidak mempunyai penguasaan Bahasa Malaysia yang kuat dan prestasi akademik mereka adalah lemah dan kurang memuaskan. Ini dibuktikan salah dengan prestasi akademik yang cemerlang yang dicapai oleh pelajar-pelajar SRJK yang naik terus ke tingkatan satu khususnya dalam peperiksaan SRP di mana semua pelajar-pelajar tersebut lulus dan ramai daripada mereka mencapai dan memperolehi sekurang-kurangnya 5A dan juga sebilangan besar yang memperolehi 8A adalah datang daripada pelajar-pelajar SRJK yang memperolehi 6A dalam UPSR.

Justeru itu, saya ingin menyeru bahawa Kerajaan menimbang semula dan membenarkan pelajar-pelajar SRJK yang memperolehi 6A dibenarkan terus naik ke tingkatan satu SMK. Merujuk kepada cadangan Kementerian Pendidikan untuk menyelesaikan kontroversi ini dengan membenarkan pelajar-pelajar SRJK naik ke tingkatan satu kalau mereka memilih mengambil kertas Bahasa Malaysia peringkat Sekolah Rendah Kebangsaan atau Sekolah Kebangsaan dan kalau mereka lulus dengan had yang wajar, saya ingin menegaskan pendirian DAP menolak cadangan ini. Ini adalah kerana, satu, ia

hanya berkuatkuasa dalam tahun ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan, Tan Sri Abdul Rahman Arshad dua hari lalu di muka hadapan STAR.

Kedua, kerana mereka mesti lulus dengan tahap yang wajar sedangkan pelajar-pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan boleh naik terus ke tingkatan satu ke Sekolah Menengah Kebangsaan sungguhpun mereka gagal dalam perkara tersebut. Ketiga, pengumuman lewat ini bermakna bahawa pelajar-pelajar SRJK hanya mempunyai satu bulan untuk bersiap sedia mengambil peperiksaan UPSR.

Memandangkan syarat-syarat ini, pihak Kerajaan harus mengambil kira perasaan masyarakat Cina bahawa ia tidak boleh diterima dan memandangkan bahawa pokok kontroversi ini adalah penguasaan Bahasa Malaysia kalau kesemua pelajar-pelajar SRJK mengambil peperiksaan Bahasa Malaysia peringkat Sekolah Rendah Kebangsaan lulus, mereka harus dibenarkan naik terus ke tingkatan satu kalau mereka lulus dalam perkara-perkara lain dan tidak diwajibkan memperolehi semua A dalam semua perkara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Timbalan Menteri menjawab.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu kenaikan terus ke tingkatan satu bagi pelajar-pelajar dari SRJK yang mendapat 6A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebenarnya berdasarkan Akta Pelajaran 1961 Kelas Peralihan ialah satu daripada peringkat dalam sistem pendidikan bagi murid-murid yang berada di Sekolah Rendah Jenis

Kebangsaan melaluinya sebelum meneruskan pelajaran ke peringkat menengah rendah.

Walau bagaimanapun, pada sesi persekolahan 1990/1991 kelonggaran telah diberi dengan mensyaratkan pelajar-pelajar yang mendapat 6A dalam peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) mengambil dan lulus Ujian Khas Bahasa Malaysia serta terlebih dahulu memohon untuk dikecualikan daripada mengikuti Kelas Peralihan.

Pelaksanaan kelonggaran ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan tidak bersifat diskriminasi dan tidak bercanggah dengan prinsip dan amalan pendidikan bahkan bersifat liberal. Langkah tersebut perlu diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar berkenaan benar-benar mempunyai tahap penguasaan Bahasa Malaysia yang kukuh dan dapat mengikut pelajaran dalam Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya di tingkatan satu. Pada tahun ini, tahun 1991, Kabinet telah membuat keputusan bahawa murid-murid dari SRJK(C) dan SRJK(T) dibenarkan membuat pilihan sama ada mengambil kertas soalan Bahasa Malaysia SK/SRK atau kertas soalan Bahasa Malaysia SRJK(C) dan SRJK(T). Untuk mendapat pengecualian daripada mengikuti kelas peralihan, mereka mestilah lulus pada tahap yang sesuai, kertas Bahasa Malaysia SK/SRK dan mendapat A dalam semua matapelajaran yang lain. Ujian Khas Bahasa Malaysia yang telah diadakan dalam tahun 1991 tidak akan diadakan pada tahun ini.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, penjelasan, hendak beri jalan?

Dr Fong Chan Onn: Tidak payahlah.

Tuan Lim Guan Eng: Kelulusan yang sesuai—adakah itu tahap B, C atau lulus sahaja, D? Terima kasih.

Dr Fong Chan Onn: Lulus pada tahap yang sesuai ini bermakna lulus pada tahap yang dianggap sesuai.

Tuan Lim Guan Eng: B, C, D atau A. Apakah tahap? Kalau lulus D, kalau E ialah gagal, adakah lulus yang sesuai itu D?

Dr Fong Chan Onn: Lulus pada tahap yang sesuai berertinya lulus pada tahap yang sesuai.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):

Yang Berhormat, sila.

Dr Fong Chan Onn: Sudah habis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Majlis ini ditangguhkan hingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 petang.